

Laporan Persidangan

PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA MESYUARAT KEDUA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEDUA BELAS

Hari : **28 Julai 2008 (Isnin)**

Tempat : **(Dewan Undangan Negeri,
Lebuh Light, Pulau Pinang)**

Jam : **9.30 Pagi.**

HADIR

Speaker (YB. Tuan Abdul Halim bin Hussain)
Ahli Kawasan Air Putih (YAB. Tuan Lim Guan Eng) – Ketua Menteri
Ahli Kawasan Penanti (YB. Tuan Mohammad Fairus bin Khairuddin) –
Timbalan Ketua Menteri I
Setiausaha Kerajaan Negeri (YB. Dato' Jamaludin bin Hasan)
Penasihat Undang-undang Negeri (YB. Puan Faiza bt. Zulkifli)
Pegawai Kewangan Negeri (YB. Dato' Supiah bt. Md. Yusof)
Ahli Kawasan Perai (YB. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy) –
Timbalan Ketua Menteri II

- “ Padang Kota (YB. Tuan Chow Kon Yeow)
- “ Batu Maung (YB. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim)
- “ Bagan Jermal (YB. Tuan Lim Hock Seng)
- “ Batu Lancang (YB. Tuan Law Heng Kiang)
- “ Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh)
- “ Bukit Tambun (YB. Tuan Law Choo Kiang)
- “ Air Itam (YB. Tuan Wong Hon Wai)
- “ Berapit (YB. Puan Ong Kok Fooi)
- “ Machang Bubuk (YB. Tuan Tan Hock Leong) – Timbalan
Speaker
- “ Pulau Tikus (YB. Tuan Koay Teng Hai)
- “ Sungai Bakap (YB. Tuan Maktar bin Haji Shapee, AMN)
- “ Bagan Dalam (YB. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady)
- “ Permatang Pasir (YB. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd
Rahman)
- “ Komtar (YB. Tuan Ng Wei Aik)

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Tuan Yeoh Soon Hin)
“ Tanjong Bunga (YB. Tuan Teh Yee Cheu)
“ Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh)
“ Padang Lalang (YB. Tuan Tan Cheong Heng)
” Kebun Bunga (YB. Tuan Ong Khan Lee)
“ Bukit Tengah (YB. Tuan Ong Chin Wen)
“ Pantai Jerejak (YB. Tuan Sim Tze Tzin)
“ Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji)
“ Sungai Pinang (YB. Tuan Koid Teng Guan)
“ Pengkalan Kota (YB. Tuan Lau Keng Ee)
“ Jawi (YB. Tuan Tan Beng Huat)
“ Batu Uban (YB. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam)
“ Penaga (YB. Dato’ Haji Azhar bin Ibrahim)
“ Telok Bahang (YB. Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya)
“ Telok Ayer Tawar (YB. Dato’ Hajah Jahara bt. Hamid)
“ Bayan Lepas (YB. Tuan Syed Amerruddin bin Dato’ Syed Ahmad)
“ Sungai Dua (YB. Dato’ Haji Jasmin bin Mohamed)
“ Pinang Tunggal (YB. Dato’ Haji Roslan bin Saidin)
“ Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah)
“ Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya)
“ Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad)
“ Sungai Acheh (YB. Dato’ Mahmud bin Zakaria)
“ Bertam (YB. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab)

TURUT HADIR

Encik Rosmin bin Yaakob - Setiausaha Dewan Undangan Negeri.

Setiausaha:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Speaker.

Doa.

YB. Tuan Speaker:

Hari Isnin 28 Julai 2008. Dewan bersidang semula. Perbahasan. Sila Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Bismillahi Rahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi dan salam sejahtera.

Terima kasih kepada YB. Tuan Speaker dan telah membenarkan saya selaku ADUN Kawasan Bayan Lepas mengambil bahagian walaupun minggu sudah ada kekecohan sedikit. Tetapi saya percaya YB. Tuan Speaker, tuan yang paling arif dan telah mengizinkan pada hari ini untuk saya mengambil bahagian dan saya mengambil kesempatan hari ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pembinaan pembentukan satu kerajaan baru, yang baru-baru ini telah kita faham yang telah dimenangi oleh Pakatan Rakyat dan ini ialah buat pertama kali, setelah mengambil alih tampuk pemerintahan di Negeri Pulau Pinang kita mendapat mengadakan Dewan Undangan yang agak lewat kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Kita mula hari Isnin sehingga hari Rabu, hari Khamis saya tidak datang dan saya lihat senario yang ada di dalam Dewan Undangan Negeri keadaan yang agak aman walaupun kita berpandangan, bertengkar tetapi pandangan yang telah diberi oleh semua pihak dapat diterima dengan secara aman. Jadi tidak secara langsung dapat kita lihat bahawasanya kerusi terbang, penggunaan perkataan-perkataan yang agak menyakitkan hati yang lebih serius yang boleh kita bercabar antara satu sama lain. Dan ini kita lihat ialah satu perbahasan yang sihat dan harus negeri-negeri lain mengambil

iktibar dan belajar daripada khasnya Negeri Pulau Pinang ini. Tetapi walau bagaimanapun banyak yang telah dipertikaikan, dicakap tentang masalah di peringkat Pusat di mana peringkat Pusat ini ialah harus dibahas YB. Tuan Speaker di dalam Parlimen isu-isu yang tidak ada kena mengena dengan Pentadbiran Pulau Pinang, harus dibahaskan di Parlimen bahawasanya perkara ini boleh dibuat keputusan di peringkat Parlimen. Jadi saya berharaplah kepada Kerajaan Negeri yang baru ditubuh ini isu-isu seperti ini harus pihak kerajaan membawa isu ini kepada Kerajaan Pusat dalam perbahasan dalam Parlimen dan selaku Kerajaan Negeri walaupun kita tahu Kerajaan Pusat ialah diperintah oleh Barisan Nasional dan Kerajaan Negeri oleh Pakatan Rakyat maka agak sukar kadangkadangkang untuk kita berbincang tentang masalah ini. Jadi kita yang menang harus menerima ini hakikat bahawasanya sebelum kita menang pun, kita telah tahu, jadi apabila menang kita jangan jangka yang bahawasanya kita akan dapat semua bantuan daripada Kerajaan Pusat kerana Kerajaan Pusat adalah satu Barisan Nasional dan kita adalah Pakatan Rakyat.

Apa yang harus kita lihat untuk apa kita melihat *survival* kita itu sendiri kebijaksanaan selaku pegawai-pegawai pentadbir Kerajaan Negeri khasnya daripada Ahli-Ahli EXCO untuk mengguna apa yang kita ada di Negeri Pulau Pinang ini untuk kita membangunkan Pulau Pinang secara yang telah kita bercakap dan kita janganlah buat pertama sekali apabila kita masuk yang hari pertama, apa yang salah lihat YB. Tuan Speaker, masa itu kebanyakan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri ini kebanyakannya orang baru, bila orang yang baru ini tidak begitu kita kenal dan hari pertama dan hari yang kedua itu seolah-olah kita tidak bertegur sapa kecuali orang-orang lama yang kita telah kenal. Jadi seolah-olah pandangan diri saya seolah-olah kita datang ke Dewan ini hanya untuk mencari kelemahan atau hanya untuk mencari jalan melepas geram yang kita rasa kita menggunakan Dewan ini. Tetapi seharusnya Dewan ini digunakan untuk perbahasan atas-atas masalah yang terjadi di Negeri Pulau Pinang ini. Saya masih teringat masa Perang Dunia Kedua dahulu, orang Jepun hampir menakluki Asia Timur dan *attitude* askar Jepun ketika itu, mereka telah ada satu pemikiran negatif terhadap orang-orang yang mereka menakluki terutama sekali rakyat China, sebab itu saya lihat apa yang berlaku maskot yang kita lihat di satu kota di China kerana selalunya apabila

kita ambil alih tampuk pemerintahan kita ada *view* yang negatif terhadap apa yang dibuat sebelum ini, maka kita mendengar satu pihak, jadi kita hari ini kalau boleh terutamanya *wise man* ...(dengan izin) kita kena dengar semua pihak untuk kita membuat satu keputusan tanpa kita memfitnah sesuatu perkara yang tidak betul, kita jangan jadi Jeneral Jepun di Malaysia ketika Perang Dunia Kedua dahulu siapa yang cerita dahulu, siapa yang kaki mengacum kepada Jeneral Jepun ini maka orang itu yang betul, orang yang tidak erti cerita ini, yang tidak pandai mengampu selalu dinampak sebagai golongan yang tidak betul, jadi sebab itulah kita nasihatkan Kerajaan Negeri sekarang ini *be more rasional, please* ...(dengan izin). YB. Tuan Speaker janganlah kita memandang sesuatu parti pembangkang sebagai satu parti yang akan sentiasa memakan kita, kebanyakan parti pembangkang ini kita bangkit isu-isu tempatan.

YB. Tuan Speaker, walau bagaimanapun seperti saya katakan tadi, saya lihat kedudukan pembahasan di Dewan ini begitu aman sekali dan dengan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB. Tuan Speaker kerana telah menjalankan tugas yang begitu saksama.

Yang kedua YB. Tuan Speaker, saya ingin juga bercakap tentang masalah penghuni-penghuni rumah bertingkat yang telah pun diperkatakan di dalam ucapan TYT. baru-baru ini. Pembeli rumah bertingkat di Pulau Pinang ini memang begitu banyak rumah pangsa. Kita di Pulau Pinang ini bermasalah berbeza daripada negeri-negeri yang lain kerana tiap-tiap rumah bertingkat ini kita hendaklah selesai dengan segera. Di Kuala Lumpur atau Lembah Klang di mana Kerajaan Pusat telah mengambil alih kebanyakan perumahan dan dibina rumah baru, jadi setelah kita lihat penubuhan COB, atau *Commissioner Of Building* atau Persuruhan Bangunan yang telah dilantik oleh kerajaan ialah YDP. Cuma di Pulau Pinang ini saya lihat kalau kita tahu sesuatu masalah tetapi kita tidak akan dapat menyelesaikan kerana apa kita lihat COB ini dalam Majlis Tempatan itu tidak ada satu jabatan asing khas untuk kita memberi tumpuan atau fokus kepada masalah ini, yang hanya kakitangan yang pakar tentang COB ini hanya segelintir sahaja untuk menyelesaikan masalah beribu rumah-rumah pangsa bertingkat di Pulau Pinang.

Saya sarankan kepada YAB. Ketua Menteri untuk melihat perkara ini dan khasnya kepada EXCO Kerajaan Tempatan kalau boleh kita dapat menambahkan lagi kakitangan dan juga unit khas atau jabatan khas untuk kita mengatasi masalah ini. Di kawasan saya memang banyak rumah bertingkat, yang paling banyak sekali di Paya Terubong, Seberang Jaya di kawasan YB. Arif Shah dan kita lihat apabila kita menjemput COB untuk memberi taklimat selalunya dihantar oleh COB ini seorang kerani kanan yang kadang-kadang apabila ditanya soalan tidak dapat jawab soalan kerana dia tidak faham peranan penubuhan JMC, apa sebenarnya itu JMC, apa sebenarnya JMB, apa sebenarnya MC itu sendiri. Jadi kalau kita dapat memfokus perkara-perkara ini dapat menambahkan lagi kakitangan yang lebih pakar, maka kita dapat menyelesaikan atau mengurangkan masalah ini dengan secara secepat mungkin.

Sebenarnya dalam ucapan T.Y.T. penubuhan JMC khasnya kepada rumah-rumah yang bertingkat yang bermasalah di mana pemaju tidak boleh duduk satu meja dengan pembeli, maka di sinilah COB kena main peranan, dia tidak boleh hantar hanya seorang kerani kanan untuk pergi menyelesaikan masalah ini, kerana yang perlu adalah pengesahan apabila kita mengadakan JMB, JMB untuk maklumat YB. Tuan Speaker, ialah *Joint Management Body* di mana tiap-tiap *parcel owner* dia ada hak untuk mengadakan mesyuarat agung untuk memilih JMC.

Dari segi pelaksanaan pengurusan dijalankan oleh JMC bukan JMB dan dalam JMC sekarang ini tertakluk kepada rumah-rumah pangsa yang tidak belum ada *strata title* lagi. Lagi JMC ditubuhkan yang saya fahamkan diwajibkan pemaju juga hadir tetapi sekiranya pemaju tidak mahu bekerjasama dengan pembeli atau pemilik parcel rumah itu sendiri maka di sinilah peranan COB untuk datang dan mencadangkan siapa pengerusi dan untuk mengesahkan mesyuarat agung yang diadakan oleh(gangguan) seperti JMB tadi. Maka mesyuarat agung itu adalah mesyuarat yang akan sah dan tertakluk di bawah naungan Akta Pembangunan yang baru yang telah digubal di Kuala Lumpur baru-baru ini. Jadi kita mintalah bukan kita meluluskan segala pembangunan pelan yang kita adakan di Pulau Pinang tetapi perkara ini harus difokus yang serius.

Jadi saya seru kepada EXCO Kerajaan Tempatan kalau boleh dapat melihat perkara ini sebagai perkara yang diberi keutamaan dan kalau tidak cukup kakitangan itu cakuplah dengan Yang Di-Pertua dan Setiausaha Kerajaan supaya kita dapat menubuhkan satu unit atau jabatan. Lebih elok jabatan. Saya percaya dengan kebiasaan yang ada oleh ahli-ahli daripada pentadbiran ini maka perkara ini dapat dipercepatkan lagi untuk menyelesaikan sengsara yang sedang berlaku di kawasan-kawasan rumah bertingkat ini. Jadi tidak gunalah kalau ada api, kita tidak dapat selesaikan api dan sekiranya ada api, dan kalau kita dapat kurangkan kayu untuk makan api maka kayu api itu akan mati sendiri. Jadi eloklah sebagai seorang pentadbir dapat melihat perkara ini supaya kita dapat selesaikan masalah-masalah ini. Rumah bertingkat ini yang dibina oleh Kerajaan Negeri pun ada zaman dahulu tetapi apabila kita tidak mencukupi *fund* atau pun bajet, maka kebanyakan rumah-rumah pangsa kerajaan dibina oleh Kerajaan Pusat.

Yang terakhir yang Kerajaan Negeri bina ialah hasil pinjaman daripada Kerajaan Pusat untuk kita guna rumah murah di Tasek Gelugor dan satu lagi di Sungai Besar di mana projek-projek ini dibina oleh Kerajaan Negeri dengan pinjaman daripada Kerajaan Pusat. Dan ini juga boleh dilakukan Kerajaan Pakatan Rakyat. Kita boleh pinjam duit daripada Kerajaan Pusat dan kita cari tanah dan kita boleh bina rumah-rumah pangsa untuk kita menepati apa yang kita telah katakan tadi. Perumahan mampu milik untuk semua kakitangan-kakitangan dan penduduk-penduduk Pulau Pinang ini. Jadi yang saya khawatir ialah rumah bertingkat yang saya nampak yang paling usang di Pulau Pinang ialah Padang Tembak. Padang Tembak ini kalau wakil daripada Air Putih, kalau tuan-tuan dapat lihat bangunan itu cuba tuan-tuan masuk dalam rumah cuba ketuk dinding rumah, dia tak keluar pasir, dia keluar habuk. Ini menunjukkan bangunan itu *it's a very bad shape*. Jadi saya cadangkan Kerajaan Baru dapat membuat satu kajian, khasnya kajian yang rasmi oleh IKRAM tentang kedudukan sebenar bangunan itu sendiri.

Saya sebagai EXCO sebelum itu telah memohon kepada Kerajaan Pusat untuk meminta sedikit bajet untuk kita buat *revolving fund*. Kita reban satu blok, kita penaik sekarang ini 17 tingkat kita penaik 34 tingkat kita *move slow step by step*. Kalau kita tidak ada *revolving fund* maka kita tidak boleh dapat melaksanakan

program *urban renewal*. Jadi saya cadangkan pada Kerajaan Negeri supaya dapat melihat perkara ini sekali lagi, saya risau jikalau kalau ada *earthquake*, Pulau Pinang ini akan menghadapi masalah yang besar kepada penduduk-penduduk di Padang Tembak ini. *Very serious problem ...*(dengan izin). YB. Tuan Speaker. Satu lagi yang saya nak bangkitkan di sini YB. Tuan Speaker ialah draf pelan, pelan Kerajaan Tempatan di mana tahun sudah kita sudah pun menggubal satu pelan struktur. Struktur pelan ini ialah pelan yang kasar dari segi pembangunan di Pulau Pinang selama 15 tahun dan *local plan* masih dalam draf khasnya oleh MPPP. Saya lebih *concern* kepada MPPP sebab saya sendiri duduk di Pulau Pinang. Kita lihat draf pelan ini pelantikan konsultan itu sendiri oleh MPPP. Kita telah bangkit pada tahun sudah, MPPP melantik konsultan daripada Kuala Lumpur untuk membuat satu perancangan untuk kita hidup perancangan selama 15 tahun di mana kita anak Pulau Pinang, kena ikut pelan perancangan atau *local plan* yang akan diguna pakai dalam permohonan segalanya dalam Pulau Pinang ini. Maka konsultan itu dilantik di Kuala Lumpur, Tiga hari saja duduk di Balik Pulau untuk nak khabar kepada orang Balik Pulau, selama 15 tahun ini kami nak buat macam ini untuk hang pa duduk. Adakah patut YB. Tuan Speaker. Orang Kuala Lumpur yang datang 3 hari dia buat *local plan* yang agak tidak sesuai dengan kehendak masyarakat tempatan.

Jadi kita telah bangkit masalah ini. Kalau boleh kita mahu perkara ini sebelum dibuat *public hearing* kita mahu perkara ini dilihat semula oleh khasnya daripada YDP, kita mencari konsultan anak Pulau Pinang itu sendiri. Tuan-tuan semua fikirkan kita ambil konsultan di Kuala Lumpur turun ke Balik Pulau contoh untuk membuat satu perancangan untuk selama 15 tahun pembangunan di Balik Pulau, khasnya kawasan Barat Daya yang kita rasa agak aneh. Orang yang duduk di Kuala Lumpur tidak tahu, kawasan mana ada bendang, kawasan mana paya, kawasan mana yang banjir, dia mai dari Kuala Lumpur untuk buat pembangunan selama 15 tahun. Jadi saya minta kalau boleh perkara ini dilihat semula oleh EXCO Kerajaan Tempatan supaya pembangunan itu mengikut masalah tempatan yang kita harus berjaga-jaga.

Seperti yang saya katakan tadi, yang dibangkitkan oleh YB. Permatang Pasir kalau boleh kita perbanyakkan kampung warisan. Sebagai contoh pada tahun sudah kita sudah mencadangkan struktur pelan sebanyak 27 kampung warisan di bahagian Pulau dan sebelah tanah besar ada 20 lebih, kesemuanya ada 40 lebih semua tetapi apabila konsultan ini daripada Kuala Lumpur yang telah menggubal *local plan* dia hanya memberi garis panduan kepada 7 kampung daripada 20 lebih yang mana saya rasa kampung-kampung di Pulau Pinang ini saya rasa kebanyakannya 100 tahun lebih bukannya Tanjung Tokong, YB. Permatang Pasir, di Pulau Pinang ada banyak. Di Sungai Dua pun ada rumah ukiran yang hampir 200 tahun. Jadi kalau nak buat kampung warisan, saya memang sokong penuh, tetapi kita kena lihat kampung warisan nelayan, kehidupan secara nelayan. Kita harus kekal bukan hanya di Balik Pulau, tetapi di seberang pun kita harus kekalkan. Kampung tradisional yang asal. Kampung warisan secara berkebun kita boleh wartakan ini. Jadi kalau boleh kita minta YDP boleh lihat semula perlantikan konsultan-konsultan ini yang kita rasa menggubalkan satu perancangan untuk Negeri Pulau Pinang yang tidak begitu sesuai khasnya di kawasan-kawasan luar bandar.

Satu lagi YB. Tuan Speaker, saya nak bangkitkan isu rumah *Suffolk* yang dijaga oleh EXCO Pelancongan. Di sini saya nak ucapkan tahniah kepada EXCO Pelancongan iaitu YB. Batu Lancang yang telah bertegas. Biasanya rumah *Suffolk* ini pengurusannya tidak boleh diberikan kepada NGO, kerana kita lihat sebenarnya *restoration* rumah itu di *share* seorang setengah, Kerajaan Negeri ada beri sedikit wang RM1 juta lebih dan RM3 juta lebih oleh HSBC. Dan bank HSBC beri sumbangan dia memberi syarat bahawasanya kita kena serah pengurusan itu kepada pihak NGO tetapi untuk maklumat YB. Tuan Speaker, rumah *Suffolk* ialah sejarah rumah Gabenor zaman British dulu dan seharusnya rumah *Suffolk* ini dibuat keputusan oleh Kerajaan Negeri. Biasanya kita dapat mengurus dengan lebih bijak dan kita tidak takut dari segi salah guna bangunan itu sendiri. Jadi saya minta YB. Batu Lancang teruskan untuk melihat rumah *Suffolk* ini diguna dengan sepenuhnya. Dan satu lagi YB. Tuan Speaker bandar warisan yang baru ini telah disenaraikan oleh UNESCO, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah semua program-program yang telah dijalankan.

Cuma kita jangan lupa dia *ada side effect*...(dengan izin). *Side effect* dia macam ini, kalau kawasan itu dizonkan dalam kawasan warisan apa yang berlaku dia punya *advantage* ialah pelancong banyak datang tetapi tuan punya bangunan itu sendiri. Untuk maklumat YAB. Ketua Menteri, tuan bangunan itu sendiri kalau dia mampu dia boleh buat *restoration* dia sendiri, kita bercakap tentang bangunan-bangunan yang dimiliki oleh swasta, tetapi pemilik-pemilik bangunan yang berpendapatan rendah yang kurang berkemampuan. Bila dia nak buat *restoration* dia kena mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Tempatan seperti ukiran-ukiran dan yang lain-lain lagi.

Secara tidak langsung, kos untuk buat *restoration* adalah tinggi. Kena ikut *style-style* lama dia tak boleh reban bangunan dan buat bentuk empat segi semua. Ini kadang-kadang secara tidak langsung kita lihat mungkin bangunan-bangunan yang usang akan bertambah usang kerana *restoration* untuk kita nak buat bangunan seperti bangunan yang asal memakan belanja yang banyak. Jadi saya lihat Kerajaan Negeri dapat melihat perkara-perkara ini dan dapat membantu dan secara tidak langsung juga *value* tanah itu akan turun. Kalau saya *investor* pun saya tak teringin nak beli tanah kerana kalau kita melabur dalam bentuk pelancongan ini *the returns is very slow*. Kerajaan Negeri kena ambil peranan. Saya masa dulu pernah pergi melawat Singapura, dan di Singapura dia tak buat *style* seperti kita di Pulau Pinang. Di Pulau Pinang kita *gazet the whole area*. Di Singapura dia ikut *block by block*. Kalau blok ini warisan, dia blok warisan, kalau swasta itu tidak mampu untuk buat *restoration* maka kerajaan akan masuk *step in take over* bangunan itu maka Kerajaan Negeri akan buat *restoration*. Mungkin pengurusan akan dibuat oleh NGO-NGO yang profesional yang berkemampuan untuk buat *restoration*. Jadi ini juga harus diberi fokus yang serius kalau kita hanya memperlihatkan banyak aktiviti kebudayaan tanpa kita melihat bangunan itu sendiri kita jangka dalam masa 5 tahun akan datang, 10 tahun akan datang, yang ada akan bertambah-tambah usang lagi yang akan runtuh dimakan oleh anai-anai dan lain-lain lagi.

Maka ini perkara yang harus juga dilihat oleh Kerajaan Negeri walaupun kita telah menerima sebagai Bandar UNESCO, Bandar Warisan daripada UNESCO itu sendiri dan berbalik kepada isu tempatan, saya ingin juga mengambil kesempatan pagi ini YB. Tuan Speaker, untuk memohon Kerajaan Negeri mempercepatkan sedikit proses pengambilan tanah yang telah pun kita dah *submit* kepada PTG iaitu tujuan untuk pembinaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, Yan Cheng Telok Kumbar, kerana kalau kita lihat yang lambat itu, kerana sekolah itu di tepi jalan. Bila tepi jalan ini, satu hari apabila jalan itu akan diperbesarkan oleh apa ni, Kerajaan Pusat jalan itu, kerana jalan itu *Federal Road*, Kerajaan Pusat punya maka sekolah ini akan tersepit, akan menjadi sekolah yang paling kecil yang membahayakan juga pelajar-pelajar. Sebab itu saya telah berbincang dengan Lembaga Pengurus itu, kita cadangkan di tapak baru. Tetapi tapak yang baru itu kepunyaan swasta ada di kawasan Telok Kumbar itu, dan swasta dan juga pihak Lembaga mengurus sanggup membeli tanah itu dengan kerjasama Kerajaan Negeri untuk membuat pengambilan cepat sedikitlah kalau boleh.

Jadi dipohon Kerajaan Negeri dapat memberi bantuan dipercepatkan sedikit lagi dalam pembelian tanah untuk pembinaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Yan Cheng di Telok Kumbar itu sendiri. Yang satu lagi isu tempatan YB. Tuan Speaker saya juga ingin meminta kerjasama daripada EXCO Air Itam, YB. Tuan Wong Hon Wai tentang projek bukan terbengkalai yang telah disenaraikan dalam Kementerian Perumahan tetapi projek yang akan terbengkalai, yang kita lihat akan terbengkalai. Yang paling ketara ialah projek ini ialah projek oleh TPPT. TPPT ialah anak syarikat daripada Bank Negara. TPPT kalau *short form* adalah Tabung Perumahan Projek Terbengkalai yang ditubuh sebelum syarikat SPYB ditubuhkan lagi dulu. Maka projek ini telah diswastakan kepada satu syarikat nama Tanjung Serbanika untuk membuat projek-projek mampu milik. La ni dalam pelaksanaan eh.. dalam pelaksanaan Fasa yang pertama. Dan apa yang berlaku, dalam Fasa yang pertama ini, kontraktor dah lari kenapa, depa tak bayar duit ini pelan dok larut, pelan dok larut cerita ini, kalau kita kerajaan yang bersih, atau CAT kita kena buat tindakan cepatlah. Kita kena panggil memantau perkara ini, kerana kita lihat Fasa pertama telah dibina *landed property* telah dibina, dia campur.

Landed property ada 2, 3 Fasa ada 1 Fasa termasuk juga dengan *low-cost*. *Landed property* ada yang blok yang di mana dah dibina 70% tunjukkan orang dah bayar 70%. Ada yang dibina status *building* itu sendiri, ada yang 50%. Tapi semuanya melebihi 50% dan apa yang berlaku ialah kontraktor lari. *The whole* projek dah berhenti dan yang bertambah menyulitkan ialah kerana apa ini rumah murah yang telah pun ditawarkan kepada orang ramai. Tapak hanya disediakan tetapi *collection* 10% dah diambil. Tetapi bermasalah bangunan tak naik langsung. Jadi selalunya Kerajaan Tempatan ini akan bagi OC. untuk serentak kalau fikirannya rumah yang rumah *landed property* siap, tetapi kalau *low cost* tak siap tetapi OC. akan tak dapat, pasal projek ini projek lama, projek ini tak tertakluk kepada, kepada apa ini sistem baru yang dipakai oleh kerajaan, Kementerian Perumahan. Ini sistem yang lama. Jadi saya minta kalau boleh ahli daripada Air Itam, dapat memanggil semua pihak untuk tanya dan dapat memantau sehingga dapat dilaksanakan.

Untuk maklumat YB. Tuan Speaker juga rumah *low cost* pun diambil 10% tapak pun tak buat lagi. Jadi kalau kita lihat saya jangka dalam S&P nya projek ini harus disiap pada tahun depan tapi saya nampak tak mungkin, Jadi kalau kita nak ambil 1 *night* pun dia kena tanggung segala *liability* dan *the problem is*, apabila kontraktor itu lari dan pemaju telah hutang kepada kontraktor ini jadi kontraktor ini dia ada right untuk pergi ke mahkamah untuk buat *injunction if I am not mistake*. Kalau jadi *injunction* itu, lagi menyulitkan lagi untuk kita menyelesaikan masalah projek yang akan terbengkalai, tapi ini ialah di peringkat awal *early stage* kalau kita tunjuk kita punya apa kata, kita dapat memanggil semua pihak termasuk dengan agensi-agensi dan jabatan-jabatan yang berkenaan, kita boleh duduk, berbincang, maka kita dapat selesaikan masalah ini. Saya sendiri telah tulis surat kepada Kementerian Kewangan dan menceritakan tentang masalah dan juga mencadangkan bahawasanya TPPT dapat memecat pemaju ini yang diswastakan, syarikat ini. Jadi saya belum mendapat keputusan lagi YB. Tuan Speaker. Jadi saya harap kalau ada kerjasama kita dapat orang kat apa dapat pun tak apa, projek ini dapat diteruskan dengan cara yang elok.

Jadi YB. Tuan Speaker, akhir sekali saya juga nak sentuh tentang kegunaan kereta Proton ini. Kereta Proton yang telah dihebohkan dalam *paper* baru ini. Kereta Proton ini sebenarnya YB. Tuan. Speaker SV6 Eksekutif ialah kereta potong. Kereta Proton Eksekutif adalah kereta potong, dia bukan kereta yang dibuat sebij, *frame* lah tu, dia dipotong tengah disambung sebab itu lah orang kata apa kegunaannya untuk menjalan apa ni, *long distance*, amat berbahaya sekali. Sebab itulah apa yang dikatakan oleh apa ni, saya juga nak bangkitkan kerana saya lihat kereta Proton ini kualiti tak ada tetapi kita masih *insist* gunakan kereta Proton ini. Terutama sekali di belakang tak ada *blower* apa, kita tau la kan saya nampak perkara ini, harus kaji (gangguan)

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Minta penjelasan. Yang Berhormat saya terpegun dengan apa yang Yang Berhormat nyatakan tadi bahawa kereta Proton tidak berkualiti. Adakah Yang Berhormat nyatakan kereta Nasional kita ini langsung tidak berkualiti? Itu apa yang Yang Berhormat nyatakan. Itu satu perkara yang amat serius. Baru *you* bagi tau tadi. / terpegun ini kereta Nasional kita kamu nyatakan macam ini. Kamu ada bukti ia satu ... (gangguan).

YB. Tuan Speaker:

YB. Datok Keramat, gunakan Yang Berhormat dan bukan kamu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Kamu ada bukti ia satu, kamu ada bukti ia satu kereta yang tidak berkualiti. Saya inginkan penjelasan.

YB. Tuan Speaker:

YB. Datok Keramat, gunakan Yang Berhormat dan bukan kamu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Yang Berhormat, *sorry*. *Sorry* Yang Berhormat *Sorry* Yang Berhormat Kalau ada bukti. Saya minta maaf.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Selalunya YB. Tuan Speaker, orang baru dia begitulah, dia guna bahasa itu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Saya minta maaf. Tapi saya harap Yang Berhormat dapat buktikan fakta bahawa ianya tidak berkualiti. Seperti mana Yang Berhormat nyatakan tadi. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Jadi YB. Tuan Speaker, kualiti itu, saya sebut tentang Proton Eksekutif, di mana saya nyatakan tadi, dia kereta, kereta sambung yang lain-lain saya tak sebut. Saya sebut *very particularly* dan hansard pun, V6 ya tu. Jadi Kerajaan Negeri harus perlihat juga pegawai-pegawai ini untuk orang kata apa, untuk melihat bahawasanya kenderaan ini sentiasa diberi *service*. Tentang kualiti itu, saya tak tau apa, saya bukan pakar tentang mekanik, saya bukan mekanik kereta yang boleh menilaikan sebuah kereta kualiti tetapi saya cerita apa yang saya tau.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Tuan Koid Teng Guan):

Minta penjelasan. Saya nak tau kereta sambung, *that means* adakah kereta itu dijual ke luar Negara asing kemudian tolak balik baru ambil mai *recon*, panggil *recon*, adakah itu .. (gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Dak, dak, saya ingat kurang faham. Orang baru tak pa lah bagi *chance*. Dia kurang faham. Saya katakan tadi kereta V6 yang saya tau kereta sambung. Itu ialah untuk Ahli-ahli Yang Berhormat untuk *find out* la kan. Bagi panjang ya. Saya sebut *very particularly* V6, V6 Eksekutif. Jadi itu saja lah. YB. Tuan Speaker, mungkin ahli daripada Sungai Pinang, kenal, kenal dia sebelum dia jadi wakil rakyat saya kenal dia.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Minta penjelasan YB. Tuan Speaker. Sekejap saja Yang Berhormat, apa yang saya bangkitkan tadi adalah amat serius. Ini adalah berkenaan kualiti kereta Nasional kita. So sekiranya Yang Berhormat ingin memperbetulkan apa yang Yang Berhormat telah nyatakan, boleh Yang Berhormat tarik balik apa yang Yang Berhormat telah nyatakan tentang kualiti kereta Proton itu tidak di... (gangguan). Ini serius.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Ahli daripada mana tah, minta maaf. Datok Keramat. Saya faham, Datok Keramat, saya faham perkara yang dibangkitkan ini. Cuma saya nak sebut tentang kereta ini yang saya tau. Jadi seperti saya katakan tadi, bahawasanya kereta ini kereta potong *especially* kereta V6 Eksekutif. Nak suruh tarik balik, tak payah tarik balik. Yang itu saya tak kan tarik balik, nak tarik balik apa, saya cuma bagi saya punya *point*, saya punya pandangan. Yang ini bukan untuk dibahaskan benda ni pun, nak bahaskan ahli dari Datok Keramat seorang ahli...(gangguan) nanti saya habiskan dulu. Boleh dibahaskan dalam Parlimen. *You* bukan Negeri Pulau Pinang yang buat kereta Proton ini. Cuma ini pandangan, pandangan daripada saya YB. Tuan Speaker. Jadi pandangan tu, tak payah dipertikaikan. *You* sebagai Ahli Datok Keramat pun ada pandangan lain. So kita orang bagi pandangan nak dipertikaikan itu, masalahlah sikit tu, jadi mungkin Ahli Parlimen, *sorry* Ahli Datok Keramat boleh bangkitkan perkara ini dalam Parlimen.

YB. Tuan Speaker itu saja saya nak bahas pagi ini dan pada pagi ini mengambil kesempatan ingin mengucapkan syabas dan tahniah khasnya kepada Tuan Yang Terutama kerana memberi satu ucapan yang bernas dan dengan ini saya ingin menyokong. Sekian, terima kasih.

YB. Tuan Speaker:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

YB. Tuan Speaker, saya ingin membuat satu penerangan ringkas yang ringkas mengenai pernyataan yang telah dibuat pada hari Khamis dulu mengenai dengan diri saya tentang penggunaan bilik VIP di *Airport* ...(dengan izin). Okay, terima kasih YB. Tuan Speaker. Ini adalah pernyataan yang telah dibuat oleh Datok Keramat dalam ucapannya hari Khamis yang lalu yang mengatakan saya tidak ada kuasa untuk berada di yang berada di bilik VIP kemudian dilanjutkan pula dengan *security* itu dan ini. Saya mengkaji dan mengkaji, *check* saya punya diari dan sebagainya yang seperti yang saya nyatakan saya tidak (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

YB. Tuan Speaker, ...(dengan izin), minta maaf. Saya ingin tahu di atas peraturan apakah penerangan ini dibuat, adakah peruntukan dalam peraturan untuk membenarkan beliau membuat penerangan ini kalau tidak semua orang akan buat(gangguan). Saya ingin tahu YB. Tuan Speaker, minta panduan adakah penerangan? Adakah peraturan?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya bagi.. (gangguan).

YB. Tuan Speaker:

YB. Seri Delima. Apa ini, Penaga?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Kalau tidak *prosiding* ini akan kucar-kacir. YB. Tuan Speaker.

YB. Tuan Speaker:

YB. Penaga, saya akan dapat penjelasan bahawa peraturan apa, kerana kita dah habis bahas. Jadi saya bagi untuk... (gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Pembetulan bagi pernyataan yang dibuatkan pada hari itu. Pasal masa itu saya dapat bukti bahawa (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Tuan Koid Teng Guan) :

Semua ahli dapat 1 peluang untuk membahaskan.... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

YB. Tuan Speaker, saya minta maaf. Tidak boleh benarkan YB. Penaga teruskan, kecuali beliau beritahu Dewan yang mulia ini di bawah peraturan apakah beliau membuat penerangan ini kalau tidak prosedur akan kucar-kacir. Saya minta maaf.

YB. Tuan Speaker:

Saya akan buat ketetapan. Saya, tadi perbahasan sudah habis, dan saya membenarkan dengan harapan saya nak tahu apa yang nak dibawa oleh Penaga, tapi bila Penaga membawakan hal yang telah kita bincang awal, jadi saya tak benarkan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Terima kasih, YB. Tuan Speaker. Tak benar, tak apa saya tidak ada pilihan, saya kena buat *press statement*. Kalau benda ini dituduh kepada saya dalam Dewan yang mulia ini, saya ada bukti

daripada Malaysia Airport sendiri, saya tidak berada di situ dan sebagainya. Itu yang saya nak jelaskan YB. Tuan Speaker. Itu yang saya nak jelaskan YB. Tuan Speaker. Sekarang YB. Tuan Speaker menyekatkan saya daripada menjelaskan itu, ini saya rasa dia membuat kenyataan yang salah, saya nak betulkan kenyataan itu.

YB. Tuan Speaker:

Jadi YB. Penaga habiskan setakat itu. Kita dah habis bahas saya cuma tadi nak tanya apa yang cuba dibangkitkan oleh YB. Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Nak bangkit itulah.

YB. Tuan Speaker:

Jadi bila benda itu ditimbulkan, saya rasa kita tak boleh timbulkan kerana kita dah habis, semua dah habis diberi peluang untuk berbahas.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tapi apa yang kata, pernyataan tak benar. YB. Tuan Speaker, pernyataan itu tak benar. Saya nak membetulkan apa yang tak benar disebut.

YB. Tuan Speaker:

Yang itu, Yang Berhormat boleh diluar nanti.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Penjelasan. Berkenaan yang tak benar ini, kebenaran nanti kita akan lihat. Kalau Penaga nak buat *press statement, please go ahead*. Tapi ingat Penaga telah nafikan, ingat.

YB. Tuan Speaker:

Kita dah habis, Yang Berhormat.... (gangguan), YB. Datok Keramat saya dah habis. Saya dah kata dah, kita dah habis perbahasan. Kita tamat di sini, kita akan mula ke penggulangan Terima kasih. Kedua-dua YB. Datok Keramat dan YB. Penaga.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. Tuan Speaker:

Jadi sekarang kita dah habis perbahasan dan seterusnya penggulangan dan saya menjemput YAB. Ketua Menteri untuk memulakan sesi penggulangan.

YAB. Ketua Menteri:

YB. Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin ucapkan ribuan terima kasih semua kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas ucapan TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang secara umumnya.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan, boleh Yang Berhormat.

YAB. Ketua Menteri:

Nanti saya tak habiskan ungkapan ini dulu. Saya hanya ucapkan terima kasih sahaja sebab saya tak tahu apakah penjelasan tentang ucapan terima kasih. Selepas ini saya tentu bagi YB. Pembangkang, tapi biar saya habiskan ungkapan. Kalau satu ungkapan pun minta penjelasan saya rasa sampai minggu akhir ini pun tak boleh habis.

Secara umumnya pelbagai aspek telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang melibatkan pembangunan sosioekonomi rakyat Negeri Pulau Pinang. Isu-isu yang melibatkan portfolio Ahli-ahli EXCO akan dijawab terus oleh Yang Berhormat yang berkenaan, manakala saya akan membahaskan ucapan penggulungan selaku Ketua Menteri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Industri dan Perdagangan Antarabangsa, Hal Ehwal Tanah dan Pembangunan Tanah, juga secara amnya tentang semua dasar am Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

YB. Tuan Speaker, tsunami politik yang melanda Negeri Pulau Pinang pada Pilihanraya Umum 8 Mac 2008...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

YB. Tuan Speaker, saya minta laluan sebelum kita pergi ke *point* selanjutnya.

YAB. Ketua Menteri:

Saya belum masuk lagi. Saya masih dalam ucapan terima kasih. Nanti saya pasti akan bagi. Boleh saya habiskan ucapan saya. Ini kuasa saya, nanti saya akan beri.

YB. Tuan Speaker:

YB. Penaga, YAB. Ketua Menteri tidak benarkan.

YAB. Ketua Menteri:

Politik tsunami yang melanda Negeri Pulau Pinang pada 8 Mac 2008 telah membawa kemenangan bersejarah kepada Pakatan Rakyat yang didokong oleh DAP, Parti Keadilan Rakyat dan PAS. Tsunami politik ini mencerminkan hasrat rakyat untuk menghentikan amalan rasuah, penyelewengan kuasa, menidakkan penyalahgunaan kuasa dan menolak sama sekali favouritisme, kronisme, nepotisme, serta membersihkan sistem politik dengan kebebasan, keadilan dan kebenaran. Maka rakyat Negeri Pulau Pinang bangun dengan menggunakan hak demokrasi dengan mencetuskan politik tsunami yang berjaya menghalaukan Barisan Nasional dari tampuk Kerajaan

Negeri dengan undi popular untuk Pakatan Rakyat sebanyak 59% berbanding dengan hanya 13% dalam pilihan raya besar 2004 dan di peringkat Parlimen sebanyak 63% berbanding dengan hanya 43% dalam pilihan raya besar 2004. Dalam bilangan kerusi ia lebih menakjubkan, usaha Pakatan Rakyat untuk menafikan majoriti 2/3 Barisan Nasional telah membolehkan Pakatan Rakyat untuk membentuk Kerajaan Negeri dengan majoriti 2/3. Dengan kemenangan 29 kerusi daripada 2 kerusi sebelum ini, kerajaan baru melihat ianya bukan sebagai kemenangan peribadi atau pun kejayaan parti tetapi adalah kemenangan, kejayaan dan kemahuan seluruh rakyat Pulau Pinang untuk perubahan.

Kami dalam Kerajaan Pakatan Rakyat melihat tsunami politik ini sebagai suatu amanah untuk menubuhkan sebuah kerajaan CAT iaitu kecekapan, akauntabiliti dan ketelusan, berjiwa rakyat dan bersih dan lebih berdaya maju dalam mengecapi kemakmuran dan jauh lebih adil dalam berkongsi kemakmuran ini. Silakan YB. Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Terima kasih. Saya tadi bangun minta laluan kerana saya sebenarnya terperanjat kerana YAB. Ketua Menteri dulu yang menggulung. Ini tidak salah tetapi cumanya yang hendak saya bangkitkan di sini ialah mengikut *convention* yang berlandaskan demokrasi dalam negara yang kita amalkan, biasanya ketua kerajaan berucap pada akhirnya. Ini ketua kerajaan berucap dahulu seolah-olah seperti EXCO lain tidak akan berucap. Saya tahu mereka akan berucap, ini baru saya tahu. Adakah EXCO-EXCO ini mahukan Yang Amat Berhormat memberi satu keyakinan kepada sebelum mereka berucap, makanya Yang Amat Berhormat berucap dahulu. Itu yang saya hendak bangkitkan tadi, bukannya saya hendak mengganggu point atau tidak. Perkara ini tidak pernah diamalkan walaupun dalam Parlimen dan juga dalam kerajaan Barisan Nasional dahulu. Terima kasih.

YAB. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Biasanya kalau kita minta penjelasan ialah berkaitan dengan isi kandungan atau ucapan setiap Ahli Yang Berhormat. Sungguhpun

ini terkeluar daripada apa yang saya sebutkan tadi, untuk pengetahuan Yang Berhormat Ketua Pembangkang, *convention* ini adalah terpulang kepada sesebuah negeri, ada negeri tertentu di mana Ketua Menteri menjawab untuk semua di mana Ahli EXCO tidak menjawab langsung tetapi di sini kita mengamalkan kepimpinan secara bersama iaitu *collective leadership*. Oleh sebab itu sungguh pun saya bercakap dahulu namun seterusnya semua EXCO akan berpeluang untuk memberi jawapan supaya semua hujah-hujah yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat dijawab dengan seelok-eloknya, saya harap. Itu bukanlah sesuatu yang luar biasa.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan. Tadi bila Yang Amat Berhormat berucap, baru mukadimah, saya ingin bertanya, saya minta laluan kerana saya tidak pasti sama ada EXCO akan berucap. Ada juga di sesetengah negeri lain, hanya Ketua Menteri atau Menteri Besar sahaja berucap, itu yang saya hendak tanya. Yang Amat Berhormat telah menjelaskan bahawa mereka akan berucap, saya terima. Itu yang menjadikan saya terkejut kerana saya tidak pernah mengalami sebegini. Walau pun dalam Parlimen, saya lihat YAB Perdana Menteri menggulung *last* sekali.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Penjelasan.

YAB. Ketua Menteri:

Bolehkah saya jelaskan ini dahulu baru beri laluan kepada YB. Telok Bahang. Saya rasa kalau Yang Berhormat Ketua Pembangkang ada membaca Susunan Urusan Mesyuarat, jelas di sini bahawa semua Ahli EXCO berpeluang untuk berucap. Mungkin Yang Berhormat Ketua Pembangkang tidak berpeluang untuk membaca Susunan Urusan Mesyuarat.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Bukan saya tidak baca, mungkin ditulis di sini tetapi apabila perkara itu berlaku sah bahawa apa yang ditulis ini adalah yang dijalankan di dalam mesyuarat ini, sebab itu saya ingin bertanya tadi. Mungkin Yang Amat Berhormat kata ini yang ditulis, mungkin sebentar lagi YB. Berapit yang berucap dahulu, belum dinyatakan belum pasti. Apabila Yang Amat Berhormat bangun berucap sah Yang Amat Berhormat berucap.

YAB. Ketua Menteri:

Ya, tetapi sebagai Yang Berhormat yang sudah berpengalaman, sudah tentu tahu bahawa dalam Susunan Urusan Mesyuarat adalah termaktub dalam Peraturan Mesyuarat, sekiranya ia sudah tertera dalam Susunan Urusan Mesyuarat, ia mesti diikuti kecuali ada satu Usul untuk meminda Susunan Urusan Mesyuarat. Saya rasa kita tidak perlu berbahas perkara ini, ini bukan satu perkara besar. Marilah kita menjurus kepada isu-isu yang lebih penting lagi. Silakan YB. Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Terima kasih YAB. Ketua Menteri. Saya mendengar tadi dengan teliti ucapan gulung tadi oleh YAB. Ketua Menteri. Beliau menyebut tentang kerajaan baru bertekad untuk menghapuskan nepotisme dan kronisme. Saya hendak bertanya dengan tulus ikhlas kepada YAB. Ketua Menteri, adakah YAB. Ketua Menteri yakin tidak akan berlaku nepotisme dan kronisme pada kerajaan baru sebab sekarang ini nepotisme nampaknya berlaku, saya tidak payah sebut kerana banyak contoh nepotisme berlaku, contohnya dalam hal pilihan raya lepas, bapa dan anak duduk sekali, bapa dan anak perempuan dan berbagai-bagai lagi. Dalam ucapan saya sebelum ini bertanya juga kenapa Ahli Padang Kota tidak menjadi Ketua Menteri padahal beliau adalah anak tempatan. Itulah saya hendak tanya sekali lagi secara ikhlas dan secara jujur yakin bahawa Pakatan ini akan menjadi satu pakatan yang betul-betul dapat menghapus nepotisme dan kronisme.

YAB. Ketua Menteri:

Saya rasa kalau YB. Telok Bahang hendak buat pertanyaan yang betul-betul ikhlas, tanyalah kepada UMNO dahulu, di mana ada bapa dan menantu bersama-sama. Hendak tanya, tanyalah secara ikhlas, janganlah di sebalik itu tersurat dan tersirat maksud yang lain. Di sini saya rasa kita semua adalah wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat dan kita harus hormati keputusan yang dibuat oleh rakyat. Kalau YB. Telok Bahang cuba hendak pecah-belahkan, ini tidak akan berlaku. Saya rasa di sini yang penting ialah, kalau kita sebut di sini, apakah manfaat yang kita perolehi daripada segala ini? Yang kita lihat, yang dapat manfaat adalah jauh lebih daripada manfaat yang kita perolehi sebelum ini. Saya tidak percaya menantu YAB. Perdana Menteri pernah pergi penjara, adakah dia pernah masuk penjara? Itu yang saya maksudkan, apakah kebaikan yang diperolehi berbanding dengan pengalaman yang kita terpaksa harungi. Saya hendak berbalik kepada soal pokok(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan, boleh? Terima kasih YAB. Ketua Menteri. Apabila saya mendengar YAB. Menteri menggulung, saya nampak seolah-olah YAB. Ketua Menteri hendak membalas dendam, membangkitkan isu menantu Perdana Menteri tidak berada dalam penjara, ini seolah-olah membalas dendam. Sedangkan Yang Amat Berhormat kata tadi biarlah kita berbincang isu-isu yang berkepentingan negara. Dalam hujah-hujah Yang Amat Berhormat berkata tentang masalah kroni dan rasuah. Kita harus bersikap adil kepada rakyat Negeri Pulau Pinang.

YAB. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita hendak membalas dendam, kita sudah tangkap semua masuk penjara, Adakah kita tangkap semua masuk penjara, kita tidak berbuat begitu. Bila kita masuk, kita tidak berbuat begitu. Sungguh pun kita pernah berada dalam penjara dan ISA, kita masih menuntut supaya ISA dimansuhkan. Kita tidak mahu ISA digunakan ke atas pemimpin-pemimpin Barisan Nasional kerana ini adalah prinsip. Kita di sini bukan untuk membalas dendam. Kalau balas dendam ialah apa

keputusan yang dibuat oleh rakyat mahukan Kerajaan Pusat balas dendam dengan memotong semua kontrak mega atau kontrak Kerajaan Persekutuan seperti yang dijanjikan. Saya balik kepada penggulangan saya. Pendek kata, misi atau wawasan Kerajaan Negeri adalah untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai satu bandaraya dan negeri bertaraf antarabangsa, pilihan utama para pelabur dan pelancong serta suasana hidup untuk rakyat tempatan selaras dengan pembangunan mampan yang dapat menangani masalah CCC iaitu *Crime* (jenayah), *Traffic Congestion* (kesesakan lalu lintas) dan *Cleanliness* (kebersihan).

Misi untuk mencapai hasrat ini adalah serampang dua mata. Pertama, melaksanakan urusan tadbir CAT iaitu kecekapan (Competency), Akauntabiliti (Accountability) dan telus (Transparency), CAT bukan cat atau pun kucing seperti yang disebut YB. Pulau Betong. CAT “Cekap, Akauntabiliti dan Telus” di mana yang layak dan baik akan dipilih untuk berkhidmat kepada kerajaan tanpa mengira kaum, agama, jantina mahu pun fahaman politik. Kedua, ialah memupuk nilai utama kepercayaan kepada kerajaan sebagai sebuah institusi yang membantu dan bukan membantut pembangunan jasmani dan rohani rakyat. Memberikan nafas dan harapan baru kepada rakyat khususnya golongan muda bahawa mereka menikmati peluang sama rata untuk mengecapi kejayaan dan mutu kehidupan yang berkualiti serta menanam sikap penyayang untuk menjaga dan membela nasib mereka yang daif, miskin dan kurang bernasib baik.

YB. Tuan Speaker, adalah tidak bermakna sekiranya kita memiliki kekayaan tetapi ianya tidak didokong dengan konsep ramah, ihsan, adil dan hikmah. Sehubungan dengan ini, Kerajaan Negeri bertekad untuk melakukan apa yang Kerajaan Barisan Nasional gagal melaksanakan dalam masa 50 tahun ini, semasa *you* memerintah, untuk menghapuskan kemiskinan tegar di Pulau Pinang pada 2008. Sejak Kerajaan Pakatan Rakyat menerajui Negeri Pulau Pinang sehingga bulan Jun, sebanyak 15 mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah dijalankan(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Minta penjelasan, YB. Tuan Speaker, sebentar tadi YAB. Ketua Menteri ada menyebutkan bahawa kemiskinan tegar gagal dihapuskan oleh Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 2008, betul kan, okay jadi saya rasa kita perlu faham bahawa kemiskinan tegar ini, atau pun kemiskinan ini bukan satu perkara yang boleh dihapuskan secara *total*. Oleh yang demikian saya hendak tahu, sama ada Kerajaan Pakatan Rakyat mempunyai satu *deadline* yang boleh diberitahu di dalam Dewan ini, bilakah Pakatan Rakyat akan selesai menghapuskan kemiskinan tegar di Pulau Pinang secara *deadline*. Terima kasih.

YAB. Ketua Menteri:

Saya ingat tadi, Yang Berhormat tidak memberikan perhatian yang penuh. Saya sudah katakan pada tahun 2008, iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menghapuskan kemiskinan tegar. Saya ulangi lagi pada tahun 2008.

Selain daripada kertas-kertas tanah, banyak dasar dan keputusan penting telah diluluskan bagi pembangunan negeri dan demi kepentingan rakyat. Dengan hanya memilik antara 30 daripada dasar-dasar yang dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- 1) Memperkenalkan urus tadbir CAT pertama di Malaysia;
- 2) Pembatalan saman atas penjaja kecil dan saman kesalahan letak kereta;
- 3) Sebutharga Tender terbuka menerusi internet dengan perancangan e-perolehan;
- 4) Kenaikan/pemberian elaun kepada guru KAFA sebanyak RM50.00 sebulan;
- 5) Kajian bermula prosedur pentadbiran tanah dan juga penyiasatan penyelewengan tanah;

- 6) Pembatalan pembelian 4 buah kereta rasmi baru sebanyak RM500 ribu;

Nanti saya habiskan 30 boleh minta penjelasan kalau tidak nanti terbantut di situ.
- 7) Melantik ahli NGO dan juga seorang OKU pertama sebagai Ahli Majlis Kerajaan Tempatan;
- 8) Pembinaan struktur telekomunikasi memerlukan kelulusan kebenaran perancangan dan kelulusan pelan bangunan;
- 9) Pelaksanaan sistem e-perolehan yang membolehkan tender terbuka menerusi internet dan tempoh bantahan;
- 10) Usaha menarik pelaburan asing dengan menubuhkan petugas khas yang diketuai oleh YAB. Ketua Menteri untuk seriap pelaburan yang melebihi RM1 bilion;
- 11) Menarik pelaburan asing yang ingin memilih destinasi lain seperti *Ibiden* RM1.2 bilion dan *Honeywell* (RM115 juta);
- 12) Menarik sektor IT menambah dan memilik Pulau Pinang sebagai satu pusat serantau seperti AXON yang menyediakan sistem penyelesaian perniagaan SAP, iaitu Syarikat Jerman terbesar di dunia, melabur RM100 juta yang boleh mewujudkan 250 peluang pekerjaan iaitu Jurutera IT dan Komputer dalam masa 3 tahun;
- 13) Membatalkan pembelian *notebook* dan pencetak untuk ADUN sebanyak RM300 ribu;
- 14) Memberikan wang ehsan RM100. kepada lebih 100 ribu buah keluarga miskin dan susah;
- 15) Mengecualikan semua sekolah yang didaftarkan dengan Kementerian Pelajaran dan bukan berasaskan keuntungan daripada membayar cukai tanah dengan membayar *nominal fee* RM1.00;

- 16) Penubuhan Jawatankuasa bersama ahli-ahli profesional dari 5 pertubuhan pakar dan profesional bagi memperbaiki dan mempermudah prosedur dan proses urusan tanah;
- 17) Membenarkan warga media menggunakan pas media sebagai pas keselamatan dalam KOMTAR;
- 18) Sumbangan RM200.00 dan RM300.00 bagi pelajar-pelajar cemerlang SPM dan STPM;
- 19) Pemberian bantuan beras percuma kepada penerima bantuan kebajikan;
- 20) Penubuhan pemantau pengguna *consumer watch* untuk mengawal kenaikan harga;
- 21) Penubuhan Jawatankuasa Kebebasan Maklumat (CAT) – ke arah kebebasan akhbar dalam suasana pengetahuan tanpa kekurangan dan kekangan;
- 22) Siaran langsung Persidangan Dewan Undangan Negeri melalui Internet, Web TV;
- 23) Cadangan penukaran hakmilik daripada pajakan kepada pegangan bebas 99 tahun untuk tanah industri, komersial dan hakmilik kekal untuk kediaman demi memulangkan tanah kerajaan kepada rakyat;
- 24) Menganjurkan Hari Sambutan George Town disenaraikan sebagai Tapak Warisan UNESCO yang ditaja penuh oleh pihak swasta tanpa perbelanjaan wang awam dan juga Pesta Bon-Odori yang paling berjaya dalam sejarah dengan 50,000 pelawat; dan
- 25) Had masa larangan kenderaan berat atas Jambatan Pulau Pinang dan pengeluar pas khas untuk mengatasi masalah kesesakan di jambatan;
- 26) Menetapkan bantuan bencana alam dikeluarkan dalam masa 24 jam kepada mangsa-mangsa;

- 27) Melantik YB. Timbalan Ketua Menteri pertama di Malaysia daripada kaum India dan Pengerusi Melayu pertama untuk investPenang;
- 28) Mengurangkan elaun Pengerusi dan Setiausaha JKKK kepada RM200.00 dan RM150.00 sebulan daripada RM600.00 dan RM500.00 sebulan;
- 29) Memberikan penganugerahan pingat dan bintang berdasarkan sumbangan masyarakat atau prestasi pencapaian dan bukannya latar belakang politik di mana buat pertama kali tidak ada seorang ahli EXCO, seorang ADUN atau pun Ahli Majlis Kerajaan Tempatan menerima pingat atau bintang, yang menyebabkan bilangan Dato' Seri Utama, Dato' Seri dan Dato' dikurangkan daripada 82 orang tahun lepas kepada 38 orang tahun ini;
- 30) Melarang semua Ahli Pentadbiran dan ADUN kerajaan daripada membuat permohonan baru untuk tanah kerajaan dan tanah kerajaan adalah milik rakyat dan bukan pemimpin; Ya, silakan

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

YAB. Ketua Menteri sebentar tadi, ada menyentuh penyelewengan tanah dan sebagainya, kalau boleh di dalam pengulungan berikan sedikit contoh-contoh spesifik apakah sebenarnya sebelum diuar-uarkan sebelum ini, yang kedua ada menyentuh sedikit berkenaan dengan premium. Saya ingin tahu berkenaan dengan premium, kalau diubahkan daripada pajakan kepada pegangan kekal tadi, berapakah yang akan dikenakan dan berapakah diskaun yang akan dikenakan sebagai contoh sekiranya di kawasan Siakap satu rumah teres, berapakah sekiranya dibuat pindaan dan sebagainya.

YAB. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat daripada Seberang Jaya, saya akan jawab kemudian. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan.

YAB. Ketua Menteri:

Sila.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Ya, 30 perkara yang dibentangkan oleh YAB. Ketua Menteri tadi, cuma ada dua, tiga perkara yang saya minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat.

Pertama sekali tentang kompaun yang dikenakan ke atas pesalah-pesalah penjaja dan juga trafik. Soalan saya pada hari itu, adakah yang telah bayar itu kompaun itu boleh buat tuntutan kembali daripada kerajaan, hari itu yang salah yang tidak bayar kompaun mereka dihapuskan dimansuhkan, yang telah bayar bagaimana? Apa pendirian kerajaan?

Yang kedua RM100.00 perkeluarga melalui potongan bil air untuk keluarga miskin ini tadi yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat, bagaimana pula oleh rumah-rumah orang yang benar miskin tidak ada air, mereka tidak boleh hendak membuat tuntutan melalui bil air. Apakah caranya kerajaan hendak menyampaikan RM100.00 bantuan itu kepada mereka? Bukan semua rumah di Pulau Pinang ini bukan mempunyai air bersih.

Yang ketiga tentang, sebab Yang Amat Berhormat letak 30, saya *pick* 3 sahaja. Yang ke tiga ialah untuk rakyat termiskin, adakah kerajaan mencadangkan untuk memberi bantuan kepada rumah-rumah orang miskin sama ada baiki atau bina semula yang termiskin ini. Kalau dahulu Kerajaan Barisan Nasional memperuntukkan Kerajaan Negeri RM500 ribu tetapi saya tidak dengan Kerajaan Negeri hari ini memberi bantuan seperti itu. Saya minta penjelasan.

YAB. Ketua Menteri:

Terima kasih, mengenai tentang saman, saya akan menjawab kemudian bila dalam ucapan nanti dan nanti Yang Berhormat pun boleh jawab. Tentang air sekiranya ada keluarga yang miskin yang tidak mampu mendapat bekalan air, Kerajaan Negeri tetap akan memberikan bantuan tetapi untuk mereka adalah secara langsung iaitu dalam bentuk wang tunai. Kalau ada kes-kes seperti yang disahkan oleh Jabatan Kebajikan, Kerajaan Negeri akan bayar secara wang tunai.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato Haji Jasmin bin Mohamed):

Minta penjelasan.

YAB. Ketua Menteri:

Nanti, saya belum habis jawab semua. So, ini akan kita lakukan kerana dalam hati kerajaan baru ini masalah orang susah adalah paling terdekat pada pihak kami dan kami tidak akan untuk menggugurkan mana-mana pihak atas sebab teknik bahawa mereka bukanlah pengguna PBAPP.

Yang ketiga, tentang..(gangguan), belum habis lagi ada 3 soalan, yang ketiga tentang pembaikan rumah, itu pun sama saya sebutkan tadi

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Membaiki rumah dan membina semula.

YAB. Ketua Menteri:

Itu sama seperti yang saya sebutkan tadi, kalau kita lihat dari segi peruntukan. Kita boleh tetapkan satu jumlah seperti yang disebutkan oleh Ahli Kawasan Penaga, dahulu mungkin RM500 ribu tetapi yang penting ialah jumlah yang cukup untuk hapuskan kemiskinan tegar, di sini ialah matlamat Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kita hendak betul-betul bertekad, berazam dalam tahun 2008 ini untuk hapuskan kemiskinan tegar, supaya Negeri Pulau Pinang boleh menjadi negeri pertama hapuskan kemiskinan tegar di Malaysia.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan.

YAB. Ketua Menteri:

Yang lain macam mana.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tidak mengapa, terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya mengucapkan tahniah ke atas hasrat dan niat hendak menghapuskan kemiskinan tegar dalam 2008 kerana kalau kita tengok RMK-9, golongan miskin tegar yang paling rendah sekali seluruh Malaysia ialah Pulau Pinang. Ini yang paling rendah sekali di seluruh Malaysia ialah di Pulau Pinang. Itu adalah hasil apa yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional terdahulu sampai ke setakat ini. Kalau Kerajaan Pakatan Rakyat menghapuskan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah apabila sampai waktunya.

YAB. Ketua Menteri:

Terima kasih ke atas sokongan Yang Berhormat Ketua Pembangkang dan saya berharap Ketua Pembangkang pun boleh memberikan bantuan kerana saya rasa dalam aspek membasmi kemiskinan tegar tidak kenal fahaman politik dan kita haruslah sama bekerja sama termasuk mendapat bantuan kalau perlu daripada pihak Kerajaan Persekutuan dan dalam aspek ini bukan sahaja Pulau Pinang, tetapi Wilayah Persekutuan mungkin adalah negeri yang paling rendah dalam aspek kemiskinan tegar, tetapi kalau kita lihat dari segi wang RM400.00, saya rasa itu adalah jumlah yang agak rendah.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Ya, sekarang ini kita sedang melaksanakan, PERDA sekarang berusaha membantu rakyat di luar bandar terutama sekali kumpulan sasanya ialah miskin tegar dan golongan miskin. Kalau YAB. mengatakan kita sama-sama, kita sedang buat sekarang, kita harap Kerajaan Negeri akan melaksanakan. Terima kasih.

YAB. Ketua Menteri:

Saya telah pun mengarahkan Jabatan Kebajikan dan bersama UPEN untuk membuat *survey* yang baru, kajian yang baru untuk memastikan tidak ada mana-mana keluarga yang terlepas daripada jaringan kebajikan ini supaya kita tidak ada masalah keciciran kerana tidak didaftar sebagai keluarga miskin tegar.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Ini juga, berapakah sekarang ini pendapatan sebulan isi keluarga yang dianggapkan sebagai miskin tegar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

YAB. Ketua Menteri:

Ini saya akan jawab kemudian ke dalam ucapan saya, tetapi kalau kita ikut apa yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan, tadi ada siapa, Telok Bahang dahulukan dia lagi senior, minta maaf.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya) :

Terima kasih YAB. Ketua Menteri, saya hendak sambung sedikit tentang miskin tegar ini, memang yang saya ingat ada lebih kurang 300 keluarga miskin tegar yang diseluruh Pulau Pinang, *very good* lah memang kejayaan yang telah ditunjukkan oleh kerajaan dahululah, sekarang ini kita harap kerajaan sekarang ini akan sambung usaha yang telah dibuat oleh kerajaan dahulu, tetapi kita lihat sekarang ini sebenarnya kemiskinan adalah satu perkara realiti sebenarnya secara perbandingan orang Pulau Pinang memanglah kebanyakan *income* mereka tinggi, sebenarnya di Pulau Pinang kalau berbanding dengan negeri-negeri lain RM500 di negeri lain mungkin boleh hidup, tetapi kalau di Pulau Pinang tidak boleh hidup, tidak cukup kemiskinan akan berterusan begitu, maksud secara realiti, kalau kita kaji betul-betul kemiskinan tegar yang ada sekarang ini, kerajaan membantu pelbagai-pelbagai tetapi masih lagi dia miskin kerana dia sakit tidak boleh bekerja, tidak ada anak tiada siapa yang hendak bantu, itu yang miskin tegar *approve* nya kena

lainan sikit mungkin kena beri bantuan kewangan bulanan atau pun memberi bantuan makanan bulanan, orang ini memang sakit dan tidak membantu dirinya sendiri, dia sakit tiada keluarga dan sebagainya, tetapi setakat ini kita telah berjaya, maknanya dalam kita hendak *approve* dalam segi hal kemiskinan ini kita kena tengoklah situasi berkenaan itu adakah kita boleh latih anak dia untuk bekerja hendak dapat skil dan sebagainya, kena lihat *approve* itu.

YB. Tuan Speaker, saya bercakap tentang ialah senarai 30 perkara yang dibawa oleh YAB. Ketua Menteri kebanyakan adalah tindakan-tindakan yang dibuat bukan dasar sebenarnya tindakan yang lewat oleh Kerajaan Negeri tentang pelaburan asing YB. Tuan Speaker, kita *we have to admit* ...(dengan izin) bahawa Pulau Pinang tidak boleh bekerja sendiri, dia sendiri-sendiri tidak boleh dapat pelaburan yang sebanyak mungkin, mahu tidak mahu kita kena bekerja dengan Kerajaan Pusat yang ini kita bergantung kepada MITI, bergantung kepada berbagai-bagai pihak Kerajaan Pusat dan sebagainya, jadi yang saya musykil ialah bahawa jikalau kita hendak kerjasama dengan Kerajaan Pusat, kita lihat YAB. Ketua Menteri tiap kali ada hal YAB. Ketua Menteri akan menentang, akan berucap menentang apa yang dicadangkan oleh Kerajaan Pusat sebagainya dan ini tidak baiklah untuk Kerajaan Negeri, sebelumnya kita hendak menunjukkan kerjasama Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat jadi kita janganlah terlalu banyak *statement* menentang Kerajaan Pusat ini dan ini satu perkara tidak baik yang saya rasa YAB. Ketua Menteri mungkin baru, orang muda saya harap beliau berhati-hatilah *in future* dalam hal apa juga *statement* kita kena sikit, berbaik-baik dengan Kerajaan Pusat, barulah kita dapat berbagai-bagai bantuan dan sebagainya.

YAB. Ketua Menteri:

Yang pertama tentang penjelasan oleh YB. Telok Bahang tentang pendapatan yang agak tidak mencukupi untuk menyara hidup di Pulau Pinang, saya memang setuju, tapi masalahnya kita terikat dengan takrifan atau pun had yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan pernah kita mencadangkan bahawa jumlah ini dinaikkan tetapi ditolak sama sekali oleh Kerajaan Persekutuan oleh itu alasan ini saya berharap YB. Telok Bahang boleh melaksanakan apa yang

disebutkan tadi dengan sama-sama meminta Kerajaan Persekutuan untuk menaikkan had pendapatan yang telah ditetapkan sebelum ini. Kedua tentang *statement-statement* saya rasa YB. Telok Bahang hanya melihat yang tidak baik kepada pihak kerajaan, tetapi tidak lihat kenyataan yang baik yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri yang menyokong Kerajaan Persekutuan, ekoran kenyataan yang diberikan oleh Menteri Kewangan Kedua Tan Sri Noh Mohamed Yaakob bahawa setiap sepuluh tahun ekonomi Negara Malaysia diserang oleh kuasa asing, saya telah mengeluarkan kenyataan bahawa kita hendak tahu siapakah kuasa asing itu dan bersedia dan bersatu padu menghadapi cabaran tersebut so saya harap janganlah berpilih-pilihlah tidak berapa adillah.

Kerajaan Negeri yang baru memang bersungguh-sungguh mengambil pendekatan dan mengamalkan prinsip CAT, ini diterjemahkan ke dalam semua urusan Pentadbiran Kerajaan sama ada di peringkat jabatan atau pun di peringkat Kerajaan Tempatan di dalam urusan pentadbiran tanah kerajaan mengamalkan pendekatan yang telus dan terbuka telah menimbang semua urusan permohonan tanah seperti permohonan pemberi milikan, tukar syarat tanah, cantuman tanah, pecah bahagian, pecah sempadan, serah dan beri milik semula, pengambilan balik tanah, lesen pendudukan sementara, permit bahan batuan dan permit ruang udara. Dalam hubungan ini saya sebagai Ketua Menteri juga bertanggungjawab ke atas hal ehwal tanah mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Tanah pada setiap minggu supaya semua permohonan tanah dapat dibincang dan diberikan pertimbangan yang sewajarnya tanpa sebarang kelewatan.

Saya percaya pendekatan yang diambil ini akan menambahkan kecekapan mempercepatkan proses mendapatkan keputusan dan dapat mengurangkan kerenah birokrasi, bagi tujuan tersebut beberapa jawatankuasa yang wujud di dalam pentadbiran kerajaan yang dahulu telah dimansuhkan, seperti jawatankuasa ADHOC tukar syarat tanah pertanian, begitu juga beberapa proses kerja urusan tanah telah bagi mengurangkan ...(dengan izin), *retreat* dan memansuhkan proses kerja yang tidak telus penambaikkan ini dibuat adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mempercepatkan sistem penyampaian perkhidmatan tanpa mengorbankan prinsip CAT.

Bagi memastikan prinsip CAT dihayati dan diterjemahkan sepenuhnya, Kerajaan Negeri yang baru cuba menyempurna dan membersihkan beberapa kepincangan yang telah berlaku di dalam pentadbiran Kerjaan Negeri yang lalu, contohnya mengenai proses pengambilan balik tanah adalah satu dan dua kes di mana kedua-dua kes ini masih dalam siasatan Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang merupakan negeri yang pertama melancarkan e-Perolehan pada 17 Julai 2008, melalui sistem ini tawaran sesuatu projek akan di e-mail secara terus kepada kontraktor yang berkelayakan dan seterusnya berpeluang menawarkan sebutharga, Kerajaan Negeri akan mendapat peluang lain yang terbaik ...(dengan izin) *best value for money*. Kerajaan Negeri baharu telah mendapati penyelewengan berlaku dalam proses pengambilan balik tanah semasa kerajaan lama.

Memang tidak dipertikaikan yang pengambilan balik tanah dibuat melalui proses undang-undang itu menggunakan seksyen 3(1) (a) Akta Pengambilan Tanah 1960 tetapi akhirnya Kerajaan Negeri terpaksa mengeluarkan lebih dan menampungkan kehilangan RM84 juta antara penemuan yang saya boleh sebutkan di sini. Pertama terdapat beberapa lot tanah yang tidak termasuk di dalam senarai asal yang dicagarkan oleh *consultant* tetapi lot tersebut diseretkan dalam senarai tanah yang akan diambil tanpa ada rekod justifikasi, boleh ditafsirkan lot tersebut dimiliki oleh orang tertentu yang sengaja dimasukkan ke dalam senarai untuk mengaut keuntungan, ini menyebabkan bayaran RM3.5 juta untuk pengambilan tanah yang sebenarnya tidak dalam lakaran atau tidak *approve*. Adalah menjadi satu perkara yang aneh tidak yang berlaku sebelum ini, di mana terdapat proses jual beli tanah ke atas lot yang telah dikenal pasti terlibat dalam pengambilan dalam hal ini telah berlaku proses jual beli tanah sebanyak 18 lot yang terlibat daripada satu syarikat kepada satu syarikat yang lain, saya beranggapan kuat bahawa perkara tersebut telah dirancang bagi mempengaruhi nilai tanah dan juga harga pampasan yang akan dibayar kelak.

Ketiga saya beranggapan kuat bahawa telah berlaku pakatan yang di antara pihak yang cuba mengambil peluang mengaut keuntungan dengan menaikkan nilai barangan pampasan tanah di dalam kes ini mengurangkan perintah bayaran yang dibuat oleh pentadbir adalah tidak mengikut undang-undang yang disyorkan oleh

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, contohnya kalau Jabatan Penilaian syorkan pembayaran tanah RM10.00, yang dibayar lebih daripada yang disyorkan mungkin RM20.00 dan ini memang tidak mengikut peraturan apa gunanya mendapat syor-syor daripada Jabatan Penilaian, sekiranya ia tidak diikuti langsung dan menyebabkan kerugian besar kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Keempat bayaran papasan dibayar hanya kepada pihak tertentu sahaja dan bukan kepada tuan milik tanah yang lain, saya ingin menekankan bahawa proses yang telah diamalkan didapati tidak telus langsung, siasatan kini sedang berjalan dan ia memakan masa kerana melibatkan jumlah wang yang besar dan juga urusan tanah yang agak *complex*, sementara siasatan berjalan pegawai kerajaan yang disyaki terlibat juga telah dipindahkan ke jabatan lain dan Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan yang sewajarnya demi mempertahankan hak kepentingan dan wang rakyat termasuk membuat laporan kepada pihak polis dan BPR. Inilah yang dikira menyeleweng wang rakyat di mana memang wujud kehilangan wang kerajaan dan rakyat bukan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang di mana fahamannya begitu berbau politik bila kita hapuskan saman beliau anggap sebagai menyelewengkan wang rakyat di mana wang rakyat tidak hilang wang rakyat masih ada di dalam tangan rakyat, bukan seperti kes tanah ini hilang dan terbang sama sekali, mengapa pula pembelian 4 buah Mercedes oleh Kerajaan Terengganu seperti yang disebut oleh YB. Bayan Lepas saya harap beliau telah sembuh, ya okaylah dalam aspek pembelian Perdana, Kerajaan Terengganu sebanyak RM3.43 juta yang melanggar peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan tidak disebut pula oleh Yang Berhormat sebagai satu penyelewengan, silakan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Pertama sekali mengenai isu tanah tadi, yang dikatakan penyelewengan, rasuah mungkin saya sebenarnya Yang Amat Berhormat tidak sebut tanah mana, di mana semua itu dan siapakah yang terlibat saya memang menyokong kalau ada perkara ini berlaku buat laporan kepada BPR supaya orang-orang berkenaan diambil tindakan di bawah undang-undang yang telah termaktub okay, itu pendirian saya, yang kedua menyeleweng maksud saya

menyeleweng wang rakyat, saya kata menyeleweng tanggungjawab yang telah diamanahkan, begitulah pokoknya ialah yang jadi Terengganu itu cerita Terengganu ini cerita di Pulau Pinang, tadi pagi saya tengok dalam akhbar bahawa kerajaan hendak membeli Toyota Camry saya tidak tahu itu, kereta baru juga kalau dahulu kata tidak mahu tukar kereta sekarang hendak tukar kereta Toyota Camry keluar dalam akhbar kelmarinkah hari inikah, kelmarin, kelmarin itu ada dalam akhbar, iaitu heboh kata kita tidak akan menggunakan kereta baru, dalam akhbar kata hendak beli Toyota Camry lebih murah daripada Perdana katanya saya tidak tahu, jadi walau bagaimanapun balik kepada tanah itu saya sentiasa memberi kerjasama kalau ada penyelewengan yang berbentuk rasuah yang telah dilaksanakan. Tiada guna kita tuduh menuduh tiada bukti, kalau ada bukti bawa terima kasih.

YAB. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Ketua Pembangkang saya rasa yang pertama ialah Toyota Camry Kerajaan Negeri tidak ada cadangan untuk membeli kereta baru, tetapi saya ada sebut di dalam surat khabar, saya memang bersetuju bahawa kereta Perdana memang ada kualitinya agak kurang sedikitlah, setuju, setuju memang setuju tetapi itu bukan sebab untuk tukar kepada Mercedes kita harus tukar kepada yang lebih murah iaitu Toyota kerana ia lebih murah daripada Perdana kalau kita dapat pengecualian cukai seperti mana yang diperolehi oleh Terengganu apabila membeli Mercedes di sini saya mengatakan bahawa sekiranya kita hendak menukar, bukan sekarang tetapi pada masa hadapan, sekiranya hendak tukar kereta baru janganlah beli Mercedes, belilah kereta yang lebih murah tetapi lebih bermutu lebih baik daripada Perdana seperti Toyota dan saya rasa YB. Pembangkang pun tahu sekarang syarikat Toyota telah menjadi pengeluar kereta yang terbesar di dunia telah melebihi jualan motor yang sebelum ini merupai jaguh pengeluaran *automobil* dunia sekarang telah dipintas oleh Toyota dengan ini jelas mutu terjamin, tetapi janganlah salah tafsir ini saya sudah cakap jelas dalam kenyataan tidak bercadang membeli sekarang, tapi sekiranya hendak tukar, tukarlah kepada Toyota Camry. Kita tetap dengan pendirian tidak akan beli kereta baru, akan masih pakai kereta lama seperti yang kita pakai sebelum ini. Tentang cadangan BPR, tentulah kalau kerajaan kalau Barisan Nasional tetap memenangi pilihan raya

saya ingat mungkin Yang Berhormat akan guna kereta Perdana baru yang kita telah batalkan apabila kita menang pula.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan.

YAB. Ketua Menteri:

Ya, sekejap. Habis yang pertama.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Pasal kereta ini dulu.

YAB. Ketua Menteri:

Okay, saya habis ini, selepas itu saya bagi jalan, itu kereta. Okay, tentang BPR. Memang saya sudah sebut tadi sekali lagi saya sudah sebut sebelum ini, bahawa kita bersedia untuk buat laporan kepada BPR dan pihak polis. Saya harap Yang Berhormat boleh semak hansard, Yang Berhormat ada sebut untuk menyelewengkan wang rakyat bukan penyelewengan tugas. *Check* balik hansard, saya sudah *check* ini memang disebutkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Saya rasa senang saja, untuk rujuk kembali. Sila.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Terima kasih. Balik pada kereta Yang Amat Berhormat kata tadi, kalau kami menang kita akan tukar motokar, kalau Barisan menang. Kereta yang saya pakai dulu PBD2 itu sudah berumur hampir 13 tahun, Yang Berhormat. Memang dulu pun masa dalam Kerajaan Barisan Nasional tawar untuk tukar tapi saya masih tidak mahu juga. Kereta itu dijaga dengan baik. Kalau dulu pun saya tidak mahu tukar, masakan saya hendak tukar sekarang. Kalau kiranya Kerajaan Barisan Nasional perintah. Tidak. Okay.

YAB. Ketua Menteri:

Okay, ini saya jawab dulu, tentang pembelian kereta. Ini telah ditempah dan kerajaan baru telah batalkannya. Saya rasa ini semua dalam rekod minit yang lepas Yang Berhormat sebagai ahli EXCO

patut tahu bahawa kerajaan lama ada tempah kereta baru. Saya rasa ini tidak dapat dinafikan. Okay.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Ya, saya sambung balik. Memang kerajaan dulu ada buat tempahan tapi bukan untuk semua kepada siapa-siapa yang berminat. Saya salah seorang yang tidak berminat. *Check* balik dalam rekod tu.

YAB. Ketua Menteri:

Ya, mungkin Yang Berhormat tidak berminat tapi apakah prinsip *collective responsibility*.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Yang Amat Berhormat, kalau kereta itu.

YAB. Ketua Menteri:

Kalau kerajaan lama buat keputusan untuk membeli kereta baru dan diluluskan oleh EXCO, sebagai Ahli EXCO Yang Berhormat pun sama-sama bertanggungjawab. Tidak boleh lari.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Okay, saya bangunkan sekarang. Beberapa buah yang ditukar adakah untuk semua EXCO dan *ex-officio* atau lebih kurang lima, enam buah kerana kereta-kereta yang hendak ditukar itu terlalu dalam keadaan yang daif sangat yang terpaksa apabila hantar untuk pembaikan kosnya terlalu tinggi memang sudah *condemned* punya kereta. Itu yang dibeli, bukan dibeli untuk semua orang. Yang Amat Berhormat boleh *check* balik bukan untuk ke semua 11 orang dan juga 3 *ex-officio*. Kalau lagu tu 14 biji. Bukan.

YAB. Ketua Menteri:

Ya, lima bijilah tapi lima biji itu kerajaan baru pun tidak mahu pakai. Itu kerajaan pun sudah batalkan pembeliannya. Ada satu lagi kes yang melibatkan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Yang di-Pertua, penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, tentang hendak beli kereta baru dan kereta lama *check, simple very simple* ...(dengan izin) Yang di-Pertua. *Very simple* kalau kereta itu sudah tidak *economic repair* kalau hendak repair makan kos yang tinggi, *maintenance* kos tahun-tahun berapa banyak sangat, beli yang barulah. *Maintenance very cheap* murah lagi, satu. Yang kedua, nampaknya dalam ucapan tadi, Ketua Menteri beria-ia sangat hendak menunjukkan bahawa kerajaan dulu Kerajaan Barisan Nasional dulu banyak berlaku penyelewengan dia sebut satu-satu dan sebagainya. *It's not fair, check* dulu siasat dulu *confirm* kata ada penyelewengan terjadi. Jadi barulah bawa ke sini. Ini belum apa lagi belum ada penyiasatan, belum selesai, belum ada siasatan. Tidak tahu apa yang berlaku sebenarnya sudah bawa ke sini. Janganlah kita politikkan benda-benda yang kita belum lagi sah belum lagi jelas, Yang di-Pertua.

YAB. Ketua Menteri:

Itulah sebab pada bulan pertama saya pun telah menjemput Pengerusi Jawatankuasa Tanah untuk berjumpa dengan saya untuk membincangkan perkara ini tapi beliau tidak mahu datang. Bukankah ini menunjukkan keikhlasan untuk mencari kebenaran? Apa yang harus ditakut? Kita harus berani kerana benar atau adakah ada unsur-unsur ketakutan kerana salah.

Saya balik kepada topik saya iaitu satu lagi kes penyelewengan iaitu berkaitan dengan tanah maju. Ini adalah satu kes yang telah merugikan Kerajaan Negeri dan pembaziran wang rakyat akibat kecuai dan keputusan yang tidak tepat. Saya tidak menafikan bahawa kecuai dan kelalaian boleh berlaku di mana-mana dan dalam semua perkara tetapi saya sangat musykil. Mengapa Kerajaan Negeri yang dulu boleh meluluskan sekeping tanah yang luasnya 10.6 ekar kepada seorang individual yang kononnya adalah pengusaha kuari. Tanah seluas 10.6 ekar adalah cukup besar untuk diberikan hanya kepada seorang individu yang sepatutnya tidak berlaku? Dalam kes ini, saya sesungguhnya

berpendapat telah berlaku kecuaiian di semua peringkat. Kes ini telah

menjadi kes mahkamah apabila Kerajaan Negeri yang lalu telah membatalkan pemberian hak milik tanah tersebut. Akibatnya Kerajaan Negeri mengalami kerugian apabila keputusan pertama telah berpihak kepada individu berkenaan. Saya difahamkan bahawa sebelum kes ini fail ini difailkan di mahkamah telah ada proses rundingan untuk menyelesaikan kes di luar mahkamah. Dalam proses rundingan tersebut pada satu peringkat individu berkenaan telah bersetuju untuk menerima gantirugi yang jauh lebih rendah iaitu RM1.8 juta tetapi Kerajaan Negeri yang dahulu tidak bersetuju menyebabkan berlakunya saman di mahkamah di mana akibatnya perintah yang dibuat di mahkamah ialah RM29 juta dengan kadar 8% sejak Februari 2005, jumlah kehilangan yang mungkin dialami oleh pihak Kerajaan Negeri mencecah RM40 juta.

Peristiwa ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri yang dahulu kurang bijak membuat keputusan dan tidak menangani kes dengan baik. Lagi pun sebarang tindakan diambil ke atas pihak yang bertanggungjawab. Saya dengan ini menegaskan sekali, bahawa prinsip CAT yang diperkenalkan oleh kerajaan boleh menghindarkan daripada berlakunya skandal tanah yang merugikan. Yang Berhormat ADUN Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Penjelasan.

YAB. Ketua Menteri:

Ya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Terima kasih. YAB. Ketua Menteri menyebut kes ini memang kes ini sebenarnya telah diluluskan semasa saya jadi pengerusi tanah, saya *admit*. Saya admit tetapi masalahnya memang berlaku kecuaiian sebenarnya oleh pihak tersebut. Berlaku kecuaiian

sebenarnya dan pegawai tersebut telah pun diambil tindakan, yang saya faham. Kes telah dibawa ke mahkamah sampai peringkat ini dan kena bayar. Berapa? RM29 juta. Hah? RM40 juta, kemudian ada

sikit perundingan.....(gangguan) dikurangkan kepada RM29 juta *something like that*. Jadi kita hendak tahu asas apa yang ambil kira pampasan ini, yang saya tahu peraturan tanah kuari dibagi kemudian dikira pula, kena kiralah mesin berapa saiznya, kira berapa kapasiti mesin, berapa hari bekerja tapi yang paling penting saya hendak tekankan di sini mungkin saya tidak tahulah Kerajaan Negeri sekarang boleh digunakan ialah sebenarnya lesen pengeluaran batu itu dikeluarkan tiap-tiap tahun, tidak semestinya kerajaan hendak keluarkan lesen sehingga 15 tahun.

Mungkin selepas setahun bila Kerajaan Negeri menganggap bahawa tidak perlu lagi keluar lesen, tidak payah keluar lesen maka bermakna pampasan itu tidak payah sampai RM40 juta mungkin RM1 juta, RM2 juta, RM3 juta. Itu saja. Jadi kena ambil kira itu semua, saya bukanlah saya juga bertanggungjawab kerana kesilapan telah berlaku dulu. Itu satu kesilapan berlaku kerana ada perkara yang tidak diteliti betul-betul dan apabila dibawa kepada Jawatankuasa Tanah dan dipasti semuanya di *order* maka diberi. Kawasan itu sebenarnya yang saya tahu ialah saya pergi melawat sebelum buat keputusan, pergi melawat pergi tengok kawasan itu di tengah kuari keliling yang tinggal dalam 9 ekar 10 ekar, itu saja, 100 ekar semua sekali kawasan kuari itu. Jadi, memang wajiblah kalau dibagi kuari tadi kawasan itu digunakan semula untuk kuari tapi malangnya seperti yang saya telah sebutkan tadi berlaku kesilapan, tidak tahu di mana silapnya dan keputusan di buat atas laporan yang telah diberi. Setakat ini sampai ke peringkat itu tidak apalah tapi kerajaan kena *argue* dalam mahkamah bahawa yang paling penting saya lihat di sini ialah seperti yang saya sebut tadi lesen untuk keluarkan batu dikeluarkan tiap tahun bukan 15 tahun sekaligus. Ini satu yang boleh ditekan oleh Kerajaan Negeri baru ini untuk mengurangkan pampasan yang terpaksa dibayar oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara bin Hamid):

Penjelasan.

YAB. Ketua Menteri:

Saya jawab dulu baru saya beri. Terima kasih YB. Telok Bahang kerana sedia mengakui kesilapan dan juga bertanggungjawab dalam perkara ini. Saya ingin menyatakan kalau ada apa-apa bukti baru harap boleh kerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri supaya kita lihat macam mana kita boleh menghadapi masalah ini. Bukan seperti Pengerusi Jawatankuasa Tanah sebelum ini yang tidak mahu langsung bertemu dengan Kerajaan Negeri. Saya harap beliau boleh ambil sikap yang sama dengan YB. Telok Bahang. Sila YB. Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Terima kasih.

YB. Tuan Speaker:

Sebelum itu Yang Berhormat, sila duduk. Kes ini masih dibicarakan di dalam mahkamah jadi, kita bimbang ini jadi serius jadi ini teguran saya. Kes ini tidak boleh dibawa tidak boleh dibincangkan di dalam Dewan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara bin Hamid):

YB. Tuan Speaker, saya bukan hendak bincang secara *detail* tentang kes ini tapi ingin memperbetulkan kenyataan yang telah dibuat oleh YAB. Ketua Menteri bahawa sebarang tindakan mengikut tidak diambil ke atas mereka yang tidak bertanggungjawab. Untuk berlaku adil kepada perkara yang telah berlaku sebenarnya perkara atau pun kes ini telah pun dirujuk kepada BPR, siasatan dalaman telah pun dibuat terutama sekali tentang prosedur permohonan kaedah kelulusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Tanah, Pejabat Tanah Seberang Perai Tengah yang mana saya rasa beberapa kelemahan itu telah pun diatasi dan saya rasa juga perlu diberikan

satu perhatian tentang bagaimana Kerajaan Negeri membuat atau pun memproses permohonan tanah dan kaedah sebaik mungkin

untuk menghindar berlakunya atau pun menghindar daripada memberi sebarang ruang untuk penyelewengan atau pun kelemahan yang berlaku dari segi kaedah tersebut, supaya ianya dapat membanteras sebarang kesilapan. Terima kasih.

YAB. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat daripada Telok Ayer Tawar. Saya rasa sebagai seorang peguam, beliau faham bahawa siasatan yang dijalankan oleh BPR mestilah berdasarkan bukti-bukti yang kukuh *beyond reasonable doubt* dan kita pun tidak tahu apakah proses yang dijalankan tetapi memang Kerajaan Negeri baru tidak berpuas hati tentang tindakan yang disyorkan itu sebab kita jalankan siasatan semula saya harap kita boleh dapat bukti-bukti yang baru dengan pengakuan oleh Yang Berhormat daripada Telok Bahang, kita harap boleh cari di mana kita boleh atasi masalah sedemikian. Lebih-lebih lagi apabila kita difahamkan bahawa semasa perkara ini dibincangkan di Jawatankuasa Tanah, semua jawatankuasa teknikal telah membantah dan menolak, mencadangkan ia ditolak tapi ia pun telah diluluskan so itu yang menjadi sesuatu perkara yang kita tertanya-tanya. Dalam aspek ini saya rasa.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Penjelasan.

YAB. Ketua Menteri:

Saya habiskan dulu nanti saya bagi. Dalam aspek ini seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Telok Ayer Tawar macam mana kita boleh menghindari perkara ini dari berlaku? CAT. Gunakan sistem CAT telus, *accountable* dan cekap. Sila.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato Seri Dr. Hilmi b. Hj. Yahaya):

YAB. Ketua Menteri yang saya ingat, *I'am not sure* Tuan Yang DiPertua, yang protes ialah alam sekitar tetapi bila saya pergi melawat bersama-sama dengan ramai pegawai-pegawai memang di dapati ada 100 ekar, tanah kuari semua di situ yang ada tanah yang

disebutkan di sini ialah tanah di tengah-tengah *cemetery* di situ dan tanah ini, jadi tengah-tengah, jadi 9 ekar atau 10 ekar daripada 100 ekar ia tidak logik kita kekal di situ lebih baik kita teruskan dan akhirnya tanah itu akan menjadi rata dan boleh dibangunkan sebab itu di dalam kelulusan itu kita buat bahawa kita luluskan supaya akhirnya tanah ini jadi label dan boleh dibangunkan itu satu perkara yang telah dibuat oleh bukan saya seorang tetapi seluruh Jawatankuasa Tanah dan EXCO kalau saya boleh sendiri senanglah, baguslah.

YAB. Ketua Menteri:

Macam ini semua Ahli EXCO, kena bertanggungjawab yang dahulu. Yang Berhormat daripada Permatang Pasir telah membangkitkan tanah isu Arumugam Pillay yang telah dijual kepada penduduk di Kepala Batas, tetapi belum mendapat hak milik tanah yang dimaksudkan adalah lot 1999 geran 70518 Kepala Batas, SPU seluas 14.69 ekar dikenali sebagai Kampung Covell Kepala Batas yang mengandungi lebih kurang 110 plot yang kini telah didiami oleh penduduk Kampung Covell yang semuanya adalah masyarakat India. Tanah berkenaan dimiliki oleh Bertam *Consolidated Rubber Plantation Company Limited* atau Bertam *Estet* dan di dalam hak milik masih tercatat bahawa geran tanah berdaftar adalah Bertam *Consolidated Rubber Plantation Company Ltd.* Bagaimanapun sejarah lot ini menunjukkan bahawa tanah tersebut telah dibeli oleh Sathia Arumugam Pillay pada tahun 1960 dan kemudiannya dijual kepada penduduk Kampung Kovil secara lot lidi iaitu pecahan kecil tanpa pecahan sempadan yang sah tetapi pindah milik tidak disempurnakan Sathia Arumugam Pillay telah menguruskan pindah milik tetapi ianya tidak berlaku cukai tanah masih jelaskan oleh Bertam *Consolidated Rubber Plantation Company Ltd.* Sehingga kini Pejabat Tanah Seberang Perai Utara tidak terima menerima permohonan pecah bahagian atau pecah sempadan daripada mana-mana pihak kerjasama sepenuhnya akan diberikan sekiranya terdapat permohonan dikemukakan.

Kerajaan Negeri yang baru telah mengambil satu pendekatan dalam kes pemberian tanah atau pun membenarkan penukaran kedudukan bebas atau pun tanah kediaman dan untuk tanah industri dan komersial kepada 99 tahun seperti yang telah dibangkitkan oleh YB. Telok Bahang. Dasar ini adalah satu pendekatan untuk

menghayati jiwa rakyat di mana Kerajaan Negeri hendak pastikan bahawa untuk harta rakyat di miliki oleh rakyat. Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengembalikan pemilikan hak tanah kepada rakyat di mana tanah kediaman akan dipegang oleh rakyat untuk tempoh selama-lamanya. Ini untuk rumah kediaman sahaja dengan cara ini rakyat tidak perlu bimbang kehilangan tanah. Peluang ini dibuka kepada semua rakyat tanpa mengira kaum dan keturunan. Rakyat diberi pilihan sama ada hendak mendapatkan status pegangan bebas atau kekal dalam bentuk pajakan ke atas hak tanah mereka, dengan tiada unsur paksaan memandangkan kerajaan telah membuka peluang kepada rakyat untuk mendapatkan hak tanah atas milikan kekal tentulah ia akan meningkatkan nilai tanah itu sendiri. Dengan hal sedemikian kerajaan bercadang akan mengenakan premium atas peningkatan hak tanah tersebut dalam hubungan ini jumlah premium dicadangkan akan dikenakan mengikut perkiraan formula berikut nilai hak tanah mengikut pegangan kekal tolak nilai hak tanah atas baki pajakan.

Buat masa ini Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk memberikan potongan diskaun atas jumlah tersebut ini boleh dilihat *case by case* kalau perlu, adalah dijangkakan bilangan lot-lot yang akan terlibat adalah sebanyak 15,000 lot. YB. Tuan Speaker, YB. Penaga telah menimbulkan satu, bolehkah saya habis ini sekaligus mengenai isu pajakan tanah. Isu pemberi milikan tanah daripada pajakan 60 tahun lot Kampung Selamat, Seberang Perai Utara sehingga 30 Mei 2008 Pentadbiran Tanah dan Daerah Seberang Perai Utara telah menerima sejumlah 366 permohonan rayuan pengurangan premium pemberi milikan bermula kawasan Kampung Selamat, berdasarkan kelulusan daripada pihak berkuasa Negeri bertarikh 17 Jun 2008, Pentadbiran Daerah dan Tanah dan Seberang Perai Utara telah mengeluarkan sejumlah 113 surat kelulusan beserta borang 5A Kanun Tanah Negara kepada pemohon secara berperingkat mulai 10 Julai 2008 bayaran premium yang dikenakan adalah mengikut harga pasaran iaitu pada kadar RM2.23 sekaki persegi bagi tanah pertanian Kerajaan Negeri telah meluluskan potongan sebanyak 88% ini yang lepas, dan pemohon

hanya perlu membayar pada kadar 0 mungkin silap dengar 0.27 sen sekaki persegi. Purata premium yang perlu dibayar bagi setiap permohonan adalah dalam lingkungan RM22,000 sahaja. Sila YB. Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Terima kasih Ahli Kawasan Air Putih, dasar Kerajaan Negeri untuk menukar atau memberi peluang membuka seluas-luas untuk mendapat pegangan bebas ini walau pun akan menjadikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang popular tetapi dan juga mendapat pungutan hasil yang banyak adalah untuk kepentingan dan keuntungan jangka pendek kerana seperti mana yang kita tahu Negeri Pulau Pinang ini kalau dibandingkan dengan Sabah, Sarawak dan lain-lain lagi adalah sekangkang kera kalau digunakan istilah Bahasa Malaysia jadi kalau kita buka tanah seluas-luasnya untuk milikan bebas *in-perpetuity* sampai bila-bila bermakna sampai satu ketika mungkin tidak lama, dalam empat tahun kita kehabisan tanah sesuai untuk kediaman untuk pertanian yang telah dijual habis, jadi ini akan memberi kesan yang cukup mendalam kepada keturunan kita rakyat Pulau Pinang di masa hadapan tidak ada tanah bukit, gunung, tanah yang tidak sesuai untuk kediaman dan pertanian.

Jadi saya berharap Kerajaan Negeri dapat memikir sehalus-halusnya kesan yang akan berlaku kepada generasi akan datang, masa depan rakyat Negeri Pulau Pinang, tumpuan sekiranya dasar ini diteruskan, contoh seperti Hong Kong, Singapura harus kita ambil iktibar kenapa Hong Kong telah membenarkan *freehold* atau pun pegangan tanah dijual oleh kerajaan *in-perpetuities infiltrative* (dengan izin), terima kasih.

YAB. Ketua Menteri:

YB. Telok Ayer Tawar memang dari segi hujahnya ada *rational* untuk pandangannya ini dari sudut Telok Ayer Tawar. Tapi dalam perspektif Kerajaan Negeri pula sekiranya kerajaan lama boleh berikan *freehold title* untuk pengusaha-pengusah komersial syarikat-syarikat komersial yang tidak dilakukan oleh kerajaan baru mengapakah kita tidak boleh beri orang-orang bawahan, orang-orang kecil di mana kita hanya minta rumah kediaman mereka sahaja.

Saya rasa kalau aspek ini minta maaf saya telah lihat macam ada *double standard* untuk syarikat, mega besar, maha besar kita boleh dapat *freehold title* tetapi orang itu Ali, Ah Chong, Ramu yang juga memiliki rumah kecil tidak boleh dapat *freehold title* ini tidak adil, itu

sebab kita hendak pastikan keadilan tanah untuk mereka, biarlah saya habis dahulu dan dalam segi, dalam aspek kehilangan selamanya tidak kalau kerajaan hendak ambil tanah kita masih ada kuasa, tetapi kita mesti bayar harga yang berpatutan iaitu mengikut harga pasaran dalam aspek untuk industri-industri komersial tanah-tanah industri dan komersial ini ada kebaikannya kerana kalau tanah tinggal 30 tahun macam mana mereka boleh dapat pinjaman bank.

Sebagai seorang peguam saya rasa yang 50 tahun bank-bank dan institusi kewangan tidak akan pinjamkan wang atas cagaran tanah yang tinggal 30 tahun sahaja, kalau kita benarkan mereka lanjutkan kepada 99 tahun dalam satu pihak kita akan tambah hasil dan pihak yang lain dia boleh dapat pinjaman bank dan ini akan menjanakan pembangunan ekonomi kerana aliran wang tunai yang lebih besar saya rasa ini adalah sesuatu kebaikan dan suatu *advantage* ...(dengan izin) untuk Negeri Pulau Pinang. Sila YB. Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato Seri Dr. Hilmi b. Hj. Yahaya):

Saya memang berminat yang dibawa oleh YAB. Ketua Menteri tentang *leasehold* dan *freelhold* ini memang saya pun telah bercakap dengan perbincangan kena *check* dahulu sama ada boleh atau tidak boleh kita tukarkan kepada *lease-hold* kepada *freehold* ke atas hak milik yang individu ini boleh tidak boleh *check* dahulu yang saya tahu yang boleh hanya untuk kegunaan kerajaan, Kerajaan Pusat dan untuk keadaan tertentu yang telah dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Contohnya untuk menyelamatkan projek macam Bayan Baru, Bayan Bay, *Queensbay* ditukarkan kerana projek itu terbengkalai maka dibolehkan dalam peraturan KTN dibolehkan ditukar, syarat saya boleh *explain*, kemudian Tanjung Tokong pun kes yang sama kes terbengkalai berpuluh tahun kemudian hendak pastikan ia berjaya maka ditukarkan *leasehold* kepada *freehold* tetapi yang lain-lain situasi di lot individu kepada *leasehold* boleh tidak boleh saya rasa tidak boleh, saya pun *check*

juga tidak boleh tidak boleh buat, jangan kita cakap tanpa kita periksa dahulu.

Yang kedua bila kita hendak tukar *leasehold* kepada *freehold* katakan nilai *property* itu RM40,000 kalau jadi *freehold* RM100,000 kena bayar RM60,000 premium berat kepada orang miskin jadi polisi ini untuk yang mampu untuk yang kaya. Ketiga bila kita buat begitu tukar memanglah bila kerajaan hendak bangunkan mana-mana kawasan kita boleh ambil balik dengan harga kos yang munasabah betul itu tetapi *what is it* pada masa itu mungkin sepuluh tahun, dua puluh tahun akan datang apa jadi tanah akan melambung tinggi tidak ada peluang untuk Kerajaan Negeri untuk hendak bangunkan semula mana-mana kawasan, saya telah sebut contoh, saya telah sebut dah saya hendak sebut lagi sekali mungkin kita tidak baca hansard, tidak dengar, Ketua Menteri dia ada sini, dia rajin mendengar tetapi mungkin, tidak tahulah.

Masa kita dahulu kita buat telah cuba buat contoh Kampung Valdor saya telah sebut Kampung Valdor memang ramai yang *leasehold* telah habis, masa berbeza-beza untuk hendak menyambung *leasehold* itu kita sambung kepada tarikh yang tertentu antara yang sama kalau ada sepuluh orang, dua puluh orang, kepada tarikh yang sama pada akhirnya kerajaan pada masa itu dia hendak buat keputusan untuk bangunkan kawasan kampung itu dia boleh bangun kepada rakyat boleh bangun tanpa melibatkan kos yang tinggi tu tujuannya kalau kita buat sekarang ini kerajaan dapat duit banyak mungkin kerajaan hendak tambah lagi peruntukan dana kerajaan tetapi *insentive list* kita jual tanah kerajaan, kerajaan ada tanah berapa peratus tanah yang boleh dibangunkan satu persen sahaja yang ada itu hendak jual pula kerajaan hendak tinggal apa untuk kerajaan yang akan datang, mungkin Kerajaan Barisan Nasional balik tiada apa yang tinggal kerajaan ambil habis. Ini kita tidak mahu ini jual habis, dia jua habis ini yang kita tidak mahu kita tengok balik, satu Kanun Tanah Negara, tengok balik, baca balik tanya semua orang yang pakar boleh tidak boleh, kalau boleh buat, tetapi kena bagi peluang kepada rakyat miskin saya setuju *leasehold* tukar kepada *freehold* tidak kena premium atau kena premium paling minima yang itu kita hendak, yang itu kita boleh sokong, kalau boleh dibuat di bawah Kanun Tanah Negara.

YB. Tuan Speaker:

Kita berehat, Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan berehat dan kita akan sambung semula pada pukul 11.50.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.15 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 11.55 pagi.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB. Tuan Speaker:

Sidang disambung semula.

YAB. Ketua Menteri:

Terima kasih. Jambatan Pulau Pinang Kedua yang menghubungkan Batu Kawan di Seberang Perai dan Batu Maung di bahagian Pulau sudah dalam proses pembinaan dan tidak akan ditangguhkan. Pembinaannya akan meningkatkan kadar pembangunan di kedua-dua kawasan terutamanya di sebelah Batu Kawan. Selain daripada itu pembinaannya akan memudahkan perhubungan di antara Pulau dan tanah besar terutamanya pengangkutan *input* dan produk akhir perindustrian selaras dengan hasrat kerajaan menjadikan Pulau Pinang sebagai *hub logistic* di bawah NCER atau Koridor Ekonomi Wilayah Utara. Cadangan YB. Penaga agar Kerajaan Persekutuan membatalkan projek Jambatan Kedua Pulau Pinang telah memberikan implikasi negatif ke atas beberapa bakal pelabur. Oleh itu saya berharap Yang Berhormat bakal pembangkang berhati-hati dalam mengeluarkan kenyataan kerana kenyataan seperti itu akhirnya akan merugikan rakyat Pulau Pinang juga.

Yang Berhormat Penaga juga menyentuh mengenai projek landasan keretapi berkembar. Projek ini melibatkan laluan di tiga daerah iaitu Daerah Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah

dan Seberang Perai Selatan. Di sepanjang laluan tersebut terdapat banyak binaan termasuk bangunan kediaman, bengkel, bangsal dan tokong atau kuil. Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan projek ini kerana ia adalah satu projek yang boleh menjana pertumbuhan

ekonomi. Sebagai kerajaan yang prihatin, kebajikan penduduk yang terlibat dengan pembinaan projek ini perlu diambil kira. Pampasan yang setimpal harus diberikan kepada penduduk yang terlibat dan juga kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat lain yang ambil prihatin tentang perkara ini. Seperti Yang terhormat daripada Padang Lalang, perlu disebutkan bahawa untuk Seberang Perai Utara, jumlah penduduk yang tidak berdaftar ialah 55 orang, Seberang Perai Tengah 489 orang, Seberang Perai Selatan 27 orang keluarga, sebenarnya keluarga minta maaf dan untuk komersil ialah sebanyak 5 buah rumah di Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah 28, Seberang Perai Selatan 9. Tentang jenis-jenis rumah ibadat di Seberang Perai Utara, 1 tokong, 1 kuil, 1 surau; Seberang Perai Tengah 16 tokong, 11 kuil, 2 surau; Seberang Perai Selatan 4 tokong, 3 kuil dan tiada surau.

Pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah meminta pemilik projek menyediakan program penempatan semula penduduk yang terlibat. Kesemua keseluruhan bangunan kediaman dicadangkan untuk ditawarkan penempatan semula di satu tapak yang akan diambil iaitu terletak berhampiran Stesen KTMB Tasek Gelugor Daerah Seberang Perai Utara.

Sementara itu bagi Daerah Seberang Perai Tengah, pihak pemaju telah mencadangkan penempatan semula penduduk dibuat di atas lot 35, 66, 690 dan 909 mukim 7 seluas 3.6724 hektar, manakala bagi Daerah Seberang Perai Selatan pula ia hanya ditempatkan di atas KTMB sedia ada.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah kerajaan berjiwa rakyat atau *people's centric*. Kerajaan Negeri baru akan bekerjasama dan meneruskan perhubungan yang baik dengan Kerajaan Persekutuan bagi memastikan rancangan pembangunan dilaksanakan.....

YAB. Ketua Menteri:

Jumlah penduduk yang tidak berdaftar ialah 55 orang, Seberang Perai Tengah 489 orang, Seberang Perai Selatan 27 orang, keluarga, sebenarnya keluarga, minta maaf, dan untuk komersial ialah sebanyak 5 buah rumah di SPU, di SPT 28, SPS 9, tentang jenis-jenis rumah ibadat, SPU 1 tokong, 1 kuil, 1 surau, SPT 16 tokong, 11 kuil, 2 surau, SPS 4 tokong, 3 kuil dan tiada surau.

Pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah meminta pemilik projek menyediakan program penempatan semula penduduk yang terlibat. Ke semua keseluruhan bangunan kediaman dicadangkan untuk ditawarkan penempatan semula di satu tapak yang akan diambil iaitu terletak di tempat yang berhampiran stesen KTMB Tasek Gelugor daerah SPU. Sementara itu bagi daerah SPT pihak pemaju telah mencadangkan penempatan semula penduduk dibuat diatas lot 35, 66, 690 dan 909 mungkin seluas 3.6724 hektar. Manakala bagi daerah SPS pula ia hanya ditempatkan di atas KTMB sedia ada. Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah Kerajaan berjiwa rakyat atau *tribal centric*. Kerajaan Negeri baru akan bekerjasama dan meneruskan perhubungan yang baik dengan Kerajaan Persekutuan bagi memastikan rancangan pembangunan dilaksanakan demi kepentingan rakyat.

Oleh itu untuk memastikan bahawa penempatan semula berjalan dengan lancar kita telah membenarkan bahawa Projek Lintasan Keretapi Berkembar diteruskan di SPU. Malangnya usaha Kerajaan Negeri menghulurkan tangan persahabatan tidak dihiraukan bila projek-projek seperti monorel, PORR, pembesaran Empangan Mengkuang dan menaiktaraf sistem keretapi Bukit Bendera pada awalnya tapi sekarang telah pun dipulihkan sebanyak RM4.7 bilion dibatalkan. Ini merupakan penggulangan pengurangan 7.6% daripada RM6,152 juta kepada RM1,412 juta. Kerajaan Negeri amat berterima kasih diatas keperihatinan Kerajaan Persekutuan kerana memperuntukkan semula peruntukan berjumlah RM40 juta untuk menaiktaraf sistem keretapi Bukit Bendera sebagai tambahan kepada kerja pembaikan sebanyak RM2.5 juta. Untuk tahun ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM5.3 juta, yang mana RM2.8 juta adalah untuk kerja-kerja *prodding* dan kajian, manakala RM2.5 juta adalah untuk pembelian kabel gantian. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri akan berunding semula dengan Kerajaan Persekutuan bagi memastikan peruntukan semasa yang disediakan dapat digunakan sepenuhnya tanpa pembaziran.

Namun begitu, Kerajaan Negeri merayu semula kepada Kerajaan Persekutuan supaya peruntukan yang telah dikurangkan bagi projek menaiktaraf infrastruktur asas kawasan perindustrian bagi Negeri Pulau Pinang yang dikurangkan daripada RM128 juta kepada RM66.6 juta yang telah dikurangkan pada tahun lepas dipertimbangkan semula begitu juga dengan projek-projek Monorel,

PORR dan Empangan Mengkuang. Tentang projek tebatan banjir Sungai Muda saya ingin tegaskan bahawa Kerajaan Negeri tidak menghalang projek berkenaan. Malah mengalu-alukannya memandangkan ia merupakan projek infrastruktur yang memberikan banyak kebaikan kepada rakyat melalui pelaksanaan projek ini dijangkakan sistem pengairan dapat dipertingkatkan dan mengurangkan risiko berlakunya banjir. Apa yang Kerajaan Negeri ingin tegaskan ialah pelaksanaan projek tersebut perlu mengambil kira kesejahteraan penduduk yang terlibat di mana rumah kediaman mereka terpaksa dirobuhkan bagi memberi laluan kepada projek ini. Kerajaan Negeri tidak mahu keluarga yang terlibat diarah berpindah begitu sahaja tanpa memperdulikan soal penempatan semula penduduk. Sebagai makluman kepada YB. Tuan. Speaker, sebanyak 652 lot tanah milik terlibat dalam cadangan pengambilan balik tanah iaitu 256 lot di sebelah hulu dari Jambatan Merdeka ke Kuala Muda dan 296 lot di bahagian hilir sungai dari Ekor Kucing, Pinang Tunggal ke Jambatan Merdeka. Ia melibatkan sebanyak 242 buah bangunan di sepanjang jajaran. Berdasarkan maklumat awal daripada Jabatan Ketua Tanah dan Galian Persekutuan, bahawa Jabatan Pengairan dan Saliran untuk rancangan penempatan banjir berhasrat untuk memperuntukkan sebahagian daripada tanah yang diambil balik oleh untuk masuk penempatan semula *ground tenant* tetapi butiran akan dibincangkan kemudian...(gangguan).

Ahli kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan YB. Tuan Speaker, bagaimanakah kedudukan berkenaan dengan pengambilan tanah untuk bagi kawasan Permatang Rawa dan juga kawasan Kampung Pertama berkenaan maksud yang sama bagi mengatasi banjir dan sebagainya.

YAB. Ketua Menteri:

ia akan diambil secara keseluruhan dan kita tidak akan pecah-pecah...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Sebab masalah yang sedang dihadapi sekarang ini ialah dah banyak kali kata ia akan diambil dan akan menyelesaikan masalah pampasan telah diberi dahulu dan kemudian pampasan pun dah habis, rumah yang di *repair* pun dah jadi robek balik dan masalah sampai sekarang ini oleh kerana tidak diambil tindakan dan tidak diselesaikan masalah sedemikian, maka banjir masih berlaku di kawasan Permatang Rawa bersama-sama kami kongsi, ada datang air tak? Dan begitulah juga bagi kawasan Kampung Tama, mohonlah kali ini secara *series* atas dasar CAT, cekap ambil tindakan ya, CAT. Okay.

YAB. Ketua Menteri:

Terima Kasih Yang Berhormat kita akan berusaha dan mungkin kalau Yang Berhormat sedia, kita boleh berbincang bersama Yang Berhormat dan saya rasa kalau Yang Berhormat sedia, kita telah tawarkan untuk sama-sama berkhidmat tapi tidak diterima Yang Berhormat investPenang Sdn. Bhd telah dilulus...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Yang Berhormat minta laluan, saya nak menyentuh tentang RTB Sungai Muda tadi, apa yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat, bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang berfikirannya penempatan semula penduduk-penduduk yang terlibat dengan pengambilan tanah itu. Dalam perancangan yang telah dibuat dahulu, ban ini dibesarkan dan dilebarkan supaya penduduk-penduduk yang terlibat dengan penempatan semula itu dekat dengan tempatan asalnya itu dan kerja pengambilan balik tanah itu yang jadi masalah yang terganggu sekarang. *Now*, Adakah konsep itu diterima pakai

lagi atau pun dah diubah? Kalau dah diubah, apakah perancangan penempatan semula ini dibuat dan di mana nak ditempatkan mereka ini? Terima kasih...(gangguan).

YAB. Ketua Menteri:

Itu yang kita nak bincangkan dengan pihak Kerajaan Persekutuan kerana sehingga sekarang mereka hanya bercakap tentang bayaran pampasan tanpa petempatan semula alternatif, so yang itu dalam proses pembincangan dan kita akan maklumkan kepada Yang Berhormat sebagai ADUN kawasan itu tentang apa-apa perkembangan tentang apa yang perlu.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Terima Kasih penjelasan itu, minta laluan. Yang dulu dirancangan oleh Kerajaan pihak Persekutuan dan Kerajaan Negeri ialah seperti yang saya katakan melebarkan ban dan menempatkan penempatan itu semula di situ, habis Yang Amat Berhormat menjawab tadi kita akan bincang balik, jadi persoalannya adakah konsep itu tidak akan diterima sekarang? Untuk dibuat yang baru, kalau yang baru apa dia?

YAB. Ketua Menteri:

Kerana kalau kita tanya secara terperinci dengan pihak Ketua Pengarah Jabatan Tanah dan Galian Persekutuan dan juga kepada wakil kepada Kerajaan Persekutuan beberapa soalan yang kita bangkitkan tidak dapat dijawab dan beliau menyatakan beliau harus mendapat maklum balas dan arahan terkini kerana selepas pertukaran kerajaan beliau tidak berani membuat sebarang komitmen sehingga dapat arahan terbaru daripada pihak Persekutuan. Oleh sebab itu kita masih menunggu rumusan atau pun keputusan yang dibuat oleh pihak Kerajaan Persekutuan, dari aspek ini saya tahu apa YB. Penaga nak tanya tentang dulu dan sekarang, untuk itu yang jadi masalah kerana sungguh pun kita nak tanya tentang dahulu dan sekarang beliau pun tak berani nak bagi satu penjelasan, so yang jadi masalah kerana beliau belum

mendapat apa-apa arahan terkini mengenai isu-isu penempatan semula ini.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Sedikit soalan tambahan YB. Tuan Speaker, bolehkah saya dapat tarikh yang mungkin akan dapat kata putus supaya masalah dan juga risiko dan ancaman yang bila-bila masa pun boleh berlaku ini. Kalau Yang Amat Berhormat kata kita akan berbincang anggaran agak-agaklah bila benda ini boleh diselesaikan, dan kata putus supaya kerja pengorekan tanah itu boleh dibuat, terima kasih... (gangguan).

YAB. Ketua Menteri:

Saya pun bersama-sama dengan YB. dari Penaga tak sabar-sabar harap mereka boleh cepatkan dan segerakan, so dalam aspek ini saya harap YB. Penaga mungkin boleh bantulah dalam kes ini boleh *follow up* buat tindakan susulan dengan pihak Kerajaan Pusat minta mereka cepatkan sedikit. Baik, terima kasih. InvestPenang telah ditubuhkan pada bulan November 2004 dan telah mula beroperasi pada 1 Januari 2005, sebagai agensi yang tidak berasaskan kepada keuntungan dan dimiliki penuh oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui State of Secretary Incorporated (SSI) investPenang telah dipertanggungjawabkan untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai lokasi pilihan untuk teknologi industri dan perniagaan dengan mengambil maklum tentang misinya, investPenang mempunyai 5 objektif utama iaitu meningkatkan suasana perniagaan yang lebih selesa, meningkat daya saingan negeri dari segi teknologi serta kemudahan menjalankan perniagaan ...(dengan izin) memperkasakan daya saing Pulau Pinang. Ketiga, mempromosikan pelaburan dalam industri dan perkhidmatan yang bernilai bertambah tinggi dan berteknologi tinggi, keempat menyokong pembangunan syarikat yang sedia ada untuk berkembang dari segi rangkaian nilai ...(dengan izin) *to move up the value chain* dan akhir, kelima membantu industri tempatan untuk bersaing di seluruh dunia. Cabaran dan saingan yang dihadapi dari

dalam dan luar negara adalah persaingan untuk pelaburan di antara negara di rantau Asia, satu sistem penyampaian kerajaan bagi kelulusan permit dan insentif yang lebih berdaya saing di antara semua negara, semua nak bagi insentif untuk menarik pelaburan dan dalam keadaan sedemikian insentif kita ini bergantung kepada Kerajaan Persekutuan dan juga ke atas sekatan tanah yang kian

berkurangan untuk sektor industri, ketiga kekurangan tanah perindustrian terutamanya dibahagian pulau, keempat pembangunan IKS di mana kita nak lihat IKS secara menyeluruh kerana satu daripada faktor utama mengapa MMC atau pun syarikat-syarikat asing melabur di Pulau Pinang, adalah kemampuan, keupayaan IKS untuk memberikan bekalan yang mereka perlukan.

Sekiranya MMC datang ke Pulau Pinang dan mereka hendak dapat bekalan untuk mengeluarkan bahan-bahan keluaran mereka so kalau mereka tidak ada satu *supply chain* yang memadai atau mencukupi saya rasa ini akan meningkatkan kos mereka sekiranya mereka perlu mengimport daripada luar negeri, so dengan sebab itu, IKS yang matang, adalah sangat penting untuk menarik pelaburan asing ke Pulau Pinang dan dalam aspek ini kita harap bahawa IKS boleh mempertingkatkan, menambah nilai dan juga menjadikan lebih teknologi insentif supaya mereka dapat mengimbangi industri mereka dengan apa atau dengan *trend* teknologi antarabangsa ini adalah dari satu aspek, aspek kedua adalah sama-sama penting, mereka janganlah terlalu bergantung kepada MMC sahaja, kerana kalau terlalu kebergantungan *dependency syndrome*, sindrom ini amat bahaya sekiranya para pelabur asing lari keluar atau memberhentikan operasi, mereka harus mencari pasaran yang baru khususnya di pasaran-pasaran yang membangun seperti di India dan di China supaya supaya sekiranya pelabur asing ingin mengurangkan pelaburan mereka, mereka ada saluran lain dan pada masa yang sama ia adalah sesuatu yang penting untuk mempelbagaikan perniagaan mereka *what we need*(dengan izin), YB. Tuan Speaker ialah *diversify not only risk but also diversify market also have portfolio ...*(dengan izin). Kelima...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

YB. Tuan Speaker, minta penjelasan sikit, investPenang. Invest Penang ini saya tahu dah lama YB. Tuan Speaker, memang ditubuhkan oleh kerajaan lama dan Ketua Menteri cuma ulang-ulang perkara yang kita semua tahu tentang industri di Pulau Pinang ini, macam surat khabar lama pula ya, tapi yang Ketua Menteri tak yakin dengan barisan yang dia lantik curi daripada Gerakan, dan CEO ini

pula bercakap ini investPenang, terjemahan daripada surat khabar Cina ini, Dato' Lee Kah Choon mengikut akhbar Cina telah meramalkan bahawa keadaan ekonomi telah merosot menyebabkan pengurangan keluaran kilang-kilang di Negeri Pulau Pinang di samping itu juga diramalkan oleh pihak kami bahawa pelaburan di Negeri Pulau Pinang mungkin akan berkurangan. CEO of investPenang janganlah cakap macam ini perkara yang negatif, perkara yang elok-eloklah yang boleh menggalakkan orang datang ke Pulau Pinang, jangan cakap macam ini, so kena nasihatlah CEO of investPenang kena cakap bagi hebat-hebatlah, jangan cakap negatiflah, *It's no good for penang...*(gangguan).

YAB. Ketua Menteri:

Nampaknya YB. Telok Bahang tak ada rapat dengan Datuk Lee Kah Choon ya? Dulu semasa berkhidmat dengan Kerajaan Persekutuan, janganlah ada apa-apa perasaan tak puas hati ya bila beliau sedia menyokong sistem CAT dan juga berkhidmat dalam investPenang. Saya rasa kita selalu, *I think we need to choose the best, so we can be on top with the rest ...*(dengan izin) YB. Tuan Speaker, so dalam aspek ini saya rasa pun tadi semua berbau politik lah ini saya rasa YB. Telok Bahang tak berapa sesuai, bila *you* nak buat itu nak buat statement politik tak beberapa sesuai, ini kali pertama saya sebutkan tentang investPenang, kali pertama buat penggulungan mana boleh cakap surat khabar lama, so saya rasa tak tepatlah ini, kalau nak buat kritikan, be *fair* lah adil lah sikit, kali pertama cakap yang bukan-bukan. Yang kedua tentang itu Datuk Lee Kah Choon, kami sedia terima kritikan, so kalau YB. Telok Bahang ada pandangan tertentu, saya rasa dan saya telah bagitahu kepada semua EXCO, saya terima teguran. Yang Berhormat tak payah di Dewan, terus buat surat atau pun panggil dan berikan pandangan, so itulah nasihat saya. So usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pelaburan dari dalam dan luar negeri adalah satu, meningkatkan keyakinan pelabur melalui urus

tadbir CAT, kedua, pasukan petugas khas untuk pelaburan melebihi juga RM1 bilion dan ini sedikit sebanyak telah meyakinkan dividen bukan sahaja untuk memilih Pulau Pinang sebagai tapak pelaburan mereka tapi untuk meningkatkan pelaburan dari asalnya RM800 juta kepada RM1.2 bilion.

Ketiga, menambah baik penyampaian sistem sektor awam iaitu mempermudah sistem garis panduan dan prosedur menyelaraskan agensi di peringkat Kerajaan Negeri dan mempertingkatkan tahap mesra pelanggan bagi membolehkan Pulau Pinang kekal menarik kepada bakal pelabur. Keempat...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Penjelasan, adakah YAB. Ketua Menteri bermaksud kalau RM1 bilion lebih itu ada peruntukan khas, apa yang jadi kalau kurang RM1 bilion? Adakah peruntukan khas atau pun dibiarkan begitu sahaja?

YAB. Ketua Menteri:

Saya rasa itu adalah dalam perbincangan YB. Pulau Betong, kerana mereka awalnya cakap RM800 juta selepas kami berbincang dan kami rasa mereka harus menambah nilai pelaburan mereka bersetuju dan telah menambahnya kepada RM1.2 bilion, so saya rasa itulah dalam proses perbincangan. Saya rasa kalau nak pertikaikan sama ada ada yang tidak ada saya rasa boleh *check...* (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Satu jawatan khas untuk petugas khas untuk pelaburan RM1 bilion ke atas ada, tetapi apa yang jadi pada di bawah RM1 bilion itu adakah juga masih ada pasukan petugas khas untuk itu.

YAB. Ketua Menteri:

Saya rasa petugas khas ini diketuai oleh saya dan dianggotai oleh Dato' SUK, wakil daripada investPenang, Wakil daripada PDC dan juga YDP MPPP atau MPSP yang berkaitan. Dan ini bertujuan untuk mengatasi semua masalah yang timbul, saya ada bubuhkan apa-apa nama tak, tapi ini ialah jawatankuasa kecil lah supaya kita .. (dengan izin) *on call* lah oleh itu pelabur-pelabur asing dan saya rasa mereka amat cenderung dan amat suka tentang jawatankuasa

khas ini kerana mereka rasa petugas khas ini membantu mereka melaksanakan pelaburan-pelaburan mereka khususnya dalam aspek *schedule adherence*(dengan izin) iaitu pendapatan jadual, itu sangat penting bagi pelabur-pelabur asing khususnya *Honeywell* itu yang di maklum oleh semua. *Honeywell* adalah syarikat yang paling unggul dalam sektor *Avionics* tanpa *Honeywell*, kapal terbang tak boleh terbang. *Avionics is through the place* ...(dengan izin) *what Intel is to computers* so ini adalah sangat perlu kalau kita nak buka komputer kita perlu *Intel* dan *Microsoft*, kalau kapal terbang kita perlu *Honeywell* dan juruterbang, so itulah sesuatu yang amat sangat penting bagi Negeri Pulau Pinang dan kita harap menerusi proses ini kita dapat lebih banyak pelaburan yang kita cakap berjenamalah, iaitu *branded names for foreign investors*.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Minta penjelasan satu lagi, YAB. Ketua Menteri menjawab soalan bagi investPenang ini, saya hairan dalam teks ucapan TYT. bukan pengerusi kita ialah Timbalan Ketua Menteri I kah? Untuk investPenang, Pengerusi Ahli Lembaga untuk investPenang bukan Timbalan Ketua Menteri I kah? Sepatutnya siapa yang jawab? YAB. Ketua Menteri atau Pengerusi jawab? Minta penjelasan sikitlah.

YAB. Ketua Menteri:

Kerana ia ada kaitan dengan pelaburan sebab itu saya jawab sahaja, kalau YB. Bayan Lepas tak mahu saya jawab, saya tak jawablah.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Tak, kita keliru kerana dalam hansard tulis orang lain *chairman* tapi dijawab oleh orang lain yang itu yang saya tanyalah.

YAB. Ketua Menteri:

Kerana kita mengamalkan sistem *collective responsibility, corrective leadership*, tanggungjawab bersama dan kepimpinan bersama tapi kalau YB. Bayan Lepas tak mahu saya jawab saya henti di sinilah.

Ahli kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Mohon laluan, CAT apa maknanya? *Collective, action?*

YAB. Ketua Menteri:

No, no, no, kecekapan, *C is for cepak, A for accountability*, T ialah telus...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Collecting, answering all the queries the T untuk lah apa-apa itu, jadi tolonglah, *collecting, answering* tolong jawab itu semua...(gangguan).

YAB. Ketua Menteri:

Yang Berhormat suka nak, takpalah asalkan Yang Berhormat faham apa itu CAT itu sudahlah, YB. Tuan Speaker, sejak penubuhan 2008 telah menunjukkan prestasi yang mengalakkan di mana jumlah keseluruhan pelaburan yang telah diluluskan dalam tempoh masa Januari hingga April 2008 adalah berjumlah RM4.841 bilion. Daripada jumlah tersebut pelaburan tempatan adalah sebanyak RM4.367 bilion atau pun 90% daripada jumlah keseluruhan pelaburan manakala pelaburan asing adalah berjumlah RM473 juta atau 10%.

Jumlah projek pelaburan yang telah diperolehi sejak mengambil alih Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tempoh Mac hingga April adalah berjumlah sebanyak 17 buah projek tempatan dan luar negara yang telah diluluskan di negeri ini. Jumlah

keseluruhan pelaburan yang diluluskan dalam tempoh yang sama adalah berjumlah RM1.389 bilion daripada jumlah tersebut, jumlah pelaburan tempatan yang telah diluluskan adalah sebanyak RM 1.283 bilion manakala pelaburan asing pula adalah berjumlah RM105 juta, ini tidak termasuk pelaburan *evident* dan juga *Honeywell* yang tidak di ambil kira, Kerajaan Negeri tidak mempunyai rancangan untuk mengkaji semula kedudukan atau faedah-faedah yang

diberikan kepada syarikat *Free Trade Zone* dalam tempoh masa 5 tahun yang akan datang, memandangkan bahawa kedudukan atau faedah-faedah yang diberikan kepada Syarikat *Free Trade Zone* adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, dalam tempoh 5 tahun ini Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama rapat dengan Kerajaan Pusat dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi membantu pelabur-pelabur asing yang sedang beroperasi atau pun yang akan memulakan operasi bagi menyelesaikan isu-isu mereka di kawasan FTZ. Selain daripada itu dari masa ke semasa Kerajaan Negeri melalui pihak berkuasa tempatan MPPP dan MPSP adalah terus memperbaiki dan menyelesaikan segala isu dan masalah seperti keselamatan, sosial, alam sekitar, kemudahan infrastruktur dan pengangkutan yang berlaku di kawasan FTZ. Sila...(gangguan).

Ahli kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

YAB. Ketua Menteri saya tertariklah bila cakap pelaburan ini dan sebagainya tapi, kalau kita boleh tambahkan, cari cara untuk dan kaeah mekanisma baru lagi baik. Dulu Pulau Pinang kita berbangga kerana kita dengan taraf *Free Port*, so hendaklah Pulau Pinang memohon semula supaya dia dapat jadi *Free Port status* lagi sekali sebab dalam pertimbangan baru sekarang ini ialah kerana Pulau Pinang merupakan logistik hub dalam NCER. Maknanya ia ada pertimbangan yang baru boleh kita minta kalau boleh atau pun perluaskan lagi FTZ supaya ianya akan jadi satu transit tempat penambah nilai apa sahaja perusahaan yang ada daripada MMC atau pun pengusaha-pengusaha besar yang lain kerana kita mempunyai kepakaran dan juga sumber tenaga mahir dan separuh mahir dan juga kita mempunyai institusi-institusi yang melatih banyak tenaga-tenaga mahir di negeri ini, sebab itu Pulau Pinang juga saya rasa kalau dapat Kerajaan Negeri mempertimbangkan supaya ianya

menjadi satu OEM *Centre* yang berkembang maju barulah kita menjadikan kawasan NCER logistik *centre* kita ini sebagai yang bukan hanya mendapat keuntungan melalui *services income* tetapi juga melalui *value added-value added services* kepada barang-barang yang di masuk, ditambah nilai semula dan kita boleh menjadikan ia satu *trading center* yang maju bagaimanakah perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang nak buat ke arah tersebut dan apakah insentif-insentif yang dapat diberikan.

Begitu juga pandangan berkenaan menjadikan Pulau Pinang sebagai *education hub* dan sebagainya dan jawapan yang saya terima tempoh hari pun kurang memuaskan dan *Halal Hub* kedudukannya dan juga Medical Tourism dan juga tentang *east meet west, Chinese medicine and Western medicine* dan sebagainya... (gangguan).

YAB. Ketua Menteri:

Terima kasih YB. Seberang Jaya, yang sama-sama mempunyai tujuan untuk menarik lebih banyak pelaburan ke Pulau Pinang dan di sini saya harap YB. Seberang Jaya boleh menyokong projek Jambatan Kedua dilaksanakan dengan secepat mungkin kerana kalau ia dapat dibina dengan cepat kawasan Seberang Jaya pun dapat faedahnya. So berikanlah nasihat sedikit kepada Ketua Pembangkang jangan pula cancel projek-projek sedemikian.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Yang Amat Berhormat, minta laluan, daripada tadi saya dengar minta kerjasama pihak pembangkang untuk melobi Kerajaan Pusat bagi mendapatkan projek itu, projek ini sampai ke petebatan banjir dan sebagainya. Jadi saya fikir apakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak berkemampuan untuk menjalankan tanggungjawab itu, terpaksa mendapat sokongan daripada pihak pembangkang kerana pihak Barisan Nasional dulu tak minta pun bantuan daripada parti Pakatan Rakyat. Dia buat sendiri dengan kemampuan dia sendiri, kita tak minta pun bantuan ini, kerjasama-kerjasama, kerjasama ini bergantung kepada pendekatan Kerajaan Negeri sekarang kalau dia bersifat berkonfrantasi dengan Kerajaan Pusat, dia tak boleh dapat, pergi sana hentam sana sini, *and then* kemudian minta, kalau saya ada kuasa pun saya tak bagi macam itu, jambatan Pulau Pinang, saya pun kadang-kadang terfikir hebat sangat saya ini ya, *statement*

yang saya buat kata kita mengenai jambatan Pulau Pinang ini sampai pelabur daripada Korea pun tak mahu datang. Yang Amat Berhormat buat *statement* itu kerana saya bercakap pelabur di Korea ikut cakap saya, jadi Yang Amat Berhormat sebagai Ketua Menteri tak boleh lobi? Kemudian nak salahkan saya? kerana yang pergi itu bukanlah kaki lobi yang pergi itu makan angin mungkin? Ya sebab itu tidak dapat menarik pelabur daripada...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

YB. Tuan Speaker, *point of order*...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Dia ini tiada kerja lain, Balik-balik *point of order*, tarik balik, tarik balik...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Apa nak buat YB. Tuan Speaker, ...(dengan izin), YB. Tuan Speaker telah pun menegur YB. daripada Sungai Dua, tentang penggunaan perkataan makan angin, sudah saya jelaskan perkataan tersebut tidak digunakan, dan kalau Ketua Pembangkang ada di Dewan ketika itu, dengar teguran yang diberikan, sepatutnya dia sebagai Ketua Pembangkang telah mengambil teguran tersebut dan tak mengambil perkataan itu di sini sebagai Ketua Pembangkang kepimpinan melalui teladan sebagai Ketua Pembangkang. Ini dah YB. Tuan Speaker dah menegur perkataan itu tidak digunakan, sekarang perkataan itu digunakan. Seolah-olah mencabar YB. Tuan Speaker mengambil tindakan tata sembilan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya sambung balik, tadi, saya sambung baliklah.

YB. Tuan Speaker:

Duduk, duduk, duduk. Jadi kita ambil. Saya dah sebut hari tu, jangan kita buat tuduhan. Dan saya dah katakan kita pun tak mau

juga peraturan terus dibangkitkan tetapi untuk mengelakkan supaya itu tak dibangkitkan jadi janganlah membuat tohmahan, tuduhan sedemikian.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

YB. Tuan Speaker boleh saya sambung balik. Yang Berhormat. Saya kata mungkin tadi. Cukup jelas, cukup jelas. Saya tak tuduh, saya kata mungkin. Memang la yang ni, yang mana tadi, Seri Delima, dia *point of order* tarik balik, *point of order* tarik balik. Sampai orang di luar yang dengar beribu-ribu, depa kata tak dak lain ka nak bercakap. Terima kasih.

Y.A.B Ketua Menteri:

Biar saya habis, habis dulu. Saya rasa yang penting ialah kerana saya pun belum habis jawab kepada Yang Berhormat Seberang Jaya. Ini saya nak buat secara singkat, secara ringkas. Yang penting ialah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersikap terbuka. Kita bersedia menerima pandangan daripada semua pihak. Tapi, sama ada kita boleh jalankan dengan sendiri saya rasa saya ada keyakinan ke atas kemampuan rakyat Pulau Pinang. Tapi, mengapa pula kita tidak minta apa yang sebenarnya bahagian kita. Kerana rakyat Pulau Pinang ada membayar cukai kepada Kerajaan Persekutuan dan mereka berhak mendapat projek-projek yang dijanjikan sebelum ini. So, itulah prinsipnya. Dan dalam aspek-aspek ini, saya rasa saya tak mau berbahas panjang kerana kita ada peluang tentang usul saya esok. So, kita boleh bahas tentang perkara itu. Tetapi, tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Seberang Jaya tentang *Medical Tourism*, tentang itu *Education Tourism*, tentang rancangan-rancangan, saya amat gembiralah bahawa Yang Berhormat Seberang Jaya ada ikut pelan, *master plan* yang telah kita gariskan untuk mempromosikan pelancongan di Pulau Pinang.

Di mana kita nak tarik, kerana di Pulau Pinang kita memang ada pakar-pakar perubatan yang terbaik di Malaysia. Kita bukan saja

ada doktor yang terbaik di Malaysia, kita pun ada jururawat yang terbaik di Malaysia. Dan kita nak promosikan, apa ni, *advantage* atau pun kekuatan dalam aspek ini. So, dalam *Medical Tourism*, atau kita cakap dalam segi Health Tourism, kita harap kita boleh menarik pelabur-pelabur mendirikan hospital-hospital mereka, dalam segi *Education Tourism*. Sekarang, semua *International School* ... (dengan izin), sekarang semua sekolah antarabangsa penuh.

Waiting list panjang. Saya ada terima surat daripada beberapa ibu bapa dari luar negeri, minta tolong saya untuk membolehkan anak mereka masuk kepada *International School*. So, itu sebab adalah penting menarik lebih banyak sekolah-sekolah antarabangsa didirikan di Pulau Pinang kerana kita pun ada tenaga pengajar yang paling baik di Malaysia. Dan itulah mencerminkan bahawa Negeri Pulau Pinang mempunyai bakat yang begitu ramai. Dan inilah kita hendak promosikan perkara-perkara ini (gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Bukan. Di antara benda yang dicakapkan tadi tu sebab banyak yang dicakapkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri nak minta sokongan daripada Barisan Nasional, nak minta sokongan daripada Kerajaan Persekutuan dan sebagainya. Jadi, kita nak tanyalah baru ni ada sikit perbincangan di antara parti PAS dengan pucuk pimpinan Barisan Nasional dan sebagainya. Saya yakin, iaitu Yang Amat Berhormat mungkin ikhlaslah kan nak buat kerja untuk orang Pulau Pinang. Sanggupkah DAP buat cadangan untuk *joint* dengan Barisan Nasional, tubuh kerajaan, tak dak lagi masalah.

YAB. Ketua Menteri:

YB. Seberang Jaya, kita belum pelawa pembangkang masuk sini, you sudah pelawa dulu. Saya rasa kita sama-sama ada pendirian dan saya rasa itu tak *relevan* lah. Yang penting ialah kita ada peranan yang kita hendak main masing-masing. Sekiranya, UMNO atau pun pihak Barisan Nasional bersedia sokong DAP itu perkara lain. Tapi, yang kita lihat di sini masih belum sampai ke tahap itulah. Saya rasa cukuplah. Saya boleh pergi kepada warisan nanti kalau penjelasan macam ni tak habis.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd Rahman):

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Tadi, saya dengar daripada Penagalah, mengatakan bahawasanya dulu tak ada orang yang minta, pembangkang pun tak minta untuk kepada Kerajaan Pusat. Tapi, saya masih ingat lagi masa saya jadi

pembangkang dululah. Saya juga ada buat saranan dalam ucapan-ucapan saya, khususnya mengenai persoalan banjir yang dijaga oleh sahabat saya oleh Penaga. Saya sarankan kalau sekiranya kita tak cukup kewangan, pada ketika tu, nampak gayanya, saya sarankan supaya kita minta kepada Kerajaan Pusat. Jadi dulu pun kita ada minta, walau pun saya daripada pembangkang. Pun kita mohon supaya Kerajaan Pusat membantu Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada ketika itu. Yang keduanya masalah saudara kita, sahabat saya YB. Seberang Jaya ni, mengatakan ada *contact politics*, mana tak ada *contact politics* apa dengan UMNO ni. Tak dak, tak dak timbul apa. Itu mungkin dalam surat khabar saja tetapi hakikatnya tidak ada ...(gangguan).

YAB. Ketua Menteri:

Sila duduk, sila duduk. Saya nak menjawab Yang Berhormat Permatang Pasir. Saya memang bersetuju dengan apa yang dinyatakan. Ini semua rekaan dalam surat khabarkan. Okay, baik. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Permatang Pasir, tapi di sini apa salahnya kita minta daripada Kerajaan Persekutuan. Kerana Kerajaan Persekutuan ialah Kerajaan Malaysia. Bukankah Pulau Pinang sebahagian dari Malaysia. Kalau Pulau Pinang sebahagian dari Malaysia, kita berhak untuk meminta wang peruntukan kerana ia adalah sumbangan yang dibuat oleh rakyat Pulau Pinang. Tapi kalau cakap tentang konfrontasi, siapa nak konfrontasi. Kita tak ada konfrontasi. Yang adakan konfrontasi ialah bila kita punya projek kena dipotong, dicantas, dibuang begitu sahaja. Ini kita boleh rujuk dalam usul yang akan datang (gangguan). Saya tak bagi untuk aspek ini kerana kita ada peluang lain untuk berbahas.

YB. Tuan Speaker, penyenaaraian George Town sebagai Warisan Dunia oleh UNESCO pada awal bulan Julai baru-baru ini meletakkan Negeri Pulau Pinang dalam peta pelancongan Warisan

Dunia. Keputusan ini pasti akan menjadi salah satu pemangkin utama, yang akan melonjakkan sektor pelancongan di Pulau Pinang. Justeru, dengan penyenaian ini, saya pasti, akan menarik lebih ramai pelancong asing ke Pulau Pinang bagi melihat sendiri kekayaan warisan budaya negeri ini. Dalam usaha ini saya telah berjumpa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan memohon ... (dengan izin), wang benih atau *seed money* sebanyak RM13 juta untuk usaha ini.

Adalah menjadi harapan bahawa Kerajaan Persekutuan boleh bekerjasama mengekalkan Pulau Pinang sebagai Bandaraya Warisan UNESCO dengan memberikan peruntukan dalam bentuk pinjaman mudah. Ini kita tak minta *grant*. Tapi pinjaman mudah untuk pihak swasta termasuk juga pihak Kerajaan Negeri sebanyak RM200 juta supaya kita bukan sahaja dapat melindungi warisan-warisan kita tetapi juga dapat menambah, menambah nilai dan mempromosikannya. Dalam penyenaian Bandaraya George Town(gangguan), saya habis ungkapan ini dulu. Dengan penyenaian Bandar George Town sebagai tapak warisan, ini akan, dapat juga wadah perpaduan, wadah kepada rakyat yang pelbagai kaum dan agama di Pulau Pinang.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga akan berusaha untuk menambahbaik ciri-ciri warisan supaya Pulau Pinang terus kekal di dalam senarai Warisan Dunia UNESCO. Melihat sambutan orang ramai ke atas perayaan George Town sebagai tapak Warisan Dunia UNESCO, memberikan nafas dan makna baru bahawa pemeliharaan dan pemugaran warisan boleh meletakkan Pulau Pinang ke atas pentas dunia dan pengiktirafan sebagai pusat antarabangsa di mana harmoni kaum dan agama boleh menjadi contoh kepada masyarakat berbilang kaum. Kesediaan baru orang Islam melawat tempat beribadat bukan Islam, dan orang bukan Islam melawat tempat beribadat Islam akan menjalinkan hubungan silaturrahim yang lebih erat di antara kaum dan agama dan menjurus kepada perpaduan bangsa Malaysia. Mengenai cadangan Yang Berhormat Tanjung Bunga, menyenaikan Kampung Tanjong Tokong sebagai tapak Warisan Kampung Melayu, kerajaan amat bersimpati tentang cadangan ini. Tetapi kerana tanah adalah milikan UDA, maka perbincangan mesti diadakan terlebih dahulu dengan tuan tanah. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan melakukan sebarang tindakan dengan mendapat pandangan rakyat tempatan dan berdasarkan kepentingan terbaik orang Melayu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Perkara yang saya nak bawa tadi tu ialah berkenaan dengan Warisan Tanjung Tokong inilah sebenarnya. Maknanya, sudah disebutlah, jadi takpalah. Jadi, kalau boleh kerana di kawasan ini juga mempunyai banyak kesan-kesan sejarah yang lain. Jadi, kalau

kita tengok dari segi sejarah ni pun, mungkin Tanjung Tokong ni dah lama wujud sebelum penubuhan George Town pada tahun 1839. Jadi, kalau boleh direkakan juga. Kalau perlu berunding dengan UDA, berundinglah dengan UDA. Syaratnya Tanjung Tokong akan dijadikan salah satu lagi komponen Warisan Melayu yang diadakan dalam perancangan Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Terima kasih Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Dua perkaralah. Satu, nampaknya Ketua Menteri ni tak *practice* CAT ni. Jadi, ni hal pelancongan. Jadi, kenapa Batu Lancang tak jawab. Kenapa Ketua Menteri jawab. Patut Batu Lancang yang jawab tu. Hal-hal pelancongan. Takpalah, *nevermind*, satu.

Yang kedua, pasal *heritage*. Saya memang berminatlah dari dulu sampai sekarang berminat, iaitu dalam kawasan George Town. Tapi sebab saya dah cakap perkara ni. Sebenarnya, kita juga kena lihat *heritage* di perkampungan-perkampungan Melayu, Cina, India di kawasan luar bandar. Mereka juga *heritage*, kampung lebih dari seratus tahun punya kampung. Patut Kerajaan Negeri juga lihat perkara ini dan eloknya *gazet* kampung-kampung ini sebagai kampung tradisi dan boleh menjadi satu tarikan pelancong. Jangan kita sentuh. Kalau kita bangunkan satu pembangunan yang bercanggah dah jadi tak ada tarikan lagi dah.

YAB. Ketua Menteri:

Terima kasih. Saya jawab kerana saya adalah Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Warisan Negeri. Saya rasa Yang Berhormat Telok Bahang mungkin sudah lupalah, bahawa Ketua Menteri adalah Ahli Jawatankuasa penting ini. Kerana ini adalah

satu pengiktirafan oleh UNESCO. Ia perlukan, mengemblengkan, tenaga dari keseluruhan Kerajaan Negeri dan kalau pihak pembangkang berminat kita pun bersedia menghulurkan tangan. Sama-sama kita bekerjasama untuk memastikan Bandar Warisan George Town boleh dikekalkan selama-lamanya. Dan tentang Tanjong Tokong, Kampung Tanjong Tokong dan juga kampung-kampung penempatan Cina, India dan lain-lain, saya rasa itu adalah

minat yang baik kerana sebelum ni pihak pembangkang tidak menunjuk minat sedemikian, betul tak. Tak tunjuk langsung minat sedemikian. Hanya sekarang selepas jadi pembangkang baru tunjuk minat nak *gazet* sana, nak *gazet* sini ...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Sikit saja, Ketua Menteri, sedikit saja. Hari ni dalam surat khabar mengatakan 'Warisan Melayu Terabai'. Sajalah ambil perhatian, minta maaf nuu..

YAB. Ketua Menteri:

Baik, baik. Saya tentu akan ambil perhatian. Sungguh pun daripada surat khabar itu. Saya tentu akan ambil perhatian ... (gangguan). Ni saya habis tiga perenggan saya akan bagi. Dan di antara selain daripada Jawatankuasa Pemandu Warisan Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri pun bercadang untuk memperkemas bahagian warisan MPPP dan melantik panel penilai teknikal yang akan dipengerusikan oleh Yang di-Pertua MPPP untuk mengkaji garis panduan dan pelaksanaan garis panduan warisan di kawasan warisan.

Di samping itu, adalah perlu untuk memperkemas juga pusat warisan negeri untuk melaksanakan kempen publisiti dan melaksanakan program-program bagi memperkenalkan kawasan warisan. Di samping langkah segera tersebut, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan meningkatkan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dan juga bersedia mendapat bantuan dari aspek kepakaran kewangan dan juga penjelasan polisi antara George Town dan Melaka daripada pihak antarabangsa, pihak NGO, badan-badan perniagaan dan juga orang-orang ramai diminta bekerjasama dengan

pihak kerajaan untuk memastikan pengiktirafan George Town sebagai tapak warisan dunia dapat dihayati bersama.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Nak sambung sikit tentang warisan tadi. Sebenarnya kita memang daripada awal lagi kita cukup berminat tentang *heritage* ini. Saya sendirilah dengan rakan-rakan yang lain di Balik Pulau. Kita sebenarnya bila dah bincang pasal *structure plan*, kita dah bincang dan bagi pandangan. Bila ada bantahan, dah buat cadangan. Tapi, nampaknya Kerajaan Negeri masih lagi tak berminat dengan perkara ini. Kita cadang supaya semua kampung tradisi di kawasan Balik Pulau itu dikekalkan, di jadi tarikan pelancong. Tapi nampaknya tak dimasukkan dalam *gazet structure plan* tu. Jangan kata kita tak berminat macam Ketua Menteri kata kita tak berminat. 4 buah kampung kita memang berminat dari dulu.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Tuan Syed Ameruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Biar saya perelaskan sedikit. Dalam *structure plan* dulu memang kita masukkan 27 buah kampung. Kampung tradisional berbentuk berbagai nelayan, pekebun dan lain-lain lagi. Ada 27 di pulau-pulau dan seberang tak kira lagi. Jadi bila selepas *structure plan* untuk *detail* untuk detail kena buat *local plan* untuk digunapakai kepada pembangunan di satu pulau ni. *Local Plan* ini di bawah Kajian Tempatan, MPPP dalam draf *local plan* ini hanya dimasukkan 7 kampung sahaja jadi yang kita hairan ini dalam *structure plan* dah ada tetapi bila mai *local plan* dia potong banyak tinggal 7 dan *consultant* yang dilantik ialah di bawah Kuala Lumpur yang ini kita minta Yang Amat Berhormat Ketua Menteri lebih baik lihat semula. Tolong tukar pelan.

YAB. Ketua Menteri:

Saya akan ambil data dalam aspek ini tapi apabila Yang Berhormat Telok Bahang membuat rungutan bahawa tak *gazet* langsung itu kerana tak masuk langsung dalam RSN di *gazet* bila YB. Telok Bahang takkan tak tahu diwartakan pada 28 Jun 2007 diwartakan oleh kerajaan Barisan Nasional dahulu. Sekarang pula angkara BN kita pula sekarang dipersalahkan. Ini tak adil, ini

memang tak adil. Saya tak mahu panjangkan perbahasan sedemikian kerana lihatlah Warta Kerajaan pada 28 Jun 2007 diwartakan. Kalau tak masuk RSN itu jangan salahkan kita. Salahkan diri sendiri.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar):

Penjelasan, isu pampasan....(gangguan).

YAB. Ketua Menteri:

Sudahlah itu nyatalah tarikh isu undang-undang sudah jelas bila ia diwartakan tak perlu dipertikaikan lagi. Projek bernilai pampasan berjumlah tentang kawasan ini dan pembalakan ini akan dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri 1 kerana beliau yang mengetuai rombongan melawat Negeri Kedah. Tentang projek Yang Berhormat dari Batu Uban telah menyebut tentang pampasan projek PDRM. Projek ini melibatkan bayaran pampasan berjumlah RM2,391 yang meliputi projek Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1,459.500 manakala peruntukan Kerajaan Negeri berjumlah RM931.600. Peruntukan dari Kerajaan Persekutuan telah diterima oleh Kerajaan Negeri. Jumlah setinggian yang terlibat adalah meliputi rumah kediaman 60 buah kediaman, 12 buah bengkel, satu Kuil India, 3 Tokong Cina dan 6 buah setor, 2 kilang perabot dan 3 perusahaan.

Di sini saya ingin memberikan jaminan bahawa kita akan usahakan perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan supaya penempatan semula dapat dijalankan dengan lancar dan juga mengambil kira masalah apa yang dihadapi oleh penduduk-penduduk yang terjejas dan sebarang tindakan tidak dirancang diambil sekarang dan saya rasa dalam aspek ini penduduk tidak

patut risau sekarang kerana Kerajaan Negeri akan terus membawa perkara ini atas perhatian Kerajaan Persekutuan.

Yang Berhormat dari Seberang Jaya telah menyentuh mengenai peruntukan mengurus *emolument* Pejabat Ketua Menteri mengenai Feng Shui itu saya tak jawab kerana saya tidak pakar layak mengenai Feng Shui kena tanya MPSPlah kerana ini saya rasa kena tanya pakar-pakar Feng Shui tapi saya difahamkan YDP MPSP

memang sihat dan tak ada masalah dan saya pun tidak tahulah dalam aspek mana dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tahun 2007 adalah berjumlah RM20,099.020. Pada tahun 2008 telah meningkat kepada RM24,771.470. Perkhidmatan dan bekalan juga meningkat daripada RM30,163.210 kepada RM32,685.600. Sebarang maklumat YB. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat emolumen sejumlah RM2.6 juta ini adalah disebabkan oleh pelarasan gaji penjawat awam dan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkuatkuasa pada 1 Julai 2007 dan bukan pada 2008. Perkhidmatan dan bekalan juga meningkat akibat pertambahan anggota selepas penyusunan semula struktur pentadbiran Kerajaan Setiausaha Kerajaan Negeri. Cadangan Yang Berhormat ADUN Seberang Jaya supaya diwujudkan stok penimba bagi beras, tepung dan lain-lain adalah baik untuk kebajikan rakyat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar):

Penjelasan, tujuan saya untuk membangkitkan berkenaan dengan perbelanjaan yang meningkat sebagainya ialah CAT dan telah pun dinyatakan dan selalu disebutkan tentang sebagai CAT dan sebagainya hanya memberi peringatan kalau Pejabat Ketua Menteri boleh cari kaedah mengurangkan lagi perbelanjaan maa ia akan memberi contoh yang baik di pejabat-pejabat EXCO yang lain dan jabatan-jabatan yang lain boleh kurangkan lagi itu sahaja walaupun ianya melakukan berlaku peningkatan kos kenaikan gaji dan sebagainya tetapi ia mungkin untuk kita kurangkan lagi perbelanjaan. Sebab itu dikurangkan pembawakan angka-angka ini kerana angka ini ialah perbelanjaan untuk tahun 2008 walau pun ianya dibuat dalam sidang bajet dalam 2007 jadi masih ada

pembetulan dalam ini. Memandangkan macam saya kata tadi kalau dalam mengikut rekod di sini kita boleh *reserve* dalam RM700 juta, RM800 juta dan kita ada RM400 lebih juta dalam yang telah dinyatakan dalam buku inilah dan yang saya telah sebutkan dan segala-galanya ada dalam situ. Dan dalam penjimatan itu sahaja. Dia ke arah penjimatan.

YAB. Ketua Menteri:

Kalau boleh kita berusaha dalam semua lapisan dan semua peringkat kerana pelarasan gaji yang dijalankan susah untuk dijalankan lagi. Tapi tentang *reserve* ini RM700, RM800 juta Dato' PKN tadi cakap tak begitu banyak ada RM300 juta kalau Yang Berhormat boleh cari RM400 juta kita amat menghargainya. Mana RM400 juta lebih kita amat menghargainya. So, tentang itu penimba bagi beras, tepung dan lain-lain untuk kebajikan rakyat saya rasa ini adalah di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan Yang Berhormat Seberang Jaya bolehlah membawa kepada perhatian mereka. Yang Berhormat ADUN Permatang Pasir telah memberikan isu mewujudkan pusat penempatan banjir yang kekal bagi Daerah Seberang Perai Tengah. Untuk makluman YB. Tuan Speaker terdapat 3 pusat pemindahan banjir seperti berikut Surau Tanjung Putus di mana boleh memuatkan 200 orang, Dewan orang ramai Kampung Kota 100 orang, Surau Sekolah Menengah Kebangsaan Permatang Rawa atau Sekolah Kebangsaan Tanah Liat 50 orang.

Kerajaan Negeri telah menggunakan kemudahan yang ada di kawasan ini di kawasan SPT, Jabatan Pengairan dan Saliran juga mengambil langkah pencegahan banjir melalui rancangan tebatan banjir di mana beberapa sungai utama yang menyebabkan banjir telah didalami manakala kerja mendalamkan Sungai Juru adalah dalam perancangan. Dan tentu dalam aspek ini kami boleh membincangkan perkara-perkara ini dengan Yang Berhormat dari Permatang Pasir. Yang Berhormat dari ADUN Pulau Betong telah menyentuh tentang perbelanjaan sebenar membaiki Rumah Rasmi Ketua Menteri sehingga 24 Julai 2008 kos penyelenggaraan bagi Kediaman Rasmi Yang Amat Berhormat Ketua Menteri adalah RM13,888.060. Butiran terbesar ialah menyelenggara kebersihan sebanyak RM5,316, butiran terperinci mengenai anggaran awal bagi

penyediaan dan peralatan rumah tetamu adalah berjumlah kira-kira RM300 ribu akan tetapi ia tidak dilaksanakan atas dasar wang untuk menjimatkan wang kerajaan. Sungguhpun, walaupun ada yang kurang elok kerana lama tidak didiami tetapi tidak apa juga oleh kerana ia adalah kediaman yang agak lama kos penyelenggaraan pun mungkin terpaksa ditanggung.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Minta penjelasan sedikit, saya cuba nak dapat penjelasan sedikit sahaja sama ada kos pembaikan itu termasuk pembelian perabut-perabut tertentu. Terima kasih.

YAB. Ketua Menteri:

Apakah perabot yang dibeli?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Tanya, kalau tak ada tak adalah.

Ahli Kawasan Air Putih (YAB. Tuan Lim Guan Eng):

Kerana perabot-perabot kerusi ini sejauh pengetahuan saya, saya balik lewat, bangun awal tak diberi peluang untuk tengok semua tapi sepanjang pengetahuan saya, tak ada apa-apa kerusi baru meja baru masih guna yang lama punya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Ini yang bermakna Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dahulu tinggal di rumah sendirilah bukan di situlah. Yang Amat Berhormat dulu *previous government* rumah sendirilah bukan di situ.

YAB. Ketua Menteri:

Betul. Takkan Yang Berhormat Pulau Betong tak tahu. Ini tak ikhlas selalu pergi apa ni perayaan raya dan Tahun Baru Cina tentu tahu duduk di mana Ketua Menteri. Saya harap cakaplah yang betul janganlah tahu pura-pura tak tahu. Kalau tak tahu itu *second thing isn't it? First term, second term isn't it?* Takkan tak tahu di mana Ketua Menteri duduk ini jadi masalah besar.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Yang Berhormat berkenaan dengan angka tadi. Saya nak perbetulkan tadi...(mutiara)

YAB. Ketua Menteri:

Duduk, duduk, duduk. Manakala isu yang disebut dan disentuh oleh ADUN di Seberang Jaya jawab Yang Berhormat lagi mengenai penubuhan Tabung Khas apabila pelajar hendak memasuki IPT. Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai satu tabung khas untuk memberi bantuan kemasukan pelajar IPT sejumlah RM500 setiap orang dan Kerajaan Negeri akan membelanjakan RM500 ribu untuk tujuan ini. Iaitu 200 pelajar IPTA setiap daerah so untuk 5 daerah ialah 1,000 orang. Setiap orang dari keluarga miskin akan dapat RM500. Borang permohonan ini boleh diperolehi di Pejabat Daerah di setiap daerah. Tarikh permohonan dari tahun 2008 akan ditutup pada 31 Julai 2008.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Kata yang itu memang telah dinyatakan tabung itu memang dari dulu dah ada dah. TYT Tabung TYT memang dah ada dah dan kita minta tabung tambahan iaitu satu yang lebih mudah mekanismenya. Kemudian menyentuh berkenaan dengan *reserve fund* dan sebagainya dan mengikut laporan imbangan Negeri Pulau Pinang. Kalau kita ikut peraturan kita ada RM764,503,000 atau RM770,464,363 di mana jumlah tunai mula-mula dipegang akaun hasil RM329,980,000 akaun amanah RM440,513,649. Manakala jumlahnya hampir RM800 jutalah.

YAB. Ketua Menteri:

Kerana sekarang kita tak ada naskah ini boleh minta pinjam dan saya akan *verify* Yang Berhormat. Yang Berhormat mungkin kita kena lihat penyata bukan secara satu sudut. *As an accountant must look at the*. Seterusnya Yang Berhormat ADUN Sungai Acheh telah menyentuh mengenai pembinaan Rumah Orang Tua yang telah dibuat pengambilan tanah di Lot 1533 Seberang Perai Selatan dapat

dipercepatkan. Tanah lot itu telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Disember 2002, pada 16 Januari 2008 telah diberi milik oleh Kerajaan Persekutuan ini ia dirancang oleh Kerajaan Persekutuan maka kita harap Kerajaan Persekutuan dapat mempercepatkan pembinaannya demi kesejahteraan warga emas kerana sebut oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan masa ini tanah berkenaan tidak dipajak kepada sesiapa.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Penjelasan, penjelasan adakah Kerajaan Negeri telah berusaha untuk membangunkan pembinaan yang saya maksudkan iaitu usaha dan sekarang kerajaan beritahu kata hartanah itu di bawah Kerajaan Pusat dan sejauh mana Kerajaan Negeri bertindak usaha dan pembinaan tersebut.

YAB. Ketua Menteri:

YB. Tuan Speaker Ini telah diluluskan pada tahun 2002 masa Yang Berhormat Telok Bahang dan saya rasa mungki dapat jawapan dari Yang Berhormat dari Telok Bahang dengan tepat kawasan yang selalu terlibat.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Saya tak puas hati, tanya kerajaan sekarang.

YAB. Ketua Menteri:

Kerana kita baru usahakan perkara ini masih tunggulah dan RTV masih tunggu jawapan dari Kerajaan Pusat. Kawasan yang sering terlibat dengan banjir dalam KADUN Yang Berhormat dari

kawasan Pantai Jerejak adalah di Bayan Baru dan Pantai Jerejak. Bagaimana pun kejadian kawasan banjir yang sering berlaku banjir adalah kejadian banjir kilat. Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya sentiasa bekerjasama dengan Pejabat Jurutera Daerah Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran telah menghadapi kejadian banjir kilat ini. Antara langkah yang diambil ialah pentadbiran ini telah diluluskan peruntukan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah projek infrastruktur asas melalui Pejabat

Pembangunan Negeri Pulau Pinang untuk melaksanakan projek kerja menaik taraf menyelenggara dan membina baru balik parit baru dalam KADUN Pantai Jerejak, pada 2008 14 buah projek naik taraf selenggara serta bina baru parit dan longkang dilakukan oleh Pejabat Daerah dan Tanah dengan kos RM470.000. Terdapat beberapa buah projek dilaksanakan oleh Pejabat Jurutera Daerah Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran dalam usaha menangani masalah banjir kilat dalam KADUN ini. Dalam rancangan jangka panjang JPS Kuala Lumpur telah menjalankan kertas kerja untuk melaksanakan Projek Rancangan Tebatan Banjir Bayan Baru, Batu Maung sebagai langkah kerja untuk mencegah masalah banjir dari terus berlaku.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Usaha untuk mengadakan pembinaan tersebut.

YA B. Ketua Menteri :

YB. Tuan Speaker, ini telah diluluskan pada tahun 2002 masa Yang Berhormat Telok Bahang. Saya rasa mungkin dapat jawapan daripada Yang Berhormat Telok Bahang. Beliau boleh memberi jawapan yang lebih tepat lagi. Kawasan yang sering terlibat (gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Saya tidak puas hati, saya tanya kerajaan sekarang?

YA B. Ketua Menteri:

Ya, kerana kita baru usahakan perkara ini kita masih tunggu, RTB semua kita masih tunggu jawapan daripada Kerajaan Pusat. Masalah yang sering terlibat dengan banjir dalam KADUN Yang Berhormat Pantai Jerejak adalah di Bayan Baru dan Pantai Jerejak. Walau bagaimanapun kejadian banjir yang sering berlaku adalah kejadian banjir kilat. Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya sentiasa bekerjasama dengan Pejabat Jurutera Daerah Jabatan

Keraja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran dalam menghadapi banjir kilat ini. Antara langkah awal yang diambil ialah pentadbiran ini telah diluluskan peruntukan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah projek infrastruktur asas melalui Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang untuk melaksanakan projek kerja menaik taraf, menyelenggara serta membina baru parit, longkang di dalam KADUN Pantai Jerejak. Bagi tahun 2008, sebanyak 11 buah projek naik taraf selenggara serta bina baru parit longkang dilaksanakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya dengan kos RM470,000. Terdapat beberapa buah projek turut dilaksanakan oleh Pejabat Jurutera Daerah Jabatan Keraja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran dalam usaha menangani masalah banjir kilat dalam KADUN ini. Dalam rancangan jangka panjang, Jabatan Pengairan dan Saliran, Kuala Lumpur telah menyediakan kertas kerja untuk melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir Bayan Baru-Batu Maung sebagai langkah kerja untuk mencegah banjir daripada terus berlaku.

Yang Berhormat ADUN Paya Terubong membangkitkan isu penubuhan TASKA di tempat kerja untuk kebajikan kaum wanita. Ini perlu untuk membolehkan kaum wanita terus bekerja. Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat mengalu-alukan penubuhan TASKA di tempat kerja oleh setiap agensi yang memerlukannya. Penubuhan TASKA di tempat kerja adalah merupakan kemudahan bagi ibu bapa yang bekerja di sesebuah agensi untuk menghantar anak-anak semasa mereka bekerja. Di samping anak dapat diasuh dengan lebih sempurna, ibu bapa dapat terlibat perkembangan anak-anak dengan lebih mudah semasa waktu rehat dan ketika diperlukan. Untuk makluman penubuhan sesuatu TASKA mestilah mendapat kelulusan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia sebelum ia boleh beroperasi.

Yang Berhormat ADUN Pulau Tikus telah menyentuh mengenai masalah kesesakan lalu lintas dan peningkatan kadar kejadian jenayah di Kawasan Pulau Tikus serta tindakan kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini. Perancangan dan tindakan Kerajaan Negeri untuk mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di Kawasan Pulau Tikus adalah seperti berikut:-

- Pertama : Mengeluarkan petak letak kenderaan di jalan utama dan melarang peletakan kenderaan di jalan yang sesak.
- Kedua : Melaksanakan sistem jalan sehalu di jalan utama dan jalan cabang seperti di Jalan Macalister, Jalan Residen, Lorong Kuching, Lorong Pulau Tikus, Lorong Maktab dan Lebuhraya Maktab.
- Ketiga : Mengadakan kawalan lampu isyarat seperti di persimpangan Jalan Kelawai, Jalan Tanjong Tokong, Persiaran Gurney, Jalan Bagan Jermal.
- Keempat : Melarang dan menghalang pembelokan ke kanan untuk melicinkan aliran lalu lintas.
- Lima : Mengadakan lorong basikal seperti yang telah diadakan dari Pasar Pulau Tikus ke Taman Perbandaran.
- Enam : Mewujudkan sistem jalan sehalu di sebahagian Jalan Burmah dan Jalan Kelawai dari Jalan Pangkor ke Jalan Bagan Jermal.
- Ketujuh : Persimpangan berlampu isyarat di persimpangan Jalan Burma, Jalan Cantonment dan persimpangan Jalan Kelawai, Jalan Cantonment, Jalan Pemenang yang akan dijalankan pada tahun 2009.

Untuk mengawal masalah peningkatan kadar jenayah di Kawasan Pulau Tikus, Majlis telah memasang kamera CCTV di lokasi-lokasi yang dikenalpasti oleh pihak polis iaitu di persimpangan Midlands - Lebuhraya Maktab, dua persimpangan Persiaran Gurney – Jalan Lim Chin Guan, tiga bulatan Persiaran Gurney – tapak penjaja dan keempat Persiaran Gurney berhadapan Plaza Gurney.

Antara langkah yang telah diambil untuk pengetahuan Yang Berhormat ADUN Pulau Tikus bagi dan sama juga dengan yang ditanya oleh Yang Berhormat dari Datok Keramat untuk menangani masalah jenayah ialah:-

- Pertama : Strategi pencegahan jenayah yang berkesan melalui operasi-operasi berkala yang berterusan di semua peringkat daerah dengan menasaskan jenayah yang menjadi penyumbang utama indeks.
- Kedua : Menambahkah anggota polis beruniform membuat rondaan berjalan kaki dan bermotorsikal dan rondaan kereta peronda yang ada di setiap zon dalam usaha pencegahan jenayah terutamanya di kawasan bank, perumahan dan kawasan tumpuan orang ramai.
- Ketiga : Pendekatan bersama masyarakat dalam usaha memerangi jenayah terutamanya menerusi maklumat yang disalurkan dan terus dikaji serta ambil tindakan.
- Empat : Masyarakat dalam membantu pihak polis dari masa ke semasa akan dipertingkatkan.

Pertubuhan NGO, Yayasan, Majlis Perbandaran, JKKK dan sekolah adalah kumpulan yang harus dirapati, dididik dan dipertanggungjawabkan bersama ke arah mewujudkan masyarakat bebas dari jenayah. Ini termasuklah mengadakan kempen, ceramah dan penubuhan Rakan Cops. Pelaksanaan Inisiatif Bandar Selamat atau IBS.

Pada peringkat permulaan lima kawasan IBS telah dilaksanakan di Pulau Pinang iaitu di Daerah Timur Laut - IBS Macallum, Daerah Barat Daya - IBS Bayan Baru, Daerah Seberang Perai Tengah IBS - Taman Siakap, IBS - Bukit Minyak dan di Daerah

Seberang Perai Utara - IBS Bagan di mana ianya dilaksanakan dengan rasminya mulai 1 Julai 2007. Pelaksanaan Bandar selamat ini merupakan penambahbaikan infrastruktur dan alam sekitar di kawasan Inisiatif Bandar selamat antaranya pemasangan CCTV untuk memudahkan pemantauan kes ragut, samun, curi motorsikal dan jenayah lain. Dua pemasangan lampu jalan bertujuan untuk menerangi kawasan yang menjadi kesukaan penjenayah melakukan jenayah.

Tiga pembinaan Dewan Komuniti bertujuan untuk masyarakat bersatu dan menanam semangat kejiranan melalui aktiviti yang diadakan dan pembangunan komuniti tercapai dan dapat membantu polis dalam pencegahan jenayah. Selain dari itu pelancaran IBS ini bertujuan untuk menggalakkan penyaluran berbagai jenis maklumat kepada pihak polis khususnya maklumat daripada orang awam. AJK IBS, Rukun Tetangga, Penduduk Taman Perumahan, Agensi Kerajaan, Swasta dan lain-lain. Pada keseluruhannya mengikut statistik jenayah indeks di Bandar Selamat Negeri Pulau Pinang bagi tempoh Julai hingga September 2007 mencatatkan sebanyak 267 kes berbanding 361 kes pada tempoh yang sama pada tahun 2006. Ini menunjukkan penurunan jenayah indeks sebanyak 94 kes atau 26% selepas 3 bulan pelancaran IBS. Pelancaran IBS di kawasan yang banyak berlaku jenayah amat bersesuaian sekali dan dapat menurunkan kadar jenayah indeks di kawasan tersebut dan konsep ini juga akan diperkembangkan dan diadakan di bandar lain yang mempunyai masalah jenayah bagi menurunkan kadar jenayah seterusnya memastikan keselamatan orang ramai terus terjamin. Menjawab soalan..(gangguan).

YB. Tuan Speaker:

Yang Berhormat Ketua Menteri, masa kita hampir 1.10 tengahari. Kita berehat di sini dahulu dan Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 minit petang nanti. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.10 tengahari.

Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang

YB. Tuan Speaker:

Dewan bersidang semula dengan sambungan penggulungan oleh...(gangguan).

YAB. Ketua Menteri:

Terima kasih YB. Tuan Speaker, so menjawab soalan daripada YB. Datok Keramat, kadar jenayah indeks Negeri Pulau Pinang, mulai Januari hingga Mei 2008 berjumlah 7269 kes. Disebabkan kes jenayah tidak direkodkan mengikut KADUN, maka pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

Daerah Timur Laut 2649 kes, Daerah Barat Daya 836 kes, Seberang Perai Utara 1024 kes, Seberang Perai Tengah 2371 kes, Seberang Perai Selatan 389. Bagi membendung jenayah indeks daripada terus meningkat, pihak polis dan beberapa agensi Kerajaan Negeri yang lain telah mengambil beberapa langkah bersama bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan orang ramai terus terjamin. Langkah-langkah adalah seperti berikut:-

- (i) Strategi pencegahan yang berkesan melalui operasi-operasi berkala yang berterusan di semua peringkat daerah dengan menasarkankan jenayah yang menjadi penyumbang utama indeks.
- (ii) Menambahkan anggota polis beruniform, rondaan dan juga dipusatkan mengikut Zon.
- (iii) Pendekatan bersama masyarakat antara polis bersama pelanggan, hebahan media massa dan media cetak dalam usaha menangani jenayah. Terutamanya menerusi maklumat yang disalurkan dan terus dikaji serta diambil tindakan. Peranan masyarakat dalam membantu pihak polis dari masa ke semasa akan dipertingkatkan. Pertubuhan bukan kerajaan, Yayasan, Majlis Kerajaan Tempatan, JKKK dan sekolah-sekolah adalah kumpulan yang harus dirapati, dididik dan

dipertanggungjawabkan bersama ke arah mewujudkan masyarakat bebas dari jenayah.

- (iv) Pelaksanaan Inisiatif Bandar Selamat seperti yang saya sebut tadi, so pada keseluruhannya mengikut statistik jenayah, indeks di Bandar Selamat di Negeri Pulau Pinang bagi tempoh Julai hingga September 2007 sebanyak 267 kes dicatatkan berbanding 361 kes pada tempoh sama menunjukkan penurunan jenayah indeks sebanyak 26% dan dalam aspek ini...(gangguan)

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan.

YAB. Ketua Menteri:

Saya habis ungkapan. Pendek saja. Dalam aspek ini, mengenai juga soalan daripada ADUN Kawasan Datok Keramat yang membangkitkan kes bunuh Peguam Dato' S.P. Annamalai. Dalam kes ini suspek yang terlibat tidak dapat dikenal pasti disebabkan kekurangan bukti kukuh serta ketiadaan saksi yang boleh memberikan maklumat sebenar berkaitan motif pembunuhan. Kes ini telah dijawab dalam soalan bertulis kepada YB. ADUN Kawasan Seri Delima dan difahamkan ada 4 peguam juga menjadi mangsa. Dan dalam aspek ini, pihak Kerajaan Negeri memang ambil berat dan peka tentang perkara ini dan akan sentiasa membuat tindakan susulan dengan pihak polis kerana kita tidak mahu ada apa-apa pembunuhan seberikutnya ke atas peguam-peguam lain. Sekian. terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Ariff Shah bin Haji Omar Shah):

YAB. Ketua Menteri, terlebih dahulu kita terima kasihlah kerana diambilkan berat juga masalah tentang keselamatan tetapi masalah sekarang ini ialah kekurangan anggota polis di Negeri Pulau Pinang di balai-balai, masih menjadi satu masalah yang tak dapat diselesaikan lagi. Jadi saya berharap YAB. Ketua Menteri tolong mainkan inisiatif yang lebih aktif memohon supaya dipercepatkan sikit berkenaan dengan anggota polis di kebanyakan balai-balai termasuk di Balai Seberang Jaya sampai sekarang anggota lama

macam tu juga, tak bertambah-tambah walau pun Kerajaan Pusat telah pun buat *recruitment* proses. Ini adalah sesuatu perkara yang amat penting kerana keselamatan adalah satu isu yang kita semua khuatiri kalau kita tak tangani dengan baik. Jadi minta tolonglah Kerajaan Negeri kali ini buat satu kajian khas dan perjumpaan khas dengan Ketua Polis Negara supaya ditambahkan segera anggota polis di Pulau Pinang, cukup, cukup, cukup kurang. Terima Kasih

YAB. Ketua Menteri:

Terima kasih ke atas keprihatinan YB. dari Seberang Jaya. Dalam aspek ini sebaik Kerajaan Negeri baru dibentuk, saya telah bertemu dengan masa itu ialah Pemangku Polis Negeri dan berbincang dengan beliau tentang masalah ini dan menurut beliau bahawa kerana Kerajaan Pusat tidak dapat mengaturkan anggota polis yang bercukupan untuk Negeri Pulau Pinang justeru, ia tidak dapat dilaksanakan dengan segera. Namun Kerajaan Negeri tidak akan hanya bergantung kepada pegawai atau pun bilangan anggota polis yang boleh dihantarkan ke Pulau Pinang kita pun akan cuba berusaha sendiri untuk memastikan bahawa Negeri Pulau Pinang boleh menjadi negeri yang selamat. Dalam usaha ini kita telah mengenalpasti kawasan hitam yang kita cakap, kita iktiraf sebagai *crime hot spots* di mana sering berlaku keadaan jenayah, dan selepas itu, ia dipastikan kita akan ambil tindakan termasuk yang kita kenal pastikan atau kita sebutkan sebagai *security grip*. Kita akan laksanakan satu *security grip* yang merangkumi CCTV dan juga penglibatan orang awam. Kita harap bahawa *security grip* yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri boleh dilaksanakan pada akhir tahun ini.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan. YAB. Ketua Menteri, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memperbanyakkan lagi rukun-rukun tetangga untuk memastikan masyarakat melibatkan diri dalam soal menjaga bersama demi keselamatan di tempat masing-masing.

YAB. Ketua Menteri:

Ini memang hasrat Kerajaan Negeri tapi kita kena lihat sejauh manakah ia mampu berfungsi dengan berkesan. Dalam aspek ini kita tak boleh buat secara paksaan, kita hanya boleh buat secara dorongan dan pujukan. Tapi tidak boleh dinafikan bahawa penduduk tempatan mestilah juga mengambil inisiatif dan tanggungjawab untuk memastikan kawasan perumahan mereka atau pun kawasan taman mereka adalah kawasan yang selamat.

YB. Tuan Speaker, keputusan Kerajaan Negeri untuk menghapuskan saman tidak seharusnya dipertikaikan oleh pihak pembangkang kerana ia adalah hak Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat Pulau Pinang. Ia bukan satu penyelewengan wang kerajaan,(gangguan) boleh rujuk kepada minit, saya minit pada hari Selasa diberikan, di mana saya akan tunjuk bahawa Yang Berhormat dari kawasan Penaga telah menggunakan wang penyelewengan RM30 juta wang kerajaan. Ia bukan satu penyelewengan, wang kerajaan sepertimana yang disebut oleh YB. Penaga bahawa Kerajaan Negeri telah menyeleweng *code uncode* telah menyeleweng wang rakyat berjumlah RM30 juta ringgit. Sebagai makluman YB. Penaga berdasarkan kamus Dewan, apakah makna menyeleweng di kamus Dewan, ialah bermakna menggelapkan dan mencuri, menggelapkan dan mencuri saya ulangi. Mana ada Kerajaan Negeri menggelapkan dan mencuri wang rakyat bila ia masih kekal dalam tangan rakyat. Saya ingin tegaskan...(gangguan) Nanti saya habis ungkapan itu. Saya ingin tegaskan bahawa pemimpin Kerajaan Negeri tidak pernah menyeleweng, menggelapkan dan mencuri sesen pun wang rakyat. Saya ingin nasihatkan Yang Berhormat Ketua Pembangkang sekiranya ada bukit buatlah laporan dan kami akan ambil tindakan tetapi janganlah memperdagangkan fitnah, tohmahan, penipuan dan pembohongan dalam Dewan yang mulia ini, ini dosa besar.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

YB. Tuan Speaker, nanti dulu, jangan seronok tepuk. Seronok sungguh tepuk, hairan pasal apa entah.

YB. Tuan Speaker, saya rasa elok juga YAB. Ketua Menteri merujuk juga kembali kepada *hansard* yang berkenaan.

Saya rasa YB. Penaga juga dan saya sendiri juga telah membuat penjelasan selepas itu, bahawa penyelewengan yang dimaksudkan ialah penyelewengan dari segi akauntabiliti, jadi beberapa kali penjelasan dibuat kembali selepas itu bagi membetulkan semua kenyataan-kenyataan itu dan kita *confirm* bahawa yang kita maksudkan ialah penyelewengan dari segi

akauntabiliti, di mana Kerajaan Negeri sepatutnya menjalankan tugas yang diamanahkan oleh Akta atau pun apa-apa peraturan supaya Kerajaan Negeri mengutip kompaun tersebut tetapi kompaun itu tidak atau pun dinyatakan oleh Kerajaan Negeri bahawa ianya tidak mahu dikutip. Itu yang kita maksud penyelewengan, dari segi akauntabiliti dan penyelewengan kewangan itu sudah diperbetulkan sejak daripada awal dan beberapa kali selepas itu. Tapi kenapa YAB. Ketua Menteri masih menjawab soalan ini dengan menggunakan isu penyelewengan dalam bentuk kewangan sedangkan pagi tadi saja pun sudah diperbetulkan isu ini. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan.

YAB. Ketua Menteri:

Nanti dulu, saya nak jawab, saya nak jawab. YB. dari Permatang Berangan, betul, saya betul kali pertama, bukan kali pertama jadi Ahli Dewan Undangan Negeri dan ini ialah penggal kedua dan pernah jadi Ahli EXCO kan, belum, tersilap kalau kali ini menang, akan jadi ahli EXCO, minta maaf, minta maaf. Tapi kalau sudah jadi ADUN dua kali, patut tahu di bawah peraturan mesyuarat dinyatakan dengan jelas, sekiranya nak memperbetulkan yang salah, yang salah itu, mesti ditarik balik. Adakah yang salah itu ditarik balik, tak ada langsung. Saya rasa hormatilah peraturan mesyuarat perbahasan, kalau di tarik balik itu sebab saya ada tanya YB. Penaga saya rasa secara *gentlemen* tarik balik perkataan menyeleweng wang kerajaan, gantikan dengan penyelewengan tugas atau apa itu secara pandangan masing-

masing, tetapi menyelewengkan wang kerajaan adalah satu tuduhan berat kerana ini bermakna menggelapkan atau mencuri.

Saya tidak lihat langsung YB. Penaga menarik balik tuduhan pertama. Hanya cuba menyatakan itu maksudnya, macam mana itu boleh menjadi maksud bila yang asal tidak ditarik balik, seperti yang saya cakap kalau hendak cerai pun cerailah baik-baik tidak boleh sebelum cerai kahwin semula. ... (tepuk).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Boleh kahwin satu lagi. Sudah berkali-kali dijelaskan bahawa apa yang dimaksudkan jelas, saya telah jelaskan panjang lebar. YAB. Ketua Menteri pula kata tadi itu adalah satu tuduhan yang berdosa, tetapi saya tengok Kerajaan Negeri Pulau Pinang menuduh berkali-kali penyelewengan, rasuah tentang tanah, itu, ini sampaikan dicabar kalau betul bawa ke Mahkamah sahaja. Itu tidak dosakah Yang Berhormat, buat tuduhan yang sebegitu dan ahli-ahli lain. Tuduh yang seperti saya katakan tadi, itu lagi banyak tuduhan, lagi banyak dosanya. Kalau kita hendak cakap pasal dosa.

YAB. Ketua Menteri:

Itu saya tidak tuduh YB. Penaga. Yang saya tuduh ialah kerajaan yang lepas di mana kes-kes penyelewengan, kes-kes penggelapan, kes-kes pencurian berlaku di bawah kerajaan lama, apa salahnya, itu sebagai satu hakikat. Di mana saya ada tuduh Yang Berhormat daripada Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya pun tidak mengatakan tuduhan itu kepada saya, tetapi tuduhan secara umum di mana sesiapa individu yang terlibat itu harus dihadapkan ke Mahkamah. Sekarang BPR sudah jadi badan bebas yang boleh tuduh.

YAB. Ketua Menteri:

Itu saya setuju. Itu kita akan bertindak kemudian itu tidak boleh dinafikan bahawa ia berlaku dimasa kerajaan yang lama, itu memang satu hakikat.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Benarkah itu berlaku. Kalau benar berlaku bawa sahaja ke Mahkamah.

YAB. Ketua Menteri:

Itu kita akan bawa. Tetapi kalau bawa ke Mahkamah YB. Penaga pun tahu kalau hendak bawa ke Mahkamah itu kena ikut proses dan lunas undang-undang, siasatan oleh BPR kemudian sekarang BPR boleh buat pendakwaan sendiri. Kemudian BPR akan buat pendakwaan. Itu proses undang-undang.

Saya hendak bawa isu saman. Sebaliknya penghapusan saman itu merupakan satu bentuk bayaran *one-off* sebagai menghargai sokongan rakyat di samping mengurangkan bebanan rakyat. Tentulah keseluruhannya hampir RM30 juta seperti yang disebut tadi dan dinyatakan di dalam jawapan bertulis kepada Yang Berhormat iaitu sebanyak RM29,805,818.70, walau pun penghapusan telah diberi, namun Kerajaan Negeri kedua-dua PBT akan tetap melaksanakan kerja-kerja penguatkuasaan seperti biasa dan berusaha supaya kutipan hasil penguatkuasaan akan ditingkatkan. Dalam aspek ini, seperti yang ditanya oleh YB. Penaga apabila kita hapuskan saman ini yang telah pun membuat bayaran tidak dapat menuntut balik kerana bila dia buat bayaran saman itu bermakna beliau menerima mengakui kesalahan yang dilakukan. Tetapi untuk mereka yang tidak akui itu yang kita hendak beri satu peluang. Ini dalam aspek pelaksanaan saman. Okay, YB. Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Terima kasih, YAB. Ketua Menteri. YAB. Ketua Menteri menyebut banyak kali tentang penyelewengan ini, kalau tidak mahu

gunakan perkataan penyelewengan boleh kita gunakan perkataan salah guna kuasa, tidak boleh. *Anyway* walau macam mana pun YB. Tuan Speaker, bila Kerajaan Negeri hapuskan kompaun yang belum dibayar, ini secara langsung atau tidak langsung akan menggalakkan orang lain buat kesalahan dan dengan harapan akhirnya kerajaan akan hapuskan juga, satu. Yang kedua kalau hendak berlaku adil saya yakin kerajaan pimpinan YAB. Ketua Menteri berlaku adil, pada mereka yang telah bayar, kerajaan *finalise* orang yang sudah bayar, sepatutnya tarik balik mereka yang telah bayar kompaun ini supaya berlaku adil, saya yakin DAP, Keadilan yang adil, PAS tidak

bolehkah? PAS mesti nasihat supaya berlaku adil dalam hal ini. Maknanya saya harap kerajaan *committed* untuk bayar balik kompaun yang telah pun dibayar oleh mereka yang telah bayar, supaya berlaku adil.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shahbudin bin Yahaya):

Minta laluan, sambungan sahaja....(gangguan).

YAB. Ketua Menteri:

Saya ingat Yang Berhormat, minta maaf *you cannot have your cake and eat it, you got to decide it*. Yang Berhormat mesti putuskan dahulu, sokong atau tidak sokong penghapusan saman. Kalau tidak sokong jangan berikan cadangan lain, kalau sokong baru berikan cadangan sedemikian. Yang Berhormat sudah tidak sokong kita batalkan saman, macam mana boleh sokong. Kalau Kerajaan Negeri batalkan saman mesti bagi balik kepada mereka yang dibayar. Saya rasa itu macam *having your cake and then want it to eat it*, itu tidak patut. YB. Permatang Berangan sila.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya):

YAB. Ketua Menteri sebentar tadi, dia ada menyebutkan bahawa orang yang membayar saman itu ialah kerana mereka mengakui kesilapan dan kesalahan mereka. Jadi saya rasa inilah rakyat yang baik, rakyat yang bertanggungjawab, yang kita kata ada akauntabiliti. Dia melakukan kesilapan kemudiannya dalam undang-

undang ada menyebut bahawa dia layak dikompaun dan perlu membayar kompaun, lalu atas kesedaran itu, akauntabiliti rakyat ini dia membayar. Tiba-tiba saya hendak tanya YAB. Ketua Menteri kalau kita mengiktiraf orang yang tidak membayar kompaun itu sebagai mempunyai satu pilihan dan tidak bersalah dengan pilihannya kerana tidak membayar kompaun dan dilepaskan begitu sahaja, adakah YAB. Ketua Menteri bersetuju dengan tindakan pihak yang tidak membayar kompaun, dia kata peduli apa, kompaun Majlis Perbandaran tidak payah bayar tak kena apa-apa pun. Maknanya dia dah *argue*, dia menjadi rakyat yang sebaik macam mana rakyat bayar kompaun.

Tiba-tiba dalam keadaan tersebut kita mengatakan bahawa yang membayar kompaun ini okay, dia mengaku salah, dia bayarlah kompaun, biarlah dia bayar kompaun, dalam masa yang sama beri muka kepada orang yang tidak bayar kompaun. Jadi perkara ini yang kita pertikaikan dari segi akauntabiliti, kepertanggungjawaban pihak yang memegang amanah bagi melaksanakan undang-undang yang kita sendiri buat. Jadi adakah YAB Ketua Menteri menyebelahi pihak yang tidak membayar kompaun tadi dengan memberikan kemudahan sedemikian rupa dan mengabaikan pihak-pihak yang membayar kompaun dengan membiarkan mereka membayar kompaun tersebut tanpa beri pampasan semula. Terima kasih.

YAB. Ketua Menteri:

Yang Berhormat suka pusing-pusing, kerana itu pun soalan yang sama seperti yang sama dan sebut dan jawab kepada YB. Telok Bahang sekiranya hendak bahawa orang yang telah bayar saman itu dipulangkan wang, mengapa pula pihak pembangkang hendak menentang pembatalan saman oleh pihak kerajaan. Kalau pihak pembangkang menentang pembatalan saman *you have no right to make any other suggestions later ...*(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya):

Sebenarnya kita bincang tentang akauntabiliti.

YAB. Ketua Menteri:

Saya tidak beri. Pada masa yang sama adakah pihak pembangkang sekiranya tidak setuju dengan pembatalan saman, adakah pihak pembangkang ada meminta semua penyokong pembangkang Barisan Nasional supaya terus bayar saman.... (gangguan), kerana tidak sokong pembatalan saman yang telah diberikan oleh kerajaan. Kalau sekiranya pihak pembangkang sokong begini tegas, kalau sokong tegas bahawa pembatalan saman ini tidak patut, dia tidak patut dibatalkan, maka saya harap minta semua penyokong pembangkang jangan bayar saman, saya akan berikan hormat. Tetapi kalau tidak boleh buat demikian, saya rasa sudahlah, jangan main politik tentang ini, di mana kita telah

memberikan kelonggaran kepada rakyat dan rakyat di Pulau Pinang memang sokong tindakan yang dibuat oleh Kerajaan Pulau Pinang kerana ini dianggap satu langkah baik, yang berhemah untuk membantu mengurangkan keadaan ekonomi. Saya tidak mahu sebut.... (gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Boleh minta laluan...(gangguan)

YAB. Ketua Menteri:

Saya minta maaf....(gangguan).

YB. Tuan Speaker:

Tidak dibenar.

YAB. Ketua Menteri:

YB. ADUN Seberang Jaya telah mencadangkan supaya disediakan sebidang tanah untuk digunakan sebagai tempat pembakaran dan penyimpanan mayat orang bukan Islam. Saya berpendapat ini satu cadangan yang baik, walau bagaimanapun saya perlu melihat semula pelan pembangunan keseluruhan Bandar Seberang Jaya yang disediakan oleh PDC. Sama ada masih terdapat tanah yang boleh dimajukan di kawasan tersebut dan sesuai untuk maksud berkenaan. Setahu saya PDC telah menyediakan beberapa tapak RIBI atau rumah ibadat bukan Islam atau rumah

yang berhampiran dengan Taman Burung Seberang Jaya, iaitu rumah ibadat kaum Cina, Hindu dan Sikh. Lembaga PDC dalam mesyuaratnya pada 24 Mei 1993 telah meluluskan penjualan sebidang tanah seluas 1 ekar di kawasan RIBI Seberang Jaya kepada Gudwara Sahib Butterworth dengan kadar RM5.60 skp. Surat perjanjian jual beli telah pun ditandatangani pada 29 September 1993. YB. ADUN Seberang Jaya melalui surat bertarikh 6 Mei telah pun menyokong permohonan pertubuhan Perayaan Yelan kepada YAB. Tan Sri Ketua Menteri di Pulau Pinang supaya plot 11 kawasan RIBI di Seberang Jaya dijadikan tapak dewan menyimpan mayat. PDC melalui memo kepada YAB. Pengerusi Perbadanan pada masa itu, telah memaklumbalas seperti berikut:

Pertubuhan Perayaan Yeelan adalah merupakan satu pertubuhan keagamaan Cina yang menyelaras upacara keagamaan, perayaan hantu di kawasan perumahan dan kebanyakan pertubuhan sebegini tidak berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan. Berdasarkan kepada ini kesahihannya di dalam mewakili semua penduduk Cina di kawasan Seberang Jaya mungkin akan diragui oleh pertubuhan lain. Ketiga, PDC pernah merancang dewan menyimpan mayat di kawasan RIBI Seberang Jaya sebelum ini dan cadangan berkenaan tidak diterima dengan alasannya jauh dari kawasan perumahan serta letak bersebelahan dengan tapak rumah ibadat yang lain. Keempat, tapak yang dipohon adalah merupakan tapak yang digunakan sebagai tempat letak kereta untuk kegunaan pengunjung keagamaan rumah bukan ibadat bukan Islam. Pertubuhan perayaan Yeelan baru-baru ini pada 21 April 2008 telah meminta status permohonan yang dikemukakan sebelum ini melalui pihak Yang Berhormat dan Kerajaan Negeri melalui PDC telah memaklumkan kepada pihak berkenaan bahawa plot tersebut telah dikenal pasti sebagai tempat letak kereta untuk diguna bersama oleh seluruh RIBI di kawasan tersebut. Oleh yang demikian, pihak pemohon dinasihatkan untuk berbincang bersama bagi mendapatkan persetujuan, semua RIBI di kawasan tersebut terlebih dahulu. Sebarang persetujuan bertulis diperolehi hendaklah dikemukakan kepada PDC. Sila...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Ariff Shah bin Haji Omar Shah):

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, sebelum kita sambung itu, ialah pertama ialah Pertubuhan Yeelan adalah satu pertubuhan yang sah. Nombor pendaftarannya No. 52. Yang kedua, semalam

ahli dari Bagan Jermal kata kita tak ada buat surat kepada PDC dan sebagainya, tebal dah. Dan Yang Amat Berhormat pun dah jawab PDC telah pun memberikan ulasan-ulasan seterusnya tapi yang menyedihkan ialah kadang-kadang Yang Amat Berhormat ni bijak, bijak jugak, tapi kadang-kadang terlupa. Manusia kan? Yang saya minta dalam soalan saya ialah oleh kerana tanah ini mempunyai masalah sebab dibantah oleh berbagai-bagai pihak termasuk kilang dan sebagainya. Yang saya minta adalah sekeping bidang tanah yang jauh, yang tidak berdekatan dengan kilang atau berdekatan dengan RIBI atau pun sebagainya. Itu saja yang saya kata.

(perkataan cina)..sama-sama cina tolong cina. Itu je saya minta. Tepi saja. Ini bukan untuk pembakaran, dia Cuma, *funeral parlour*, dia nak transit saja, transit, lepas upacara sembahyang, dia orang pun angkat. Sikit saja. 10 ribu kaki persegi ke, minta tolonglah. Tolonglah Seberang Jaya sama. Kalau nak buat lawatan, bagitau. MPPP ke, PDC ke, saya bawa pergi tengok tempat. Tempat lain sikit, ada feng shui bagus punya. Saya tau pasal feng shui sikit.

YAB. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat Seberang Jaya, tapi saya kurang bersetuju dengan pandangan beliau. Bahawa dia cakap orang cina mesti bantu orang cina. ...(bahasa Cina). Saya kurang bersetuju kerana saya rasa sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang, saya mesti bantu semua warga Pulau Pinang. Tak kira bangsa..... (gangguan). Sama ada warga Pulau Pinang Cina, Melayu, India atau apa-apa bangsa tidak penting, yang penting ialah kita mesti bantu kalau mereka layak menerima bantuan berikut.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Nak tanya pendek saja, pendek saja.

YAB. Ketua Menteri:

Nanti, nanti sila duduk. Sila duduk. Sila duduk. Tapi tentang permintaan Yang Berhormat, saya pun tak faham mengapa selama 4 (empat) tahun sejak 2004 ini, Yang Berhormat tak boleh dapat

sebidang tanah daripada kerajaan, kerajaan sendirilah. Sekarang pula meminta daripada kerajaan baru. Kerajaan sendiri tak boleh minta, kerajaan baru minta. Ini kita akan kaji dan usahakan dan juga akan berbincang dengan Yang Berhormat. Baik.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Dan itulah tadi, boleh ya? Pendek saja, sebab itu tadi saya Cuma, pasal pangkat tinggi, saya cuma wakil rakyat biasa saja. Saya saja kata ...(perkataan cina), Cina bantu cina, saya nak tunggu

jawapan bahawa YAB. Ketua Menteri dah jawab dah. Baguslah, kena tolong semua bangsa. ...(gangguan). Ayat tu saya nak simpan untuk benda-benda lain akan datang....(gangguan). Terima kasih.

YAB. Ketua Menteri:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Seberang Jaya. Saya harap Yang Berhormat jangan hanya sebut di Dewan ini, ini saya jawapan boleh disebarkan luas bahawa itulah jawapan Ketua Menteri Pulau Pinang.

Yang Berhormat, ADUN Pulau Tikus, Sungai Bakap dan Telok Bahang telah membangkitkan mengenai penambahbaikan sistem aliran kerja di peringkat Kerajaan Negeri perlu dilakukan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam menghasilkan kerja yang sistematik dan berkualiti. Kejujuran dan keikhlasan pegawai dalam melaksanakan apa jua program, projek-projek dan bukan untuk faedah diri sendiri, parti atau kumpulan dan tuduhan rasuah dan salah guna kuasa di kalangan kakitangan kerajaan. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk mencapai sistem perkhidmatan yang cekap, bertanggungjawab dan telus. Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan di Peringkat Negeri dan daerah telah ditubuhkan bagi meningkatkan kecekapan, ketelusan, Integriti dan akauntabiliti dalam pentadbiran Kerajaan Negeri. Melalui jawatankuasa ini, undang-undang dan peraturan serta proses sistem aliran kerja dikaji dari semasa ke semasa untuk mengatasi kelemahan pengurusan. Sistem dan prosedur kerja juga telah dikaji, diubah, dan dipinda bagi meningkatkan kecekapan, keberkesanan,

ketelusan serta akauntabiliti dalam perkhidmatan di samping pencegahan rasuah, salah guna dan penyelewengan.

Selain itu, Pelan Operasi Latihan Negeri telah disediakan bagi mempertingkatkan tahap pengetahuan, kemahiran dan pembinaan sikap kerja yang positif di kalangan pegawai Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir pegawai awam yang mungkin melakukan yang tak betul, baik rasuah atau pun penyalahgunaan kuasa, dan kerajaan pasti akan mengambil tindakan tegas ke atas pegawai tersebut. Tetapi janganlah kerana sekerat dua atau satu dua pegawai ini, kesemua perkhidmatan awam dicap atau dilabelkan sebagai rasuah atau penyalahgunaan kuasa.

Sebagai kerajaan, kita tidak akan memaafkan mereka yang bersalah, tapi kita akan mempertahankan, mempertahankan tugas dan tanggungjawab yang dijalankan oleh semua Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Mana-mana yang betul kita akan terus pertahankan, kerana kebenaran tak mengira mana kerajaan. Baik Pusat mahupun Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri dari masa ke semasa cuba untuk mempertingkatkan kecekapan, akauntabiliti dan ketelusan Pentadbiran Awam Negeri dengan mengkaji sistem dan prosedur kerja bagi meminimakan peluang dan ruang melakukan rasuah serta salahguna kuasa. Pegawai Kerajaan adalah bersifat *neutral* dan (dengan izin), *serve the government of the day* sebagai usaha untuk menjadikan Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang yang berkesan, berintegriti, efisien, responsif dan peka dengan kehendak semasa pada *stake holders* ...(dengan izin) kod etika sebagai landasan kepada semua anggota Perkhidmatan Awam untuk mengamalkan secara berterusan nilai murni seperti kebenaran, amanah, bijaksana, telus, adil, dan bersyukur dan aspek ini saya ingin ucapkan terima kasih kepada Kakitangan Kerajaan Negeri yang telah berusaha menyesuaikan diri dengan Prinsip Urus Tadbir CAT kerajaan baru. Khususnya Yang Berhormat Dato' SUK, Dato' Pegawai Kewangan Negeri yang telah bersungguh-sungguh dalam usaha ini. Tempoh peralihan ini bukanlah perkara yang senang tetapi saya percaya dengan keikhlasan, komitmen mereka sama dengan Pegawai Kerajaan Negeri, kita dapat mencapai matlamat yang sama. Iaitu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan menjadikan perkhidmatan Negeri Pulau Pinang yang paling

cemerlang dan paling bersih di Malaysia....(gangguan). Sungguhpun peribaha melayu menyebutkan nila setitik rosak susu sebelanga. Saya percaya sekerat dua pegawai yang terpesong tidak akan menjejaskan keyakinan Kerajaan Negeri baru terhadap kewibawaan dan keupayaan Pegawai Kerajaan Negeri sekalian. Silakan... (gangguan)

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya mendengar dengan cukup teliti tadi. Yang Berhormat menyampaikan ucapan terima kasih kepada Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri. Apakah Pegawai-Pegawai Kerajaan daripada Persekutuan tidak membantu dalam ini? Kalau begitu, berertinya,

sumbangan daripada *federal officers* tidak ada ertinya kepada Kerajaan Negeri. Sama ada yang di sana, yang di belakang ini, kalaulah mereka tidak mengambil sebarang langkah atau tidak terima *order*, tidak peduli dengar telinga kanan keluar telinga kiri, ambil arahan campak dalam bakul sampah. Apa yang Kerajaan Negeri nak buat?... (gangguan).

YAB. Ketua Menteri:

Duduk, duduk.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Nantilah saya tak habis lagi...(gangguan).

YAB. Ketua Menteri:

Duduk, duduk, ini ruang saya, sila duduk.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tadi saya minta laluan.

YAB. Ketua Menteri:

Saya boleh sekat itu laluan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

You buatlah apa pun. Sila.

YAB. Ketua Menteri:

Kerana saya rasa, saya singkatkan, kerana saya belum habiskan ucapan lagi. saya berikan peluang(gangguan) tak sabar-sabar ini...iaitu sebab biarkan saya habiskan ucapan saya. Tadi saya ungkakan berkaitan Kerajaan Negeri, saya pula sekarang nak pergi kepada Kerajaan Persekutuan. Langkah selangkah lah, tolong sikit. Janganlah begitu tak sabar. Saya lebih muda daripada Yang Berhormat, saya lagi sabar.....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Dulu saya lebih agresif lagi. kali ini saya sabar. Semua tanyalah dia orang.

YAB. Ketua Menteri:

Demi memuaskan itu Yang Berhormat, dalam aspek ini juga, saya juga tentulah mengucapkan tahniah kepada Pegawai Persekutuan khususnya pihak polis. Pihak polis dalam aspek ini, bersedia berkerjasama dan kita tidak boleh nafikan sungguh pun anggota polis di bawah Kerajaan Persekutuan tapi mereka pun mahu melaksanakan tugas dengan baik demi ketenteraman awam. Dan aspek anggota tentera pun, kalau Yang Berhormat Kawasan Penaga ada memerhatikan penganugerahan pingat kepada anggota tentera tidak kurang sebaliknya lebih berbanding dengan tahun lepas. Dan bila saya sebut tentang Pegawai-Pegawai Kanan, saya pun tak boleh lepaskan Yang Berhormat Pegawai Nasihat Undang-undang daripada Kerajaan Persekutuan yang telah terpaksa bersusah payah kerana beberapa kes penyelewengan tanah yang berlaku di bawah kerajaan lama. Tiap-tiap kali kena pergi mahkamah, susah betul.

Dalam menjalankan tugas murni ini, kami akan melakukan kesilapan tetapi ini hanya mencerminkan kelemahan kita sebagai insan tidak sempurna yang dicipta oleh tuhan. Perbezaannya dengan sekarang dengan yang dulu adalah kami bersedia mengakui kesilapan dan membetulkannya. Yang penting ialah kami melakukan kesilapan bukan atas sikap bejat atau nafsu tetapi atas usaha

melaksanakan perubahan yang boleh membawa perbezaan positif dan meningkatkan mutu kehidupan rakyat. Dalam pentadbiran kerajaan, kami akan berpandukan pemerintah gemilang dalam zaman sejarah Islam seperti Khalifah Umar Abdul Aziz, Perdana Menteri ...(bahasa Cina), dan Maharaja Empayar Roma seperti Marcus Aurelius serta Model Moden seperti Nelson Mandela dan Mahatma Ghandi. Apabila saya ingin mengenali Hikmar Umar Abdul Aziz, saya pernah dimarah "kurang ajar" oleh Ahli Parlimen UMNO tetapi apakah salahnya sekiranya seorang bukan islam hendak belajar teladan baik pemimpin Islam. Atau pun seorang Islam, hendak mencontohi amalan baik pemimpin bukan islam, bukan kita harus saling belajar daripada sama sendiri?

Dalam aspek ini seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Pantai Jerejak, kita harus ada satu (1) minda baru. Janganlah hanya sebuah parti politik seperti UMNO untuk orang melayu, MCA untuk orang cina, MIC untuk orang india, Parti GERAKAN saya tidak tahu untuk siapa? ...(ketawa). Sudah sampai masanya kita lepaskan diri daripada cengkaman ekstrimis perkauman. Cengkaman ekstrimis perkauman, agama dan fahaman politik. Sudah tiba masanya kita juga bebaskan diri dari belunggu rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penafian hak rakyat. Marilah kita mengorak langkah baru dengan lonjakan paradigma bahawa kerajaan bukanlah penindas rakyat seperti yang dinyatakan oleh *Confucius*(bahasa cina)..., iaitu sebuah kerajaan yang zalim lebih menakutkan daripada seekor harimau yang ganas. Tetapi, kita bentuklah sebuah kerajaan yang bukan penindas tetapi pembantu, pembela dan penyayang rakyat. Marilah kita melengkapkan diri dengan pengetahuan agar boleh memilih yang terbaik agar dapat mendaki puncak keunggulan. Marilah kita mengenali diri sebagai warganegara Malaysia terdahulu lebih daripada suku kaum Melayu, Cina, India, Kadazan atau Iban. Bukannya seperti sistem Barisan Nasional di mana orang Melayu hanya bantu orang Melayu di UMNO. Orang Cina bantu Cina di MCA dan sebagainya. Tetapi, sistem politik berwajah baru di mana orang Melayu bantu orang India, orang Cina bantu orang Melayu di antara satu sama lain di bawah naungan Pakatan Rakyat. Sama seperti UNESCO mengiktiraf George Town sebagai Tapak Warisan Dunia. Kita mahu raikan dan banggakan warga Pulau Pinang bukan kerana agama, bukan kerana jantung, bukan kerana kaumnya tetapi kesungguhan ketabahan, etika, nilai dan amalan hidup yang

bertakwa dan berprestasi yang cemerlang. YB. Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Shabudin bin Yahaya):

Nanti dulu, nanti dulu. Pohon penjelasan lagi.

YB. Tuan Speaker:

Dah habis.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Shabudin bin Yahaya):

Apa lah tak berani. Ketua Menteri saja tapi takut.

YB. Tuan Speaker:

Bertenang, bertenang. Habis dah. Seterusnya penggulungan oleh YB. Berapit.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Puan Ong Kok Fooi):

Boleh saya bercakap sekarang. YB. Tuan Speaker, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih oleh ucapan Tuan Yang Terutama. Tuan Yang Terutama telah menyentuh tentang betapa kritikalnya golongan belia sebagai golongan pelapis yang akan menyumbang kepada pembangunan Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Pulau Pinang sememangnya bersetuju dengan Tuan Yang Terutama dalam perkara ini dan kami amat menitikberatkan para belia bukan sahaja sebagai golongan pelapis tetapi pada hari ini merupakan sumber manusia yang amat penting bagi pembangunan negeri dan negara. Malah satu angka yang amat besar iaitu lebih kurang 41.5% daripada jumlah penduduk Malaysia terdiri daripada golongan belia. Justeru, walau pun Kerajaan Negeri baru yang memerintah tidak lebih dari lima bulan ini, saya selaku EXCO Belia dan Sukan Kerajaan Negeri telah pun mengorak berbagai usaha

untuk membentuk masyarakat belia yang dinamik dan progresif melalui pembangunan insan yang menyeluruh.

Setelah diberi kepercayaan oleh rakyat dan seterusnya dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Negeri yang baru ini, sebagai Pengerusi MMK Belia dan Sukan saya telah mengulangi berkali-kali prinsip saya dalam isu berkaitan belia dan sukan iaitu kepentingan dan pembangunan belia dan sukan tidak patut dicampur adukkan dengan politik. ...(dengan izin), YB. Tuan Speaker *development of youth and sport should be above politics*. Saya sendiri telah beberapa kali telah menemui YB. Menteri Belia dan Sukan iaitu YB. Dato' Ismail Sabrey bagi kesungguhan Kerajaan Negeri untuk berganding bahu dengan Kementerian Belia dan Sukan serta Kerajaan Persekutuan bagi pembangunan belia dan sukan di Negeri Pulau Pinang.

YB. Tuan Speaker, dalam hal-hal berkaitan belia, Kerajaan Negeri telah bekerjasama rapat dengan Majlis Belia Negeri Pulau Pinang iaitu MBNPP serta badan-badan golongan di bawah MBNPP dalam usaha Kerajaan Negeri mendekati golongan belia untuk maklum kepada Dewan Yang Mulia ini mengikut rekod MBNPP terdapat 282 persatuan belia di seluruh Negeri Pulau Pinang yang berdaftar. Dalam jumlah tersebut terdapat 200 persatuan yang aktif manakala 82 persatuan lagi yang dianggap tidak aktif. Sebagai menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri terhadap pembangunan belia dan penghargaan kepada sumbangan MBNPP dalam perkara ini, Kerajaan Negeri telah melantik salah seorang daripada bekas presiden MBNPP sebagai Ahli Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan Negeri. Dengan ini saya percaya MBNPP akan memainkan peranan yang lebih aktif dalam proses perancangan dasar-dasar yang berkait dengan belia di Pulau Pinang. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan juga telah menganjurkan Karnival Belia Pulau Pinang baru-baru ini sempena dengan Hari Belia Peringkat Negeri. Selain meraikan para belia Pulau Pinang, karnival tersebut bertujuan untuk mewujudkan kesedaran orang ramai terhadap aktiviti belia masa kini khususnya melalui pertubuhan-pertubuhan belia negeri dan aktiviti-aktiviti riadah sihat seperti muzik, tarian dan kesenian. Selaras dengan objektif-objektif tersebut kerajaan negeri dengan kerjasama MBNPP telah menganjurkan karnival Hari Belia Pulau Pinang iaitu pada 22 Jun 2008 yang lalu bertempat di *Auto City*, Juru. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi penjelasan kepada Dewan yang

mulia ini terutamanya kepada YB. Permatang Berangan tentang isu-isu yang dibangkitkan oleh beliau berkaitan dengan karnival tersebut.

Pertama sekali beliau telah mendakwa bahawa Kerajaan Negeri telah membenarkan penjualan arak secara terbuka. Saya melalui kenyataan media pada 24 Jun 2008 telah menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri tidak pernah memberi sebarang kebenaran kepada sesiapa pun untuk menjual makanan atau pun minuman. Jadi bukan setakat tidak boleh jual *shandy*, malah apa-apa minuman seperti air bandung atau air sirap pun tidak boleh dijual di sana.

Kedua, penjualan minuman *shandy* telah dilakukan oleh penaja lokasi iaitu pihak *Auto City* tanpa pengetahuan pihak saya. Mereka sebagai tuan punya lokasi tidak pernah mendapat sebarang kebenaran daripada Kerajaan Negeri untuk jualan *shandy* tersebut. *Auto City* pada 24 Jun 2008 yang lalu, juga telah menghantar surat ke pejabat saya untuk merakamkan rasa kesal tentang kejadian itu. Sungguh pun bukan kesalahan di pihak saya, saya bersedia bertanggungjawab dan merakamkan rasa kesal saya tentang apa-apa insiden yang dianggap tidak elok yang telah berlaku dan memberi jaminan ia tidak akan berulang lagi.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Pohon penjelasan sedikit. Walau pun YB. Berapit memaklumkan bahawa penjualan arak itu adalah dibuat oleh pihak lain tetapi berdasarkan kepada fakta kalau kita melihat penjualan arak berlaku betul-betul didepan pentas *utama Penang Youth Day Carnival 2008*. Jadi kalau kita merujuk prinsip CAT yang disebutkan oleh YAB. Ketua Menteri sebentar tadi, seolah-olah menampakkan bahawa Kerajaan Negeri begitu bertanggungjawab tetapi dalam kes yang sebesar ini penganjuran satu program yang tidak sebesar mana itu pun sudah tidak menunjukkan kompetensi, keupayaan pihak Kerajaan Negeri untuk mengawal majlis tersebut. Kita terima pengakuan kesal dan rasa bersalah itu kita terima dan saya harap perkara ini dapat dimaklumkan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang

bahawa Kerajaan Negeri kesal dengan apa yang berlaku. Kita terima dan kita tidak akan mempertikaikan lebih daripada itu tetapi yang saya nak sebutkan di sini ialah keupayaan dan akauntabiliti dan saya amat mengharapkan pada masa akan datang Kerajaan Negeri lebih berkeupayaan khususnya mengawal. Ini kita nak mengawal satu premis jual arak pun kita tidak mampu, dalam majlis yang kita sendiri buat atas nama Kerajaan Negeri. Jadi saya kurang yakin kemampuan untuk mengawal isu-isu lain dimasa hadapan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Puan Ong Kok Fooi):

Terima kasih YB. Permatang Berangan. Saya orang baru, EXCO baru. Perkara ini terjadi saya dapat tahu di waktu malam sebab baru diberitahu oleh kawan-kawan sebab kita mula dari

tengahari hingga pukul 11 malam. Semua dok sibuk. So kejadian ini tidak dalam pengetahuan kita. Tuan punya lokasi itu yang buat keputusan untuk menjual shandy itu tetapi saya ingin mengucapkan *explain* yang lebih teliti ...(dengan izin). Ini surat dari *Auto City* yang menulis kepada saya yang dia pun tidak terfikir tentang *shandy* itu menjadi isu yang besar di hari karnival itu.

Karnival telah dikunjungi oleh lebih kurang 10,000 pelawat dan sebanyak 18 pertubuhan belia negeri yang sebahagian besar terdiri dari gabungan di bawah MBNPP telah mengambil bahagian dalam pameran belia pada hari tersebut. Antara atur cara karnival termasuk pameran pertubuhan belia, persembahan kesenian, permainan sukan lasak ...(dengan izin), YB. Tuan Speaker *All Train Rides*, *ATV*, *Flying Fox* dan permainan pin ball. Selain persembahan tarian tradisional seperti dikir barat, 24 gendang Cina dan tarian India, belia-belia tempatan juga telah mempamerkan bakat-bakat mereka dalam acara seperti *quick dance* dan persembahan kugiran. Semua ini adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti belia yang sihat dan berfaedah bagi pembangunan belia yang *holistic*. Selepas seminggu karnival diadakan YB. Menteri dan Sukan telah mengeluarkan kenyataan akhbar bahawa penari-penari *breakdance* ...(dengan izin), tidak patut dianggap sebagai gejala yang buruk semata-mata mereka berminat aktiviti di luar budaya kita. Saya mengalu-alukan kenyataan beliau tersebut dan berharap Kementerian Belia dan Sukan akan lebih progresif di bawah pimpinan YB. Dato' Menteri. Untuk

pengetahuan Dewan yang mulia ini juga perbelanjaan untuk menjalankan karnival yang besar ini adalah hanya 50% daripada bajet yang telah diluluskan Kerajaan Negeri yang lepas.

Satu lagi program yang telah dijalankan oleh pejabat EXCO Belia dan Sukan Negeri ialah program belia malam minggu di KOMTAR. Program tersebut telah dilancarkan pada 21 Jun 2008 yang bertujuan untuk memberikan ruang untuk para belia untuk menjalankan aktiviti-aktiviti komuniti, sosial dan ekonomi. Kekurangan peluang dan ruang beriadah dan sosial secara sihat terutamanya pada malam minggu menjadi salah satu pendorong kepada kunjungan ke tempat seperti disko dan pub.

Sebagai salah satu usaha Kerajaan Negeri untuk mengujudkan aktiviti riadah yang positif kepada para belia secara khususnya dan masyarakat secara amnya. Tempat pejalan kaki KOMTAR atau pun pedestrian mall di hadapan Jalan Lim Chew Liau telah dijadikan tapak untuk aktiviti-aktiviti malam minggu yang sihat. Antara aktiviti-aktiviti yang dirancang termasuklah belajar kesenian dan kebudayaan dan makanan tempatan. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga akan memberi pentas kepada penyanyi dan kugiran-kugiran tempatan untuk menonjolkan bakat-bakat mereka kepada orang ramai. Aktiviti-aktiviti seperti permainan catur, permainan tradisional seperti congkok, guli dan sebagainya akan dipromosikan semasa program malam minggu ini. Daripada maklumbalas yang diterima selepas pelancaran program pada 21 Jun yang lepas, didapati bukan sahaja golongan belia yang mengunjungi tapak program pada malam minggu tetapi juga golongan warga emas dan seisi keluarga.

Justeru, setelah dikaji semula kami telah membuat sedikit rombakan dan menamakan program ini sebagai Malam Belia dan Komuniti di KOMTAR. Tujuannya yang sama iaitu untuk menyediakan ruang bagi aktiviti yang sihat dan positif khususnya kepada para belia dan amnya kepada seluruh lapisan masyarakat. Program Malam Belia dan Komuniti di KOMTAR ini akan dijalankan pada Sabtu yang ketiga setiap bulan. Kali terakhir ialah pada 26 Julai 2008 iaitu sabtu yang baru lepas tetapi pada bulan Ramadhan kita akan berhenti.

YB. Tuan Speaker, selain daripada dua projek yang disebut di atas yang telah dijalankan sehingga kini, Kerajaan Negeri juga sedang membuat perancangan untuk program sehingga akhir tahun ini. Ini termasuklah Kempen Belia Anti-Jenayah yang akan dijalankan pada bulan Ogos nanti, sempena bulan kemerdekaan. Kempen ini bertujuan mewujudkan kesedaran terutamanya di kalangan para belia tentang tanggungjawab mereka sebagai generasi pelapis dalam usaha memerangi jenayah bagi membentuk masyarakat yang aman dan progresif. Antara aktiviti yang sedang dirancang di bawah kempen ini, termasuklah ...(dengan izin), *road show* dengan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta pertubuhan belia setempat. Pameran yang bertujuan memberi informasi kepada orang ramai tentang isu-isu berkaitan dengan aktiviti memerangi

jenayah oleh pihak PDRM dan juga dialog belia bersama dengan PDRM. Kerajaan Negeri juga sedang mempertimbangkan usul untuk melantik Duta Belia Anti-Jenayah daripada kalangan belia yang telah menonjolkan prestasi yang cemerlang di dalam bidang yang diceburi dan boleh dijadikan contoh serta inspirasi kepada belia yang lain.

Ucapan Tuan Yang Terutama juga ada menyentuh tentang latihan semula yang berterusan kepada para belia terutamanya mereka yang tidak dapat meneruskan persekolahan. Dalam hal ini Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai pelbagai rancangan latihan semula yang berterusan dalam bidang seperti teknologi maklumat dan komunikasi, perniagaan dan keusahawan dan program latihan kemahiran teknikal. Semua ini bertujuan untuk melengkapkan para belia Pulau Pinang dengan kepimpinan, pengetahuan dan kemahiran untuk menghadapi cabaran industri mahu pun cabaran yang semakin sengit dalam zaman globalisasi ini.

Dalam hal ini, Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan akan bekerjasama rapat dengan Jawatankuasa MMK Pendidikan dan Sumber Manusia yang dipengerusikan oleh YB. Timbalan Ketua Menteri II untuk memastikan latihan dan kursus yang dianjurkan adalah berkualiti dan tepat kepada keperluan semasa. Dalam bidang sukan pula, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memberi fokus kepada dua jurusan sukan iaitu sukan untuk semua dan sukan prestasi tinggi. Dalam kedua-dua jurusan, Kerajaan Negeri Pulau

Pinang berfungsi melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) yang merupakan badan yang memajukan semua kepentingan sukan dan menjalankan tugas pembangunan sukan bagi Pulau Pinang. Dalam jurusan sukan untuk semua, tumpuan diberikan untuk mewujudkan masyarakat bersukan yang sihat. Justeru, jawatankuasa MMK Belia dan Sukan akan bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi mewujudkan rancangan-rancangan untuk menggalakkan masyarakat Pulau Pinang melibatkan diri dalam aktiviti bersukan.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga akan mempromosikan sukan-sukan yang mencabar seperti sukan *extreme* ...(dengan izin), YB. Tuan Speaker, dan menjadikan Taman Perbandaran sebagai tapak sukan-sukan *extreme*. Menggalakkan sukan-sukan yang baru seperti pin ball, menggalakkan tarian *lane dancing* ...(dengan izin),

yang semakin popular yang terutamanya di kalangan wanita serta tarian *street dancing* ...(dengan izin) yang popular di kalangan remaja dan belia. Pada bulan Ogos sehingga Disember 2008, Kerajaan Negeri dengan kerjasama kumpulan-kumpulan tarian tempatan akan mengadakan suatu kempen promosi tarian *street dance* di seluruh Pulau Pinang dengan kemuncaknya ialah pertandingan *street dance* Pulau Pinang dan Jombori tarian pada bulan Disember nanti. Seperti kenyataan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan Malaysia yang saya telah sebutkan tadi, belia-belie yang berkecimpung dalam seni tarian moden ini bukan golongan yang jahat. Tambahan pula tarian ini merupakan satu aktiviti senaman yang baik serta dapat menarik ramai minat pemuda-pemudi kerana kerancakan pergerakannya. Justeru, Kerajaan Negeri merancang untuk mengadakan kempen tarian tersebut bagi menggalakkan lebih ramai lagi orang untuk mengambil bahagian dalam aktiviti riadah yang sihat dan berfaedah ini. Pada bulan November 2008 pula, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan persatuan *sportive* lain dan Pulau Pinang untuk menganjurkan karnival antarabangsa lain dan Pulau Pinang. Karnival ini dijangka melibatkan kira-kira 3000 penari lain *dance* daripada seluruh Malaysia dan juga luar negara. Mereka akan berkumpul di Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) untuk bertanding di samping melakukan aktiviti mengumpul derma bagi kerja-kerja kebajikan. Semua ini adalah antara inisiatif daripada Kerajaan Negeri dengan pertubuhan-pertubuhan sukan dan rekreasi negeri untuk

memperbanyakkan dan mempromosikan aktiviti-aktiviti senaman dan bersukan kepada masyarakat di Pulau Pinang.

YB. Tuan Speaker, dalam masa yang terdekat Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan Negeri akan menerbitkan satu jadual program sebagai panduan kepada penduduk Pulau Pinang tentang aktiviti minggu, aktiviti bulanan dan aktiviti-aktiviti tahunan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri pada sepanjang tahun supaya orang awam tahu akan segala program yang bermanfaat ini dan boleh merancang penglibatan mereka.

Akhir sekali, Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan Negeri juga dalam proses menubuhkan satu tabung amanah Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang. Tabung ini bertujuan untuk menerima dana dan sumbangan daripada Kerajaan Negeri mahu pun Kerajaan Persekutuan jika ada serta sektor swasta dan orang perseorangan

yang ingin menyumbang secara kewangan ke arah pembangunan Belia dan Sukan Pulau Pinang. Tabung ini bukan sahaja akan mengurangkan beban kewangan Kerajaan Negeri tetapi ianya memberi peluang terutamanya kepada sektor swasta untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri sebagai perkhidmatan mereka kepada masyarakat di Pulau Pinang. Buat masa ini, perancangan tabung amanah sedang dikaji oleh Unit Perancangan Ekonomi Negeri dan juga Pejabat Kewangan Negeri. Berkenaan dengan cadangan-cadangan oleh YB. Seberang Jaya pada hari Khamis yang lepas, saya ucapkan terima kasih banyak-banyak.

Kerajaan Negeri sememangnya telah merancang pelbagai aktiviti sukan dengan pelbagai agensi dan jabatan kerajaan termasuklah sukan-sukan seperti sukan-sukan *extreme* dan *pin ball*(dengan izin). Tumpuan tidak seharusnya diberikan kepada sukan bola sepak sahaja semata-mata, semua sukan akan diberi tumpuan dari semasa ke semasa. Bagi cadangan 1000 tiang futsal pula, Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan yang diberikan oleh YB. Seberang Jaya itu. Namun, pemberian peruntukan itu untuk memenuhi keperluan ini perlu dikaji dari segi kos dan impaknya kepada masyarakat. Perkara ini akan diperhalusi dengan lebih mendalam agar wang rakyat digunakan sebaik-baiknya. Berkenaan dengan sukan antara KADUN, Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan Negeri memang mempunyai perancangan untuk mengadakan sukan

bukan di peringkat KADUN tetapi di peringkat daerah. Perkara ini masih dalam peringkat perbincangan. Oleh itu, saya bolehlah mempertimbangkan cadangan YB. Seberang Jaya.

Akhir sekali, dari YB. Seberang Jaya juga tentang tempat riadah warga emas. Kerajaan Negeri sentiasa peka dengan keperluan warga emas untuk mengamalkan cara hidup yang sihat seperti yang telah saya nyatakan di atas malah belia dan komuniti di KOMTAR merupakan salah satu daripada inisiatif Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Puan Ong Kok Fooi):

Ya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Puan Ong Kok Fooi):

Okay.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Terima kasihlah, apa yang saya minta itu semua dipertimbangkan tidak tahulah yang mana yang akan diberikan yang mana yang akan diluluskan tetapi ada disebut tentang selain daripada bola sepak, juga disentuh tentang *extreme game* dan sebagainya. Jadi, ada sebidang tanah di sebelah Taman Tunku, memang dulu dirancang hendak buat *extreme games* di situ. Jadi, saya rasa kalau boleh dipercepatkan berbincang dengan PDC, tanah itu daripada dibiarkan kosong begitu saja, eloklah dijadikan

pusat untuk *extreme game* disitu. Berbagai-bagai kegiatan juga boleh dilakukan termasuklah sungai tersebut boleh diadakan sedikit *canoeing centre* dan sebagainya. Dulu pernah ada rancangan sedemikian.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Puan Ong Kok Fooi):

Terima kasih YB. Seberang Jaya. Lagi sekali, *input thank you.*

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Kalau belum cakap lagi, saya sambung lagilah.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Puan Ong Kok Fooi):

Jangan lagi, biar saya cakap habis.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Tadi, saya cerita itu ada tersebut sedikit pasal keceriaan untuk belia-belia itu pergi seronok-seronok di tepi manakah. Karaoke adakah sebahagian daripada komponen untuk beliakah?

Ahli Kawasan Berapit (YB. Puan Ong Kok Fooi):

Kita akan rancang untuk warga emas.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Warga emas dia tidak berapa minat karaoke mereka minat pergi dangdut dan sebagainya.....(gangguan). Jadi untuk belia-belia ini tadi kan?

Ahli Kawasan Berapit (YB. Puan Ong Kok Fooi):

Boleh dipertimbangkan sebab malam Sabtu yang kita rai UNESCO di Padang Kota yang lama itu, saya tengok itu. *I mean* nyanyian lama-lama... (gangguan). Kita akan mempertimbangkannya. Cadangan Yang Berhormat untuk memperuntukkan sebanyak RM500.00 sehingga RM1000 perlu dikaji

dengan teliti kerana perkara ini melibatkan wang rakyat dan tidak boleh dilaksanakan dengan sewenang-wenangnya. Kita perlu meneliti cadangan seperti ini agar mendatangkan impak maksimum kepada penduduk Pulau Pinang. Bagi sukan prestasi tinggi pula, Pulau Pinang telah pulang daripada sukan Malaysia iaitu SUKMA Ke-12 di Terengganu Darul Iman pada bulan Jun yang lepas. Kali ini kontinjen Pulau Pinang hanya berjaya meraih 27 pingat emas, 31 perak, 47 gangsa. Kalau berbanding 36 pingat emas, 40 perak dan 52 gangsa pada SUKMA Ke-11 di Kedah dan menduduki tempat kelapan berbanding tempat ketiga di Kedah. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah membuat analisa *post mortem* dan perancangan masa depan, sebaik sahaja pulang dari SUKMA Ke-12. Terdapat pelbagai faktor dalaman dan luaran yang menyebabkan kemerosotan prestasi kontinjen Pulau Pinang. Kali ini di antaranya ialah pernyataan atlet kebangsaan yang berlatih sepenuh masa, sebanyak dua sesi sehari selama enam jam.

Manakala atlet Pulau Pinang hanya dapat berlatih sebanyak satu sesi sehari, selama dua sehingga tiga jam sehari. Saya pernah berjumpa Dato' Menteri mengenai hal ini sebab saya pernah menyuarakan suara saya yang saya fikir SUKMA ini ialah *platform*(dengan izin) untuk negara kita mencari gali atlet baru. Kalau adanya pernyataan atlet kebangsaan, dengan itu atlet yang baru tidak ada peluang untuk menonjolkan bakat mereka tetapi sedihnya, tadi pagi saya diberitahu oleh Pengarah MSN iaitu mereka sudah adakan mesyuarat tertinggi SUKMA di awal Julai ini tetapi tidak menjemput pengarah atau pun pengerusi MSN dari mana-mana lima buah negeri pakatan rakyat. Kita tidak dapat mesyuarat bersama mereka. Daripada analisis MSNPP, kontinjen Pulau Pinang dijangka berupaya memperolehi pingat emas dalam sekurang-kurangnya 20 acara yang mendapat pingat perak sekiranya tiada pernyataan pada atlet-atlet kebangsaan. Jika kesemua 20 pingat tambahan ini dapat diraih maka Pulau Pinang akan melepasi sasaran yang diletakkan iaitu 45 buah pingat emas. Walau bagaimanapun, tahniah dan terima kasih diucapkan kepada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan atlet-atlet serta persatuan-persatuan sukan negeri yang telah bekerja keras untuk meraih pingat untuk Pulau Pinang SUKMA Ke-12 ini. Perbelanjaan kontinjen Pulau Pinang dalam SUKMA kali ini adalah RM182,746.46 iaitu Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah menjimatkan sebanyak RM117,254 daripada peruntukan asal RM1.2 juta.

YB. Tuan Speaker, Negeri Melaka telah dipilih oleh jawatankuasa tertinggi SUKMA Ke-13 2010 sebagai tuan rumah. Jumlah sukan yang akan dipertandingkan telah diketahui dan Negeri Pulau Pinang akan membuat persediaan terhadap semua jenis termasuk sukan wajib iaitu 18 dan 7 sukan pilihan. Bagi menghadapi SUKMA Ke-13 di Melaka, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah bersiap sedia dari sekarang mengatur strategi bagi mengambil balik kegemilangan Pulau Pinang dalam SUKMA. Antara cadangan-cadangan yang telah digariskan termasuklah:-

- (i) Meningkatkan kualiti bidang kejurulatihan dari segi sains sukan selaras dengan kehendak Majlis Sukan Negara dan Institut Sains Sukan; Semua jurulatih yang dilantik oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dikehendaki memiliki Skim

Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan iaitu SPKK. Mestilah mempunyai sijil sains sukan tahap 1, 2 dan 3 di samping meningkatkan sijil spesifik sukan masing-masing.

- (ii) Meneliti semula dan menjalankan program latihan dan pembangunan atlet negeri seperti program atlet elit yang memberi tumpuan kepada atlet yang mempunyai potensi tinggi mencapai pingat dalam SUKMA ke-13. Program Skwad Latihan SUKMA ke-13 di mana atlet-atlet yang dipilih untuk mewakili Pulau Pinang ke SUKMA 13 akan dijemput untuk menyertai latihan bersama atlet elit. Program skuad berlepas di mana atlet-atlet yang berbakat akan diasah dan diletakkan di bawah perhatian untuk pemilihan ke program skuad latihan SUKMA dan juga projek Mutiara di mana atlet elit dan atlet terpilih daripada skuad latihan SUKMA akan menjalankan latihan sepenuh masa dengan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang.
- (iii) Penumpuan kepada sukan yang berpotensi dan menawarkan banyak pingat. Pulau Pinang mempunyai kekuatan dalam sukan tempur ...(dengan izin), *combat sport*, berbanding lain-lain sukan. Tetapi pada SUKMA ke-13 2010, pihak MSN akan memberi penumpuan sepenuhnya di dalam sukan yang menawarkan pingat yang banyak seperti sukan akuatik iaitu renang dan terjun yang menawarkan sebanyak 48 pingat

emas, olahraga sebanyak 45 pingat emas, menembak sebanyak 28 pingat emas dan memanah sebanyak 24 pingat emas. Kebanyakan ini merupakan sukan kemahiran, *skilled sport* di mana kemahiran adalah lebih utama dalam pertandingan berbanding kelebihan atau kekuatan fizikal. Penumpuan akan diberi kepada aspek ini semasa perancangan latihan atlet.

YB. Sungai Dua telah mendakwa bahawa EXCO Belia dan Sukan Pulau Pinang tidak turun padang semasa SUKMA ke-12. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa saya sebagai ketua kontinjen atau(dengan izin), *Chief de Mission* dan YB. Pulau Tikus sebagai Timbalan Ketua Kontingen serta YB. Timbalan Ketua Menteri I, YB. Sungai Pinang dan YB. Pengkalan Kota telah pun turun ke gelanggang pertandingan di SUKMA Keduabelas itu.

Saya juga telah mengambil kesempatan melawat atlet-atlet dalam latihan, meninjau tempat tinggal atlet, menghadiri mesyuarat ketua-ketua kontinjen pada 31 Mei yang lalu, mempengerusikan Mesyuarat Pengurus-pengurus Pasukan dan menyaksikan beberapa pertandingan yang disertai oleh atlet Pulau Pinang. Saya juga telah berpeluang menyarungkan pingat kepada atlet Pulau Pinang dalam acara karate dan ping-pong. Atlet Pulau Pinang berjaya meraih 5 pingat emas pada hari pertama melalui acara karate sahaja. Saya ingin menyarankan kepada YB. Sungai Dua supaya tidak melemparkan tuduhan yang tidak adil dan tidak berasas.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan. Yang saya katakan tidak turun ialah tidak pergi ke tempat-tempat latihan kontinjen-kontinjen ini, tempat latihan kontinjen ini tidak pernah dijengok anak buah kita berlatih. Saya kata kita kena bagi ransangan dan semangat kepada mereka, ini yang saya tekankan.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Puan Ong Kok Fooi):

YB. Sungai Dua, saya ada pergi tetapi YB. Sungai Dua ada di sanakah pada waktu itu?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya tidak berada di sana, tetapi ada di kalangan pemain dan atlet kita yang beritahu saya bahawa Yang Berhormat tidak pergi tengok mereka berlatih, ini yang dicerita kepada saya. Saya tidak pergilah kerana saya tidak mahu membazirkan duit saya.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Puan Ong Kok Fooi):

Saya di sini minta YB. Sungai Dua, kalau boleh, bertanyalah kepada pegawai-pegawai yang menolong kita semasa SUKMA di Terengganu ke mana saya dan ke mana saya tidak pergi, bolehkah?

Sebagai langkah untuk memantapkan lagi proses perancangan dan pelaksanaan pembangunan sukan di Pulau Pinang, saya selaku EXCO Belia dan Sukan Negeri juga telah melantik salah seorang daripada badan bukan kerajaan sebagai Ahli Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan Negeri. Beliau merupakan juri ke Sukan Olimpik dalam acara angkat berat sejak sukan Olimpik Athens pada tahun 2004.

Pelantikan beliau menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri untuk memajukan pelbagai bidang dengan mendapatkan perkhidmatan dan sokongan golongan teknokrat yang mahir. Menyentuh mengenai sukan bola sepak, Kerajaan Negeri tidak pernah mengengapikan pembangunan sukan bola sepak di dalam negeri. Sebagai contohnya, Kerajaan Negeri telah berusaha untuk memastikan kelancaran penganjur *Champion Youth Cup (CYC) 2008* ...(dengan izin), YB. Tuan Speaker. Persediaan dari segi penginapan, tempat latihan dan stadium telah dirancang dengan teliti melalui beberapa siri mesyuarat yang telah diadakan. Sebuah hotel tempatan juga telah bersetuju untuk menjadi salah satu penaja untuk menjayakan program ini.

Suka juga dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah berjaya mendapatkan beberapa lagi penajaan bagi menganjur *Champion Youth Cup 2008* ini. Pelbagai program seperti *roadshow*,

karnival bola sepak dan klinik bola sepak telah diatur sebagai acara sampingan. Kementerian Belia dan Sukan juga telah berjanji akan memperuntukkan sejumlah lebih kurang RM360,000.00 bagi membaikpulihkan bilik media, bilik persalinan dan padang stadium di Batu Kawan. Walaupun CYC merupakan projek Kerajaan Persekutuan, namun perancangan dan semangat atau pun *spirit* ... (dengan izin), di peringkat negeri adalah di tahap yang paling optimum. Semua ini merupakan usaha Kerajaan Negeri untuk menarik semula dan menaikkan semangat kepada sukan bola sepak di Negeri Pulau Pinang. Namun pembatalan penganjuran CYC kerana tidak mendapat sokongan FAM telah menjejaskan usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam memartabatkan sukan bola sepak di peringkat negeri.

YB. Tuan Speaker, eh, sudah tukar orang, sorry...(ketawa). Lagi perancangan jangka masa panjang, Kerajaan Negeri akan memastikan pembangunan belia dan sukan di negeri ini meliputi aspek pembangunan belia secara holistik, pemantapan pengurusan dan pembangunan sukan secara komprehensif, pembangunan latihan dan kemahiran, pembentukan modal insan serta kerjasama dengan pertubuhan belia di seluruh negara bagi meningkatkan penglibatan belia di dalam pembangunan ekonomi dan sosial yang mampan di Pulau Pinang. Bagi merealisasikan perancangan tersebut, enam perkara telah digariskan sebagai landasan dalam mencapai matlamat yang ditetapkan. Perkara-perkara tersebut adalah:-

- (i) Memantau dan mengkaji semula keadaan dan kualiti belia dan sukan di Pulau Pinang dari semasa ke semasa;
- (ii) Menyediakan medium untuk perbincangan dan pertimbangan pelbagai isu yang berkaitan dengan masa hadapan belia dan sukan di Pulau Pinang;
- (iii) Menyampaikan pelbagai pertimbangan yang berkaitan isu belia dan sukan kepada Kerajaan Negeri untuk dijadikan asas pembentukan dan pelaksanaan strategi bagi belia dan sukan;

- (iv) Mengenalpasti bidang belia dan sukan yang memerlukan intervensi Kerajaan Negeri;
- (v) Memaklumkan kepada Kerajaan Negeri mengenai cadangan, idea dan garis panduan untuk pembangunan institusi program dan projek belia dan sukan.
- (vi) Mencadangkan tindakan program dan *projects specified* untuk dilaksanakan dalam bidang belia dan sukan.

Selain daripada EXCO Belia dan Sukan, saya juga dilantik sebagai EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti. Selepas saya mengambil alih jawatankuasa ini pada 13 Mac 2008 yang lalu, Pengarah Pejabat Pembangunan Wanita dan 2 orang Penolong Pengarahnya telah bertemu dengan saya pada 27 Mac 2008 di pejabat saya di KOMTAR untuk memberi taklimat kepada saya. Tetapi malangnya pada 1 April yang lalu, saya telah dimaklumkan oleh Penolong Pengarah melalui Pembantu Khas saya agar saya, EXCO yang baru ini pandai-pandai belajar dengan Kerajaan Negeri Kelantan. Pejabat Pembangunan Wanita tidak akan memberi apa-apa bantuan bermula dengan hari itu. Oleh sebab itu pada 18 April saya telah mewujudkan Jawatankuasa MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti Negeri Pulau Pinang. Sehingga kini Pejabat Pembangunan Wanita atau pun Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti tidak menyalurkan sebarang peruntukan melalui Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membangunkan wanita, keluarga dan komuniti.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Puan Ong Kok Fooi):

Silakan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):

YB. Berapit, terima kasih. Sebenarnya sebelum ini pun Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga tidak pernah menyalurkan peruntukan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk sebarang program kerana semua aktiviti dan program dilaksanakan oleh mereka sendiri, melalui Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga yang telah ditubuhkan. Tidaklah ada sebarang diskriminasi atau perubahan dasar atau polisi sejak dahulu hingga sekarang. Ini adalah untuk makluman.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Puan Ong Kok Fooi):

Terima kasih, YB. Telok Ayer Tawar, *sorry*, YB. Telok Ayer Tawar, saya kena sebut kakak. Saya diberitahu oleh jabatan bahawa dahulu di Negeri Pulau Pinang hanya ada Jawatankuasa Pembangunan Wanita sebab semua acara atau program dijalankan oleh Jabatan Pembangunan Wanita tetapi pada hakikatnya kita tidak mendapat apa-apa peruntukan dari Jabatan Pembangunan Wanita. Di sini saya terpaksa menubuhkan Jawatankuasa MMK Pembangunan Wanita untuk melaksanakan program-program Negeri Pulau Pinang sendiri di mana baru-baru ini saya mendapat satu kad jemputan dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya begitu gembira kerana mendapat jemputan dari Yang Berhormat.

Dato' Dr. Ng Yen Yen, tetapi tadi sahaja, pihak Protokol, Encik Azizan telah memberitahu saya bahawa jemputan ini sudah dibatalkan, saya tidak dijemput untuk menghadiri program ini. Justeru itu saya ingin membuat rayuan terutamanya kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sana iaitu YB. Telok Ayer Tawar dan YB. Bertam untuk berganding bahu bersama-sama saya membela nasib dan mempertingkatkan lagi taraf wanita di Pulau Pinang. Jawatankuasa MMK, *sorry, very sad, because we are very few in the Dewan*, minta maaf, ...(dengan izin), YB. Tuan Speaker,

we only have three wanita di dalam Dewan , *not even enough eight percent, okay.*

Jawatankuasa MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti diwujudkan bagi menyelaraskan dan merancang program-program bagi membantu mempertingkatkan taraf hidup wanita dan membantu wanita-wanita terutamanya golongan yang bermasalah dalam pembangunan ekonomi dan juga sosial. Keanggotaan Jawatankuasa MMK terdiri dari pelbagai kaum dan lapisan masyarakat termasuklah perwakilan dari badan-badan bukan kerajaan di Pulau Pinang seperti Majlis Penubuhan Kebangsaan Wanita Pulau Pinang (NCWO), Pusat Kesedaran Wanita (WCC), Pertubuhan Jemaah Islamiah Malaysia (JIM) dan Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang. Antara matlamat jangka panjang yang disasarkan oleh Kerajaan Negeri berkaitan dengan pembangunan

wanita termasuklah, satu membuat penyelidikan dan pengumpulan data tentang wanita bagi mengenalpasti dengan lebih mendalam permasalahan yang dihadapi oleh wanita di Pulau Pinang. Memastikan kesaksamaan gender dipraktikkan di semua sudut baik dari segi perancangan politik mahu pun semasa pelaksanaan sesuatu dasar, menambah bilangan wanita di kalangan membuat keputusan di semua peringkat di dalam kerajaan seperti yang disarankan iaitu 30% penglibatan wanita memandangkan pada hari ini hanya lebih kurang iaitu kurang daripada 80% sahaja wanita yang menjadi wakil rakyat di negara kita berbanding dengan jumlah kaum wanita di Malaysia iaitu lebih daripada 50% jumlah penduduk negara ini. Bagi mencapai objektif-objektif di atas beberapa projek sedang berada dalam perancangan Kerajaan Negeri seperti Penerbitan Direktori Badan-badan berkaitan dengan pembangunan wanita yang merangkumi organisasi Kerajaan Negeri dan Persekutuan, Badan-badan Bukan Kerajaan dan institusi-institusi yang berkaitan. Direktori ini akan diagihkan kepada umum untuk rujukan dan satu *platform* untuk bekerjasama PINTAR atau *Smart Partnership* antara badan-badan tersebut dan orang awam akan diwujudkan.

Selain daripada itu Kerajaan Negeri juga dalam perancangan untuk menubuhkan sebuah pusat jagaan kanak-kanak di kawasan perumahan kos rendah dan sederhana bagi mengurangkan beban kos jagaan anak bagi golongan wanita bekerja yang berpendapatan rendah dan sederhana. Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk

menubuh sebuah pusat perkhidmatan wanita di kawasan Seberang Perai yang akan memberi perkhidmatan kaunseling dan motivasi profesional kepada wanita yang mengalami masalah seperti mangsa keganasan domestik dan jenayah seksual. Di samping semua itu seperti Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan, Kerajaan Negeri juga sedang membuat kajian untuk menubuhkan satu tabung amanah pembangunan wanita, keluarga dan komuniti memandangkan tiada sokongan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga berasa kecewa atas ucapan perbahasan daripada YB. Telok Ayer Tawar bahawa beliau kecewa dengan jawapan oleh Kerajaan Negeri kepada soalnya dan mendakwa rancangan Kerajaan Negeri sekarang sudah pernah dilaksanakan oleh Kerajaan lama. Di sini kita bukan hendak bertanding pihak mana yang lebih kreatif memikirkan projek baru tetapi pihak mana yang berupaya untuk melaksanakan projek

dengan lebih baik untuk kebaikan penduduk di Pulau Pinang. Dikatakan oleh YB. Telok Ayer Tawar bahawa Kerajaan Negeri Barisan Nasional yang lama telah membina 6 buah Rumah Nur tetapi YB. Bertam pula ada menyatakan bahawa masih ramai lagi kaum wanita terutamanya ibu tunggal dan mereka yang tinggal di kawasan pedalaman yang mengalami berbagai masalah hidup lagi. Sebab itu tidak sampai lima bulan Kerajaan Pakatan Rakyat ini kita sudah ada perancangan untuk membina sebuah Pusat Perkhidmatan Wanita dan sebuah Pusat Jagaan Kanak-kanak dalam masa setahun untuk memenuhi keperluan tersebut. Selama ini juga Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah mendirikan apa-apa Pusat Penjagaan Kanak-kanak di Pulau Pinang. Saya amat berharap..(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Penjelasan, penjelasan.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Puan Ong Kok Fooi):

Boleh kasi saya habis dengan setingkap ini? Saya amat berharap YB. Telok Ayer Tawar dan YB. Bertam akan bekerjasama dengan saya selaku EXCO sekarang untuk meningkatkan mutu perkhidmatan Kerajaan Negeri kepada masyarakat khususnya para wanita di Pulau Pinang. YB. Dr. Ng Yen Yen Menteri Pembangunan

Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyatakan rancangan Kerajaan Persekutuan untuk menubuhkan 10 buah Pusat Jagaan Kanak-kanak Komuniti di seluruh Malaysia tetapi malangnya tiada satu pun di Pulau Pinang. Kalau YB. Telok Ayer Tawar dan YB. Bertam mementingkan kebajikan kaum wanita, di sini saya berharap Yang Berhormat akan turut menggesa YB. Dato' Ng Yen Yen untuk mendirikan sekurang-kurangnya sebuah Pusat Jagaan Kanak-kanak Kerajaan Persekutuan di sini pada tahun ini. Saya ingin bekerjasama.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Bagi laluan, penjelasan. Terima kasih YB. Berapit. Saya rasa di sini kita tidak sepatutnya hilang hala tuju. Tugas MMK Pembangunan Wanita atau Majlis Pembangunan Wanita bukanlah

untuk pergi jaga anak-anak orang. Sebenarnya kita harus melihat tugas, tanggungjawab kita secara holistik, secara lebih luas, *the bigger picture* ...(dengan izin). Jadi di sini pembangunan wanita haruslah mensasar kepada dasar untuk meningkatkan kapasiti, memperkasakan wanita dan kumpulan-kumpulan sasar seperti ibu tunggal, wanita yang bermasalah, ahli keluarga yang menghadapi kesukaran dan sebagainya dan walau pun kalau boleh ada peruntukan tambahan untuk bina pusat asuhan baik tetapi kalau tidak kita seharusnya membuat satu apa yang kita katakan sebagai *advocacy* iaitu untuk menambahkan dasar kerajaan untuk menggalakkan penubuhan lebih banyak tempat-tempat asuhan dengan memberi galakan sepertimana Kerajaan Pusat melalui bajet telah pun memberi galakan kepada kilang-kilang misalnya, Jabatan-jabatan untuk menubuhkan tempat-tempat asuhan dengan memberi subsidi, dengan memberi galakan atau pun insentif cukai atau sebagainya dan ini adalah bentuk-bentuk atau pun perjuangan melalui *advocacy* ini supaya lebih banyak lagi.

Kalau kita hendak tubuh setakat mana kita hendak boleh tubuh, berapa buah pusat jagaan kanak-kanak tetapi melalui desakan, dasar, bajet, bantuan subsidi dan sebagainya ia lebih menyeluruh. Misalannya kita galakkan kilang-kilang untuk menubuhkan tempat asuhan untuk menggalakkan ibu-ibu yang mempunyai anak kecil untuk meletak anak-anak mereka di situ dan mereka rasa lebih selamat, lebih terjamin. Anak-anak mereka dijaga

dan selesa untuk bekerja dan saya rasa sesuai dengan apa yang disebutkan, dilaung-laungkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat *competency*, di sini bagaimana kita hendak ukur *competency* itu? Saya rasa di antaranya ialah dengan keupayaan untuk melakukan *the best* yang terbaik dengan halangan dan had-had yang ada. *This is how you measure competency, how well you manage your resources, whatever you have* untuk melahirkan yang terbaik untuk membangunkan wanita dan keluarga. Itulah ukuran setakat mana *competence* Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Puan Ong Kok Fooi) :

Terima kasih YB. dari Telok Ayer Tawar dengan memberi ucapan yang begitu semangat. Saya di sini telah memberi pengenalan dari awal-awal yang saya bekerja bertungkus lumus untuk pembangunan wanita, keluarga dan komuniti dengan tiada

peruntukan dari Kerajaan Persekutuan pun saya ingin bekerjasama dengan badan-badan NGO dan dalam rancangan saya untuk menubuh Tabung Amanah untuk pembangunan wanita, keluarga dan komuniti. Ini matlamat saya untuk pembangunan dalam bidang ini. Saya sambung ya, YB. Tuan Speaker.

YB. Tuan Timbalan Speaker :

Silakan, silakan.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Puan Ong Kok Fooi):

Menyentuh tentang polisi atau dasar kerajaan untuk menggalakkan sektor swasta menyediakan peluang pekerjaan kepada wanita bagi semua peringkat jawatan seperti yang dibangkitkan oleh YB. Paya Terubong minggu yang lepas, dasar ini tertakluk kepada bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun di peringkat negeri kita akan memberi beberapa cadangan kepada Kerajaan Persekutuan untuk menambah baik kepada polisi tersebut. Tentang agenda kesihatan kaum wanita yang disebut oleh YB. Bertam, terutamanya yang berada di luar bandar, memang segala kemudahan dan perkhidmatan telah wujud, terutamanya yang dikehendaki oleh Kementerian Kesihatan. Saya percaya Kerajaan Negeri sememangnya bersedia untuk bekerjasama

dengan Kementerian kesihatan untuk memperbaiki mutu perkhidmatan yang sedia ada.

Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk mencapai tahap demokrasi yang tinggi dan sejajar dengan prinsip CAT, Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan YAB. Ketua Menteri saya ingin sekali lagi mengingatkan kepada para Ahli Yang Berhormat dalam Dewan mulia ini supaya tidak membelakangkan isu-isu berkaitan dengan hal-ehwal wanita serta pembangunan wanita, keluarga dan komuniti. Hanya dengan ini kita akan mencapai impian seperti dalam ucapan Tuan Yang Terutama untuk mewujudkan kemakmuran yang bakal dikecapi semua. Sebelum saya menamatkan penggulungan saya, saya ingin menegaskan sekali lagi prinsip-prinsip saya iaitu isu-isu pembangunan belia dan sukan serta pembangunan wanita, keluarga dan komuniti tidak patut bercampur aduk dengan politik.....(dengan izin), YB. Tuan Speaker iaitu *Youth and Sports, Women, Family and Community Development should be above politic.*

Akhir sekali saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada pengarah-pengarah dan juga kakitangan kerajaan yang selama hampir 5 bulan ini telah berusaha membantu saya menjalankan tugas saya sebagai EXCO yang baru belajar. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada saudara, saudari Ahli Yang Berhormat ke atas segala soalan-soalan yang ditunjukkan kepada saya. Saya sudah cuba sedaya upaya untuk menjawab semua soalan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, jika ada soalan yang tidak sempat dijawab jangan rasa kecil hati, pegawai-pegawai saya yang bertugas telah pun mencatatkan semua cadangan dan soalan Yang Berhormat-Yang Berhormat dan tindakan susulan akan diambil. Pintu pejabat saya sentiasa terbuka kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian untuk berbincang dan bertukar pendapat bagi memajukan Pulau Pinang, negeri kita. Sekian, terima kasih, saya minta sokongan.

YB. Tuan Timbalan Speaker:

Dipersilakan Yang Berhormat Air Itam.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Tuan Wong Hon Wai):

Yang Berhormat Tuan Speaker, pada mulanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat baik dari kerajaan atau pun Pembangkang kerana memberikan berbagai cadangan atau kritikan. Saya amat menghargai *input-input* daripada semua Yang Berhormat yang sama-sama berhasrat untuk mempertingkatkan lagi kualiti hidup rakyat Pulau Pinang. Pada hari pertama kami bersidang di Dewan ini saya telah menjawab satu soalan lisan daripada YB. Tanjong Bunga yang berkaitan dengan permasalahan dan cabaran serta hala tuju yang dihadapi oleh masalah perumahan. Saya akan terus kepada menjawab soalan-soalan berbangkit daripada semasa perbahasan Yang Berhormat–Yang Berhormat,

Yang Berhormat Tanjong Bunga, Permatang Pasir, Pantai Jerejak, Pinang Tunggal, Telok Ayer Tawar telah masing-masing membangkitkan mengenai Dasar Perumahan sasaran satu keluarga satu rumah dan penyediaan rumah mampu milik yang mencukupi.

YB. Speaker, pemilik tanah persendirian khususnya tanah *first grade* adalah bebas untuk menentukan jenis pembangunan atas tanah sendiri tertakluk kepada pematuhan kepada Rancangan Struktur dan Tempatan Dasar dan Garis Panduan Perancangan yang sedia ada. Walau bagaimanapun bagi pemajuan perumahan yang melibatkan pembinaan lebih daripada 150 unit di pusat pembangunan dan 100 unit di luar pusat pembangunan, akan dikenakan syarat pembinaan 30% rumah kos rendah. Sehingga Jun 2008, dari rekod Bahagian Perumahan menunjukkan sejumlah 90,895 unit rumah kos rendah dan 18,990 unit kos sederhana rendah yang telah disiapkan di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun masih terdapat 48, 031 pemohon dalam senarai tawaran dan senarai menunggu. Ini tidak bermakna mereka tidak ditawarkan rumah. Sebahagian besar iaitu lebih kurang 36,000 orang adalah dalam senarai tawaran iaitu mereka pernah ditawarkan rumah manakala sebahagian daripada senarai menunggu iaitu lebih kurang 11,000 orang terdapat pemohon-pemohon yang telah ditawarkan melebihi 3 kali rumah kos rendah atau sederhana rendah tetapi mereka tidak menerima tawaran atau menolak tawaran atas alasan-alasan seperti lokasi projek tidak sesuai atau jauh dari tempat kerja, harga rumah di luar kemampuan, jenis rumah tidak memenuhi citarasa atau pun pemohon telah berpindah, meninggal dunia atau alasan-alasan yang sebagainya.

Pada tahun 2007, satu usaha telah dijalankan untuk mengemaskini maklumat pemohon supaya lebih tepat dan lebih kemaskini dan ini telah disahkan oleh YB. Bayan Lepas, tetapi tidak menggalakkan. Kerajaan Negeri akan mencari kaedah-kaedah baru bagi memastikan tawaran rumah kepada pemohon supaya lebih tepat, adil dan telus. Kerajaan Negeri akan terus berusaha untuk menyediakan lebih banyak rumah mampu milik untuk menampung permintaan, khususnya dari golongan berpendapatan rendah.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, 2 Projek Perumahan Rakyat (PPR) telah dipohon dan sebelum ini dipersetujui secara prinsip untuk dilaksanakan di Ladang Kalidonia, Seberang Perai Selatan dan Telok Kumbar, Daerah Barat Daya. Jabatan Perumahan Negara telah membuat beberapa lawatan ke tapak kedua-dua projek yang terakhirnya pada 4 Julai, 2008 ke tapak di Telok Kumbar.

Cadangan program Projek Perumahan Rakyat dimiliki di Ladang Kalidonia dengan menggunakan peruntukan di bawah Tabung Kumpulan Wang Amanah PPR di milik telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 18 Februari 2008.

Saya ingin membangkitkan bahawa, semasa membentangkan usul mengenai kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ke-9 pada 26 Jun 2008. YAB. Perdana Menteri dan juga Ahli Parlimen dari Kepala Batas, orang rakyat Pulau Pinang telah mengatakan suka saya menegaskan di sini bahawa Kerajaan Persekutuan akan meneruskan pelaksanaan projek pembangunan Rancangan Malaysia Ke-9 di kesemua negeri. Projek mesra rakyat yang bertujuan menyediakan kemudahan asas dan memberikan faedah secara langsung kepada rakyat seperti bekalan air, elektrik, kemudahan kesihatan, pendidikan, saya *highlight* di sini, perumahan awam kos rendah, membasmi kemiskinan dan keselamatan awam akan diberikan keutamaan. Seperti mana dijanjikan oleh YAB. Perdana Menteri, maka Kerajaan Persekutuan diharap akan terus membantu dalam menyempurnakan kedua-dua projek yang saya sebutkan di atas dan pihak Kerajaan Negeri akan memberikan demi kepentingan rakyat akan memberikan segala kerjasama yang perlu kepada Kerajaan Persekutuan bagi menjayakan projek-projek tersebut. Pendek kata janji mesti di kota.

YB. Timbalan Speaker, Yang Berhormat ADUN KOMTAR, telah membangkitkan tentang bayaran tambahan yang dikenakan oleh pemaju Genuine Galaxy Sdn. Bhd. Bagi projeknya iaitu *Lavender Park* atau yang kini dikenali sebagai Taman Sinar Pelangi, di Jelutong. Kerajaan Negeri sedar bahawa terdapat pemaju-pemaju termasuk Syarikat Genuine Galaxy yang menjual petak letak kereta atau menawarkan pakej pengubahsuaian kepada pembeli rumah. Mengikut garis panduan, perancangan yang sedia ada pemaju perlu menyediakan 1 tempat letak kereta bagi 4 unit rumah kos rendah dan 3 tempat letak kereta untuk 5 unit rumah kos sederhana rendah.

Di samping itu pemaju perlu menyediakan 10 hingga 20% tempat letak kereta untuk pelawat. Walau bagaimanapun tidak ada peruntukan undang-undang yang menghalang pemaju daripada menjual tempat letak kereta yang disediakan sebagai petak aksesori.

Terdapat pemaju yang menyediakan tempat letak kereta secara percuma dan ada yang menjual tempat letak kereta antara RM4,000 hingga RM25,000 bagi satu petak. Pada masa ini pemaju disarankan supaya penjualan tempat letak kereta dan pakej pengubahsuaian dibuat secara sukarela. Pembeli tidak boleh dipaksa untuk menerima pakej yang ditawarkan. Kerajaan Negeri pernah menimbangkan untuk menjadikan tempat letak kereta yang disyaratkan disediakan sebagai kawasan harta bersama, ...(dengan izin), *common property* akan tetapi cadangan ini perlu dihalusi. Kerajaan Negeri akan mengadakan perbincangan lanjut dengan REHDA mengenai masalah-masalah ini. Isu penaklukan kerja-kerja pengubahsuaian oleh pertubuhan gelap juga akan di bawa untuk perbincangan lanjut dan dirujuk untuk siasatan pihak polis sekiranya maklumat penuh diperolehi.

YB. Timbalan Speaker, berkenaan dengan masalah setinggan, YB. Tanjung Bunga, YB. Batu Uban dan YB. Pantai Jerjak telah menyuarakan mengenai isi setinggan yang ditindas dan diarah keluar daripada tanah yang diduduki.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri mempunyai dasar setinggan yang digunakan untuk penempatan

semula setinggan yang terlibat dengan projek-projek Kerajaan Negeri. Rumah ganti atau wang ehsan dibayar mengikut status, sama ada pemilik tanah, penyewa tapak *ground tenant*,(dengan izin), pemegang lesen pendudukan sementara TOL, penumpang tapak *tenant at will*, setinggan menduduki tanah tanpa kebenaran atau pun kategori penyewa rumah.

Pada dasarnya terdapat pemaju-pemaju yang menggunakan dasar Kerajaan Negeri sebagai panduan dalam memberi wang ehsan atau unit ganti kepada setinggan, malah ada yang memberi tawaran yang lebih baik daripada yang digunakan oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri memang bersetuju dengan dasar untuk memindahkan setinggan yang ada ke perumahan yang lebih baik dan selesa. Program diharap akan dapat dijalankan dengan kerjasama semua pihak dan berpandukan peruntukan undang-undang.

YB. Timbalan Speaker, Kerajaan Negeri akan sentiasa mengutamakan kebajikan dan kepentingan penduduk, namun bayaran wang ehsan atau pemberian unit ganti hendaklah berlandaskan asas atau kriteria yang munasabah dan adil kepada semua pihak. Ini memandangkan bahawa ia akan juga membawa kepada peningkatan kos untuk pemajuan projek di Pulau Pinang yang akhirnya akan ditanggung oleh pembeli-pembeli rumah. Dalam agihan rumah-rumah kos rendah dan sederhana rendah oleh Kerajaan Negeri, keutamaan memang sentiasa ini dari dahulu hingga sekarang diberi kepada setinggan-setinggan yang terlibat dengan projek sama ada projek kerajaan atau swasta.

YB. Timbalan Speaker, projek terbengkalai, YB. ADUN Batu Uban telah membangkitkan mengenai pelaksanaan dasar bina kemudian jual dan masalah projek terbengkalai. YB. Batu Uban telah membangkitkan mengenai dasar bina kemudian jual telah diperkenalkan pada tahun 2007 dan pelbagai insentif disediakan, namun sambutan daripada pihak pemaju masih amat dingin. Pemaju yang dapat menjalankan konsep ini, membina kemudian jual adalah pemaju yang lebih kedudukan kewangan yang lebih kuat, lebih stabil dan hanya melalui kaedah ini juga digunakan untuk projek-projek kerajaan.

Berhubung projek terbengkalai, YB. ADUN Batu Uban telah mencadangkan antara lain, *moratorium* ke atas faedah bank dan pengeluaran dua sijil iaitu daripada arkitek dan pihak bank sebelum bayaran kemajuan dilepaskan oleh bank. Untuk makluman, Kerajaan Negeri memang memainkan peranan sebagai pihak pengantara bagi membantu memulihkan projek-projek bermasalah atau terbengkalai. Langkah-langkah yang diambil termasuk memanggil semua pihak iaitu pemaju, syarikat penyelamat, bank pembiaya, wakil penduduk, kontraktor, agensi teknikal, *liquidator* dan pihak-pihak lain yang berkaitan untuk berbincang, Kerajaan Negeri juga boleh menyegerakan proses pertimbangan pelan dan memberi pengecualian sumbangan.

Terdapat juga kes-kes di mana bank-bank tertentu telah bersetuju dan meluluskan *moratorium* faedah. Bank Negara juga memainkan peranan untuk memanggil bank-bank untuk perbincangan. Walau bagaimanapun, seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, pelesenan dan kawalan pemaju adalah terletak

dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dalam pindaan terakhir kepada Akta Pemajuan Perumahan Kawalan dan Pelesenan pada akhir tahun 2007, beberapa kelemahan yang ada telah dikedatkan bagi melindungi pembeli rumah. Cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat akan dibawa untuk perbincangan dengan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. Di peringkat negeri, Kerajaan Negeri akan meningkatkan lagi pemantauan pelaksanaan projek, khususnya projek mampu milik, supaya masalah-masalah dapat dikenalpasti lebih awal dan bangunan diberi untuk menyelesaikannya.

YB. ADUN Permatang Berangan telah menyoalkan tentang status projek perumahan Kampung Besar dan Padang Chempedak, iaitu berada di kawasan Tasek Gelugor. Saya juga menerima satu e-mail dari rozanaabuhassan@yahoo.com yang telah menonton *live streaming* sidang DUN Pulau Pinang yang menanyakan soalan yang sama. Oleh itu saya mengambil kesempatan ini untuk menjawab bahawa, saya sendiri bersama Pengarah Perumahan, pegawai-pegawai perumahan dan agensi lain telah turun meninjau tersebut pada 7 Mei, 2008, Projek Kampong Besar terdiri daripada 429 unit rumah teres kos rendah di Mukim 12, Seberang Perai Utara dan

Padang Chempedak terdiri daripada 455 unit rumah teres kos rendah di Mukim 13, Seberang Perai Utara. Rumah dibina dengan pinjaman Kerajaan persekutuan dan agensi pelaksanaan ialah Jabatan Perumahan Negara. Kedua-dua projek tersebut baru sahaja memperolehi Sijil Layak Menduduki atau ...(dengan izin), OC Kampong Besar diperolehi pada 27 Jun 2008 dan Padang Chempedak pada 16 Julai 2008. Projek-projek ini lewat mendapat OC disebabkan masalah-masalah infrastruktur dan kegagalan kontraktor memenuhi keperluan jabatan teknikal, khasnya penyediaan loji rawatan pembetulan mengikut spesifikasi IWK atau JPP. Jabatan Perumahan Negara iaitu sebuah agensi persekutuan dijangkakan akan menyerah projek-projek tersebut kepada Kerajaan Negeri pada awal bulan Ogos. Rumah akan diserahkan kepada pembeli setelah perjanjian jual beli ditandatangani antara Kerajaan Negeri dan pembeli. Projek ini merupakan projek *build and sell*.

YB. Ahli Paya Terubong telah membangkitkan tentang peranan PDC dalam membantu pembangunan negeri dan penyediaan rumah mampu milik. Untuk makluman, bagi projek Bayan Mutiara, PDC disyaratkan membina 30% rumah kos rendah atau 612 unit yang sedang dalam pembinaan di Sungai Nibong, bersebelahan Taman Lip Sin. Kerajaan Negeri ...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Minta penjelasan sikit.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Tuan Wong Hon Wai):

Ya, silakan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Pasal tersentuh PDC, saya teringat satu perkara pasal PDC sekarang PDC banyak rumah-rumah flat, rumah-rumah pangsa PDC diserahkan balik untuk di *management* oleh *management corporation*

setengah tidak mahu terima, sebagai *management corporation* tetapi hutang yang ditinggalkan oleh PDC itu termasuklah pembayaran bil api, bil air masih tertunggak. Bagaimanakah caranya bolehkah Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan supaya yang tertunggak itu boleh dibantu diselesaikan *and then*, sementara COB untuk mengambil alih dan sebagainya, jadi mereka tidak menghadapi masalah, sebab pihak TNB hendak memotong api banyak flat-flat jadi banyak masalah. Jadi minta tolong jasa baik pihak PDC ambil berat sedikit.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Tuan Wong Hon Wai):

Terima kasih, cadangan daripada YB. Seberang Jaya, Kerajaan Negeri akan juga melihat kembali Kerajaan PDC bukan sahaja dari segi pembinaan rumah dan juga dari segi *maintenance* bagi rumah-rumah yang di bina oleh PDC *of cost* keutamaan akan diberi untuk pembinaan lebih banyak rumah mampu milik atas tanah-tanah PDC dan tanah Kerajaan Negeri. YB. KOMTAR telah

membangkit satu pertanyaan kebakaran di PenMark College Malaysia Sdn. Bhd. Jalan Penang pada 17 Jun 2008 memandangkan Jabatan Bomba dan Penyelamat telah menghantar satu jawapan di sini bahawa Jabatan telah menghantar 5 buah jentera dan satu dari Lebu Pantai dan 3 dari Jalan Perak dan satu dari Bagan Jermal ke lokasi kebakaran dan dibantu oleh pasukan Bomba Sukarela Air Itam. Pegawai yang terlibat dalam menjawab panggilan telah disoal siasat dan diberi amaran atas sikap tidak professional dalam memberikan perkhidmatan yang tidak selaras, dengan kehendak Pejabat. Jabatan Bomba dan Penyelamat telah menjalankan siasatan dalaman yang akan menggunakan ini sebagai satu *study case* sebagai rujukan bagi penambahbaikan gerak kerja operasi pemadaman kebakaran pada masa akan datang.

YB. Tuan Speaker, YB. Tanjung Bunga antara lainnya membangkitkan isu tentang Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020. Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 disediakan selaras dengan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dan dipanggil sebagai Akta 172, dia diwartakan pada 26 Jun 2007, penyediaan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 telah mengambil kira pelbagai aspek dari segi kerjasama serantau

Pertubuhan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia, Perancangan Sumber Manusia, Pertubuhan Penduduk, Pengukuhan Asas Projek Ekonomi Negara, Pembangunan Perindustrian yang bernilai Tambah dan Kompositif. Pulau Pinang sebagai pusat perdagangan utama pengukuhan sektor pelancongan, pemodenan pertanian dan perkembangan industri asas tanah pembangunan guna tanah dan pemuliharaan alam sekitar yang seimbang dan juga hala tuju yang lain dan ia adalah disediakan mengikut kehendak Akta 172. Seksyen 11 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 memperuntukkan bahawa kajian semula Rancangan Struktur boleh dilakukan setiap lima tahun atau dari semasa ke semasa sekiranya diarah oleh Jawatankuasa Perancang Negeri dan kajian semula boleh dilaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian daripada RSNPP yang diwartakan itu sekiranya item yang lebih spesifik boleh dikemukakan oleh wakil yang berkenaan.

ADUN Tanjung Bunga juga menyentuh tentang kemampuan Bandar iaitu *sustainability overcity* kajian kemampuan bandar telah di buat di Bandar Malaysia asalnya *Urban Indicator Network* atau *short form MurniNet*, kajian ini akan dilaksanakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. Kajian Kemampuan Bandar di Malaysia di laksanakan berdasarkan kepada 38 petunjuk yang merangkumi segala aspek berdasarkan Petunjuk Pemampanan Bandar pada tahun 2007, George Town di kategorikan sebagai sederhana mampan. Kerajaan Negeri akan berusaha untuk menjadikan George Town sebagai Bandar Mampan dengan mengatasi masalah kelemahan yang dikenalpasti mengikut petunjuk *MurniNet*. Antara sektor yang dikenal pasti yang perlu dipertingkatkan ialah aspek utiliti yang infrastruktur, alam sekitar, pengurusan dan kewangan.

YB. Tuan Speaker, saya mengalu-alukan seperti yang saya kata sebentar tadi, saya mengalu-alukan segala cadangan dan juga input daripada semua Yang Berhormat, berkenaan isu Perancangan Bandar dan Desa serta perumahan ia adalah di bawah *concurrent* iaitu senarai bersama dalam Jadual Ke Sembilan Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu memandangkan apabila kita melihat model-model di dalam negara yang lebih maju antara Persekutuan negeri,

atau pun antara kongres di wakili oleh parti yang berlainan tetapi Negara seperti Australia dan Amerika Syarikat mereka walau pun Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Senat Kongres adalah dari wakil-wakil yang berbeza mereka boleh bekerjasama dengan sivil dengan kedudukan yang *civil life* saya menyeru semua pihak supaya sama-sama kita bekerjasama untuk mempertingkatkan walau pun kita parti yang berbeza sama-sama kita memastikan bahawa hati gajah sama di lapah, hati kuman sama dicicah, supaya pengagihan yang sama rata dapat dijalankan dan kita memerlukan satu pemikiran supaya dari segi perhubungan negeri dapat diperbaiki itu sahaja ucapan gulung saya, sekian terima kasih.

YB. Tuan Timbalan Speaker:

Di persilakan Bukit Tambun,

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasih, YB. Tuan Speaker, ada berapa minit saya ada. Terlebih dahulu saya ingin ucapkan ribuan terima kasih, kepada YB. Tuan Speaker, kerana mengizinkan saya memberi peluang untuk sama berbahas ke atas ucapan TYT. yang telah pun dilafazkan pada minggu yang lepas, juga saya ingin mengambil kesempatan ini dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan semesyuarat yang telah pun memberi pandangan yang bernas kritikan mahu pun cadangan-cadangan yang lain. Terlebih dahulu saya juga ingin rakamkan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai yang menolong saya dalam selama lima bulan ini khususnya kepada Jabatan Pengairan dan Saliran, pegawai-pegawai JKR, MPSP mahu pun Pejabat Daerah.

YB. Tuan Speaker, cuaca berubah dan iklim di dunia pun mendapat perubahan yang begitu besar, kadang-kadang kita nampak kemarau di sini tetapi sebaliknya banjir teruk di lain-lain tempat dan saya ingin merakamkan terima kasih kepada Jabatan Pengairan dan Saliran, khususnya menandingi di kawasan di tempat-tempat semua kawasan Yang Berhormat, kadang-kadang kita nampaknya adalah kebetulan juga ada banjir yang berlaku itu

kebetulan nampaknya di kawasan-kawasan bermula dengan sungai-sungai, saya telah pun dapat soalan daripada YB. Sungai Pinang, ini dekat dengan sungai satu kawasan itu senang banjir, Sungai Bakap pun ada, dan dekat sungai Telok pun ada Telok Bahang mengemukakan soalan Telok Ayer Tawar juga tidak kurangnya, Bagan Lalang juga mengemukakan soalan banjir tetapi kadang-kadang juga seperti mana yang saya sebut cuaca ini berubah dengan besar di kawasan yang berbatu juga berlakunya banjir, Batu Maung berlaku banjir, di Batu Uban, berlaku banjir tetapi walau bagaimanapun amat terkejut juga bukit pun banjir, Bukit Tengah salah satu tempat yang begitu jelas menghadapi banjir tidak kurang saya sendiri di Bukit Tambun satu kawasan yang begitu teruk banjir dan lebat. Yang Berhormat yang saya kasihi saya hendak mengambil kesempatan ini untuk menjawab soalan-soalan yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Yang pertama soalan daripada YB. Penaga juga Ketua Pembangkang iaitu mengenai kemajuan projek di RTB Sungai Muda, saya rasa YAB. Ketua Menteri telah pun dalam ucapan pengulungannya telah pun menyentuh sedikit sebanyak tentang isu RTD Sungai Muda sini adalah sedikit, tidak payah, tidak mengapa sedikit maklumat tambahan. Projek RTD Sungai Muda terletak di bawah Unit Persekutuan Pejabat Projek RTD Sungai Muda yang berpejabat di Sungai Petani Kedah, kerja yang melibatkan komponen-komponen berikut.

- Pertama : Pembinaan Empangan Jajar di sebelah hilir Jambatan Merdeka, yang
- Kedua : Pengorekkan Sungai Muda sepanjang 45 kilometer yang melibatkan Kedah dan Pulau Pinang.
- Ketiga : Pembinaan benteng sungai di mana belah Kedah adalah 32 kilometer, di sebelah Pulau Pinang 17 kilometer.

Statusnya sehingga 21 Julai 2008 kemajuan Projek RTD Sungai Muda adalah seperti berikut:

- Pertama : Pembinaan Empangan Jajar bagi tujuan mengawal aliran Sungai Muda telah siap dan beroperasi.
- Kedua : Kemajuan kerja pengorekan sungai di mana di bahagian Pulau Pinang status adalah lebih kurang 23 peratus dan di sebelah kedah 9% dan
- Ketiga : Kemajuan kerja pembinaan ban seperti mana disebutkan oleh Ketua Pembangkang nampaknya di sebelah Pulau Pinang ini kerjanya lambat dan kita meninjau status di mana Pulau Pinang telah siap 1.1 kilometer daripada keseluruhan panjang 17 kilometer, di Kedah telah pun siap 2.2 kilometer daripada 32 kilometer kita melihat daripada *ratio* daripada setakat ini

kita boleh jelaskan bahawa yang penting sungai yang telah siap di bina sebelah Kedah adalah lebih kurang sama dengan sebelah Pulau Pinang lebih kurang 6.5 % atau pun lebih kurang 7 peratus.

Berhubung dengan isu pengambilan tanah dan pendapatan sebulan maklumat yang telah pun dibentang oleh YAB. di mesyuarat pagi ini pun telah dikemukakan tetapi maklumat tambahan di sini saya rasa adalah baik kita mengambil maklumat bahawa keluarga terlibat dalam masalah penempatan ini adalah mengandungi 349 rumah di mana 7 lokasi penempatan telah pun dikenal pasti oleh JPS di mana 7 lokasi ini kita beri seperti berikut yang pertama di Kampung Permatang Bendahari seterusnya Kampung Gurun, Kampung Permatang Bonggol, Kampung Bumbung Lima, Pantai Kamalun, Kampung Pinang Tunggai, Kampung Ekor Kucing, kucing ini CAT lah takut ini, sekarang ini sebut CAT sahaja semua tidak mengantuk saya yang risau ini takut hujan CAT juga tentang Bahasa Inggeris *raining cat and dog* kalau hujan kucing saya takut juga.

Ahli-ahli Yang Berhormat, yang ramai pun telah sebut kita sekarang tengok sahaja langit gelap sedikit, kita risau Ketua Pembangkang pun sebut tengok langit sahaja hujan kita risau, tetapi kepada yang Yang Berhormat, apa lagi lah kalau Yang Berhormat tengok langit di kawasan dan saya tengok langit Pulau Pinang saya lebih risau saya lebih prihatin lagi tentang isu-isu yang melibatkan banjir dan ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan kepada Yang Berhormat, pegawai-pegawai kita di JPS mahu pun di MPSP sedia selalu memberi pertolongan, saya bagi satu contoh di mana kawasan saya yang selalu pun banjir, pada satu hari telah pun sampai larut malam 11.30 malam kawasan saya banjir lagi sekali dan saya hendak minta telefon sahaja kepada pegawai Juruteknik JPS, dan dia sedia untuk sama-sama saya untuk ke kawasan banjir itu saya amat menghargai semangat yang ditunjukkan oleh pegawai JPS dan seterusnya.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

YB. Tuan Speaker, saya bukan hendak ganggu apa, saya Yang Berhormat katakan itu kita pun tahu bukan tujuan dan sebagainya yang saya bangkitkan mengenai dengan bila kebenaran tebing itu pengambilan pasir, pengambilan tanah itu dilaksanakan, YAB. kata tidak bagi jawapan akan dilaksanakan.....(gangguan).

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Tuan Law Choo Kiang):

Oleh kerana itu saya amat menghargai semangat yang telah ditunjukkan oleh pegawai JPS dan seterusnya.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

YB. Timbalan Speaker, saya bukan hendak mengganggu apa Yang Berhormat kata. Kita pun tahu tujuh kampung tempat dan sebagainya. Yang saya bangkitkan mengenai dengan bila kebenaran mengorek tebing itu, pengambilan tanah itu akan dilaksanakan.

Okaylah tadi Yang Amat Berhormat kata tidak memberi jawapan akan dilaksanakan kemudian yang pentingnya di sini ialah di Muara Sungai Muda ada kata kerja-kerja pengorekan di muara Sungai Muda kerana segala *sediment* sudah turun menyebabkan Kuala Sungai Muda menjadi cetek airnya menyusahkan nelayan. Adakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mengorek muara Sungai Muda itu supaya senang bot nelayan keluar masuk, itu soalnya.

YAB. Ketua Menteri:

YB. Timbalan Speaker, selaras dengan peraturan 6 (a)(i) peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan pada hari iaitu 28 Julai 2008 dilanjutkan sehingga jam 6.30 petang.

YB. Tuan Timbalan Speaker:

Ada sokongan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

YB. Timbalan Speaker, saya mohon sokong.

YB. Tuan Timbalan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YAB. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah peraturan 6(A)(1) untuk melanjutkan tempoh persidangan hari ini, 28 Julai 2008 dilanjutkan sehingga jam 6.30 petang, jadi Ahli-ahli Yang Berhormat setuju katakan “Ya,” yang tidak bersetuju katakan “Tidak.”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

YB. Tuan Timbalan Speaker:

Lebih suara bersetuju, jadi usul dipersetujui.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasih YB. Tuan Timbalan Speaker, saya sambung semula, untuk soalan yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang tentang muara Sungai Muda telah pun cetek dan memerlukan pengorekan supaya nelayan lebih senang untuk membuat pendaratan, sepertimana Ketua Pembangkang prihatin tentang aktiviti-aktiviti nelayan saya di sini juga prihatin pengorekan untuk muara Sungai Muda akan dilaksanakan pada tahun ini jugalah. Saya akan cuba, kalau boleh minggu yang akan datang saya akan cuba juga. Untuk soalan yang telah pun dikemukakan oleh Ketua Pembangkang dan YB. daripada Sungai Pinang mengenai pencemaran Sungai Pinang.

YB. Tuan Timbalan Speaker, Sungai Pinang dengan sepanjangnya 3.6 kilometer merupakan sungai utama, sistem tadahan seluas 50.97 kilometer persegi di Daerah Timur Laut, punca-punca pencemaran itu sedia maklumlah di Dewan yang mulia ini adalah di antara berikut, air kumbahan daripada kawasan pembuangan sampah sarap, sisa buangan, rumah-rumah penyembelihan, sisa buangan daripada pasar-pasar.

Projek-projek yang telah pun dan akan dilaksanakan adalah seperti berikut; projek pemulihan Sungai Pinang Fasa 1, seperti yang dimaklum dan di tanya oleh YB. Sungai Pinang dan telah pun bermula pakai kos sebanyak RM21 juta dan telah pun siap dalam Januari 2007 dan mengikut pemantauan yang dibuat kualiti air Sungai Pinang pada masa ini telah pun meningkat daripada kelas 5 hingga kepada kelas 4. Kerja-kerja yang telah dilaksanakan ialah pengorekan lapisan endapan tercemar di dasar sungai adalah sepanjang 3.1 kilometer dan melibatkan kuantiti sebanyak 155 meter padu.

Kedua pengindahan dan kerja landskap cabang Sungai Pinang iaitu meragkumi Sungai Air Terjun di Seri Mutiara kediaman T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan yang ketiga pembinaan jeti dan yang keempat pembinaan *gross pollutant trap*. Sebanyak sepuluh buah berhubung dengan pembinaan jeti pelancongan yang dibuat dalam fasa 1 adalah tidak benar. Ia merupakan satu pembaziran kerana pada masa ini ia diguna sepenuhnya oleh 45 nelayan untuk menambatkan bot-bot mereka dan untuk projek pemulihan Sungai Pinang fasa yang kedua

pelaksanaan projek Sungai Pinang fasa kedua bertujuan untuk memulihkan juga kualiti air Sungai Pinang daripada kelas 4 ke kelas 2. Reka bentuk dan pelan pelaksanaan telah siap dengan anggaran kos sebanyak RM150 juta. Bagaimana pun dalam kajian separuh penggal RMKe-9 projek ini tidak diberi peruntukan tambahan oleh Kerajaan Persekutuan. Sehubungan ini Kerajaan Negeri bercadang untuk mengambil pendekatan lain untuk menghadapi masalah-masalah pencemaran Sungai Pinang. Ia termasuklah menggiatkan peranan Jawatankuasa Pengurusan Sungai Pinang yang dipengerusikan oleh EXCO dan dianggotai oleh ADUN-ADUN pelbagai agensi yang berkaitan termasuk (NGO) Badan Bukan Kerajaan. Kedua mengambil tindakan dan pendekatan *soft approach*(dengan izin) seperti pendidikan, gotong royong, menangani budaya pembuangan sampah dan lain-lain. Saya ingin merayu kepada semua Yang Berhormat jikalau ada perjumpaan, dialog dengan penduduk setempat yang menghampiri dengan sungai saya minta dalam dialog mahu pun ceramah mintalah penduduk-penduduk kita supaya kesedaran alam sekitar itu mestilah dipertingkatkan lagi. Usaha untuk memulihkan sungai yang tercemar di negeri ini memanglah memerlukan peruntukan yang besar.

Pelaksanaan projek fasa 1 dengan kos sebanyak RM21 juta adalah tidak mencukupi untuk mencapai sasaran pemulihan kualiti air kepada kelas 2. Sebagai perbandingan projek pemulihan Sungai Melaka yang telah menunjukkan sedikit kejayaan telah pun membelanjakan sebanyak RM300 juta dan memerlukan peruntukan tambahan pula sebanyak RM500 juta lagi. Oleh itu dakwaan yang mengatakan dengan siapnya projek pemulihan Sungai Pinang Fasa 1 dengan kos sebanyak RM21 juta sudah mampu untuk menyelesaikan isu pencemaran ini adalah tidak benar kerana banyak lagi komponen projek tambahan yang perlu dilaksanakan termasuk perpindahan dan penempatan semula setinggan-setinggan.

YB. Timbalan Speaker, soalan juga dibangkitkan oleh YB. Penaga mengenai pencemaran Sungai Juru dan seperti yang dimaklum juga Sungai Juru antara satu sebatang sungai yang paling tercemar di Malaysia. Punca-punca pencemaran adalah lebih kurang sama dengan punca-punca pencemaran di Sungai Pinang. Sungai Juru ini sentiasa telah pun dipantau oleh Jawatankuasa Pengurusan Sungai Juru pada masa dahulu di mana YB. Penaga menjadi EXCO. Jawatankuasa ini pernah bermesyuarat setahun sekali tetapi pada tahun ini saya telah pun mempengerusikan

mesyuarat sekali dan *input* telah pun dikemukakan dan walau pun kita merancang untuk menyiapkan peranan jawatankuasa ini dalam memantau program dan tindakan pelaksanaan sekurang-kurangnya tiga bulan sekali.

Jawatankuasa ini akan melaksanakan kerja-kerja pemulihan Sungai Juru melalui pendekatan bersepadu dengan kerjasama berbagai agensi terlibat. Selain itu JPS akan melaksanakan program pemulihan sungai melalui kaedah struktur dan bukan struktur. Melalui kaedah struktur, JPS Malaysia masih dalam proses rundingan harga dengan kontraktor yang dilantik secara reka dan bina, kerja-kerja dijangka dapat dimulakan akhir tahun 2008. Skop kerja yang akan dilaksanakan akan melibatkan bukan sahaja pemulihan sungai tetapi juga merangkumi kerja-kerja tebatan banjir. Kaedah bukan struktur akan dilaksanakan melalui kerjasama antara agensi, melalui pendidikan dan penguatkuasa. YB. Penaga juga telah menimbulkan soalan mengenai pencemaran Sungai Batu Ferringhi di mana antara soalan-soalan Yang Berhormat. Batu Ferringhi memang adalah satu destinasi.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Ya, Yang Berhormat sebelum pergi ke Batu Ferringhi, mengenai Sungai Juru salah satu perkara yang saya bangkitkan selain pencemaran itu ialah laporan dalam akhbar mengatakan tiga bulan pemimpin tempatan menjemput EXCO untuk datang melawat tidak nampak muka, itulah salah satu perkara yang saya sebut, mengapa tidak pergi adalah baik kalau dijemput datang, pergi melawat dan berjumpa dengan pemimpin masyarakat itu saja.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasih YB. Penaga, untuk makluman saya rasa hairan sedikit kerana sepanjang perjawatan ini tidak dijemputlah mungkin pengadu-pengadu telah menjemput Ahli-ahli EXCO yang lain atau pun ada kekeliruan projek pemulihan Sungai Juru itu disalah menjemput kepada Ahli-ahli EXCO yang lainlah, tetapi jikalau saya dijemput untuk bersama ke tapak atau sungai tersebut saya rela, esok pun bolehlah, tetapi mungkin terdapat sedikit kesilapan membuat jemputan saya memang tidak menerima jemputan, walau

bagaimanapun untuk Batu Ferringhi destinasi pelancongan kita kawasan di situ juga faktor-faktor yang menyebabkan pencemaran juga lebih kurang sama dengan di Sungai Juru dan Sungai Pinang. Program pemulihan sungai untuk Batu Ferringhi adalah seperti berikut, pengawalan hakisan tebing sungai bagi mengukuhkan tebing

sungai tanpa menjejaskan pemandangan semula jadi sungai yang indah, pemasangan *block born* dan DPT sistem perangkap sampah untuk mengurangkan sampah sarap yang mengalir melalui sungai ke pantai, sistem rawatan air sungai untuk mencapai kualiti air sungai kelas 2B, pengindahan landskap dengan menanam pokok yang sesuai di *reserve* sungai, program peningkatan kesedaran masyarakat pun kita akan adakan, komponen projek yang dilaksanakan oleh JPS bagi pemulihan pantai dan sungai Batu Ferringhi adalah seperti berikut, yang pertama memperkukuhkan *outlet* muara Sungai Batu Ferringhi dan di mana telah pun siap 50%, kedua pemulihan tebing di mana 90% telah pun siap, ketiga menaik taraf tebing dengan penggunaan *soft rock* di mana telah pun 60% disiapkan, yang keempat kerja landskap di Sungai Baru Ferringhi pelan reka bentuk telah pun siap dan menunggu peruntukan daripada Kementerian Pelancongan Malaysia, yang kelima *sand*

nourishment(dengan izin), pantai Batu Ferringhi ini dalam peringkat penyediaan dokumen kontrak dan keenam kerja menaik taraf loji rawatan kumbahan (IWK) Sungai Batu Ferringhi adalah dalam peringkat reka bentuk.

YB. Timbalan Speaker, ADUN Kawasan YB. Permatang Pasir juga telah menyentuh tentang masalah banjir di Permatang Rawa dan di mana Dewan yang mulia ini telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat tetapi sebagai maklumat tambahan masalah banjir di Kampung Permatang Rawa dijangka akan dapat di atasi melalui pelaksanaan projek tebatan banjir Lembaga Sungai Juru salah satu komponen projek ini adalah menaik taraf Sungai Permatang Rawa pada masa ini proses rundingan harga dengan kontraktor yang dilantik secara reka bina oleh Kerajaan Persekutuan sedang berjalan... Kerajaan Negeri.....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan. Soalan yang sama juga telah saya kemukakan secara bertulis dan juga semasa soalan perbahasan, bila agak-agak tarikh tu? Sebab jawapan selalu kata dah bagi tender, kadang-kadang dia boleh pi setahun, kadang-kadang boleh pi dua tahun. Agak-agak tarikh yang tetap tu bila Permatang Rawa? Yang kedua, di kawasan-kawasan tersebut, kadang-kadang boleh jugakah kita gunakan kaedah banyakkian *retention*, *retention pond* selain daripada ini. Sebab bila ada pembangunan perumahan-perumahan ni dia juga akan mengakibatkan banjir berlaku.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasih Yang Berhormat Seberang Jaya. Jawapan yang begini juga akan diberi pada kali ini. Tapi, saya rasa kalau dengan peruntukkan yang sedia ada kalau tidak ada perubahan besar kita memang akan melaksanakan projek-projek yang terlibat dengan kawasan Permatang Rawa. Saya dengan sendiri pun telah beberapa kali dipanggil oleh penduduk di sana kerana banjir yang begitu teruk. Dan saya faham keadaannya dan sehati dengan Yang Berhormat Seberang Jaya.

Untuk *retention pond* akan dirancang atau dibina dan terpulang pada *professionalism* JPS di mana mereka akan mengambil kira segala faktor yang terlibat. Kalau *retention pond* diperlukan, saya rasa JPS akan lebih arif daripada kita untuk membuat *retention pond* di kawasan yang terlibat dengan banjir.

YB. Tuan Speaker, saya akan mengalih kepada sedikit soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat khasnya tentang impak projek jambatan kedua (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

YB. Tuan Speaker, minta laluan. YB. Tuan Speaker, dalam ucapan perbahasan saya, saya bercakap pasal banjir di kawasan Telok Bahang. Kawasan ADUN Telok Bahang. Saya tunggu, punya tunggu, punya tunggu, tak sebut pun. Tentang Yang Berhormat daripada Bukit Tambun tak sebut pun pasal banjir di Telok Bahang.

Ini serius sekarang ni. Dulu banjir sikit-sikit tak banyak. Tapi, semenjak kerajaan baru ni, banjir kerap sangat. Dan teruk sangat. Jadi, bila banjir saya pergi la, wakil rakyat Telok Bahang ni bagus, dia pi cepat. Saya lihat sendiri keadaan banjir di sana, memang teruk. Rumah yang terlibat lebih kurang hampir 90 buah rumah yang terlibat dan sebenarnya saya dah panggil JPS sama, dan mereka bersama saya pergi melihat dan ada cadangan bagaimana hendak mengatasi masalah ini dengan segera. Masalah duit saya ingat tak timbul kerana saya tahu, tabung sumbangan saliran tu ada banyak dan boleh dipakai untuk projek segera. Saya harap perkara ini dapat diambil tindakan segera dan diambil serius. Saya takut hujan lagi, banjir lagi, susah semua orang.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Tuan Law Choo Kiang):

Terlupa Telok Bahang pun dekat dengan sungai dan laut, so, mudah banjir juga. Untuk Yang Berhormat Telok Bahang, tempat kawasan banjir tu, telah pun saya dan pegawai-pegawai yang terlibat, agensi yang terlibat telah pun membuat lawatan ke kawasan banjir itu. Dan untuk soalan YB. Telok Bahang, kerajaan memandang serius jugalah segala kejadian banjir dan di kawasan Telok Bahang di mana berlakunya banjir khasnya di Kampung Rawa,

Telok Bahang pada Mei yang lepas. Siasatan yang telah di buat oleh JPS, telah mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan banjir. Di antaranya, pertama adalah hujan yang agak luar biasa, longkang yang sedia ada tidak mampu menampung aliran air yang disebabkan hujan lebat, yang ketiga, kawasan penempatan yang sedia ada terletak di kawasan yang rendah di mana saya sendiri pergi, boleh lihat dengan jelas nampak adalah kawasan yang lebih rendah dan berpayau dan tiada sistem perparitan yang sempurna. Saya masuk ke kampung itu dan berasa sakit hatilah kerana dalam kampung itu tiada satu sistem perparitan yang elok dan itu pun bersama-sama pegawai-pegawai agensi yang lain, kita dok fikir cara bagaimana untuk mengatasi masalah sekian lama berada di Kampung Rawa itu. Kerajaan melalui JPS akan melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf sepertimana yang disaran oleh YB. Telok Bahang. Pada masa ini, JPS berada dalam proses pelan pengukuran dan reka bentuk dan dijangka siap dalam bulan Disember 2008 diikuti dengan kerja-kerja pembinaan.

YB. Tuan Speaker, memang dengan pembinaan jambatan kedua Pulau Pinang, kawasan-kawasan sekitarnya akan mengalami impak yang besar khasnya kepada warga-warga nelayan. Soalan ini telah pun dikemukakan oleh YB. Penaga tentang berapa lama perlunya dasar laut akan pulih dan masalah-masalah pampasan dan seterusnya Yang Berhormat ada bertanya mengenai cara-cara yang kita akan ambil untuk membantu para nelayan. Keadaan di dasar laut, akan dipulihkan secara berperingkat kalau dilaksananya projek jambatan kedua ini. Faktor perubahan keadaan dasar laut bukan sahaja disebabkan oleh aktiviti pembinaan jambatan kedua, tetapi turut disebabkan oleh faktor lain seperti keadaan arus dan aktiviti pembangunan di kawasan sekitarnya. Mengikut maklumat Jabatan Alam Sekitar, tempoh pemulihan peringkat awal akan mengambil masa lebih kurang 6 bulan. Peringkat pemulihan yang melibatkan ekosistem di dasar laut, di jangka akan mengambil masa yang lebih panjang di mana kita ramalkan lebih kurang 10 tahun. YB. Tuan Speaker, satu kajian *Fishery Impact Assessment*(dengan izin) FIA, telah pun dilaksanakan oleh pihak UEM melalui syarikat yang dilantik iaitu Syarikat Farmlim. Kajian ini bermula bulan Julai dan dijangka siap pada bulan September 2008. Ini akan terdapat tambahan pada skop kajian yang sedang dijalankan.

Kajian ini akan lebih secara merangkumi kawasan daripada Butterworth ke Tanjong Piandang di bahagian tanah besar dan di bahagian Pulau dari Batu Maung ke Telok Kumbar. Kajian ini lebih memfokuskan dan melihat kesan terhadap tahap kualiti air, malahan pencemaran bunyi di Pulau Kendi, aktiviti penternakan kerang, produktiviti nelayan, jumlah pendapatan dan sosio-ekonomi nelayan juga akan diambil kira dalam skop kajian ini.

Tentang pembuangan selut, di mana telah pun diutarakan. Selut daripada jajaran projek pembinaan jambatan kedua Pulau Pinang dilupus ke tapak pelupusan selut terletak di 9 batu nautika barat dari Pulau Kendi. Tapak pelupusan selut ini telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ini yang telah mengambil kira impak ke atas alam sekitar melalui kajian *environment assessment* ...(dengan izin), E.I.A dan juga kajian lain seperti kajian *hidroic*, kajian *impact* untuk industri perikanan dan pelancongan negeri. Bagi memastikan pelupusan ini dilakukan di tempat yang ditetapkan dan mematuhi syarat-syarat kelulusan, satu jawatankuasa teknikal telah

ditubuhkan dan diketuai oleh Jabatan Alam Sekitar. Jawatankuasa ini berperanan menjalankan kerja-kerja pemantauan dengan rapi terhadap semua syarikat atau kontraktor yang terlibat dengan aktiviti pelupusan selut supaya dapat menjalankan tanggungjawab dengan penuh integriti dan prihatin terhadap alam sekitar.

Untuk pampasan yang telah pun di peringkat rundingan, jumlah keseluruhan pampasan yang akan diberikan kepada nelayan dan penternak kerang yang terlibat dijangka sebanyak RM39.6 juta. Ini adalah angka di dalam proses rundingan. Yang kedua, sebanyak 8 unit nelayan dalam Persatuan Nelayan Seberang Perai dan 16 unit nelayan dalam Persatuan Nelayan Pulau Pinang Selatan, melibatkan jumlah 2167 nelayan dan 913 awak-awak. Pihak jawatankuasa peringkat Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Jabatan Perikanan telah menyelaraskan jumlah nelayan yang terlibat. Selain itu, sebanyak 5 pengusaha kerang yang terlibat secara langsung dalam pembinaan projek jambatan Pulau Pinang di mana anggaran kos pampasan adalah lebih kurang RM2.9 juta. Seperti mana yang telah dipersetujui, jumlah pampasan tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Yang Berhormat juga ada bertanya mengenai langkah-langkah yang diambil untuk membantu para nelayan yang terlibat(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Yang Berhormat, satu lagi mungkin Yang Berhormat tertinggal. Tadi di sebut penternak kerang dan nelayan. Penternak ikan dalam sangkar pula bagaimana?

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Tuan Law Choo Kiang):

Jumlah RM39.6 juta akan merangkumi semua yang terlibat, pengusaha-pengusaha ikan dalam sangkar itu selepas kajian *Fishery Impact Assessment* itu disediakan. Kita akan melihat dari segi kajian itu dan kita akan menentu dan mengenalpastikan berapa besar impak terhadap pengusaha-pengusaha ikan dalam sangkar khususnya di bahagian SPS di mana kebanyakannya terletak di sekitar Pulau Aman dan Sungai Udang. Untuk seterusnya (gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Sebelum tu, saya harap pihak nelayan, penternak ikan dalam sangkar dan penternak kerang ini mendapat pampasan yang memuaskan semua pihak. Satu perkara yang tak dijawab hari tu, YAB. Ketua Menteri pun tak jawab, berkenaan bila mereka tidak dapat menjalankan kegiatan mereka, apakah alternatif untuk mereka mencari nafkah hidup? Adakah Kerajaan Negeri menyediakan sebuah gerai ka untuk berniaga, membekal makanan ka dan sebagainya. Kedua, tadi ada disebutkan bahawa dasar laut bahawa selut apabila disedut mengambil masa lebih kurang 10 tahun untuk kembali pulih. Saya tidak tahu dari mana *figure* tu datang. Setahu saya tidak ada sebarang *literature*(dengan izin), menceritakan tentang itu. Bila diambil dan dihisap sehingga 10 juta *cubic meter*. Kalau ada saya nak tahulah di mana boleh dapatkan maklumat ini. Saya juga ingin membacanya, mungkin ada siapa-siapa yang beritahu, mungkin Yang Berhormat boleh beritahu. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Tuan Law Choo Kiang):

Yang Berhormat Penaga, saya baru nak sampai kepada langkah-langkah untuk kita ambil bagi membantu penternak kerang mahupun nelayan yang akan mengalami masalah daripada pembinaan *second bridge* ini. Antara langkah-langkah yang akan di ambil untuk membantu nelayan di atas kesan pembinaan jambatan kedua adalah seperti berikut. Selain daripada sejumlah bayaran pampasan kepada nelayan yang terlibat, kita juga bercadang supaya bot nelayan boleh digunakan untuk tugas sekitar kawasan pembinaan seperti pengangkutan pekerja. Kita juga bercadang supaya menggunakan persatuan nelayan sebagai pembekal makanan kepada kakitangan yang terlibat dalam projek jambatan yang kedua. Juga, kita akan memberi peluang pekerjaan yang sesuai kepada nelayan kalau projek jambatan yang kedua ini dimulakan. Juga kita akan memberi peluang kepada PNK kepada nelayan minyak diesel untuk kegunaan semasa permintaan itu juga satu cadangan yang boleh kita terima, kita juga mensyorkan supaya

syarikat pemaju-pemaju memelihara sumber perikanan dan lain-lain projek pembangunan komuniti nelayan itu antara usaha-usaha kita untuk membantu nelayan-nelayan kita yang terlibat dalam impak yang begitu jelas bila nak melaksanakannya. Jambatan yang kedua itu. Dan kita akan terima lagi cadangan daripada persatuan nelayan seperti yang saya sebut tadi.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya rasa langkah itu adalah langkah yang baik dan kerajaan dulu pun dah sebut kita runding langkah-langkah itu kita nak *commitment* dari Kerajaan Negeri hari ini melaksanakan itu yang saya bangkitkan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Tuan Law Choo Kiang):

YB. Penaga dalam isu ini langkah-langkah ini telah pun dibincang semasa YB. Penaga menjadi EXCO dan saya pun sedia maklum tetapi memandang status jambatan kedua masih keadaan yang tidak lagi begitu jelas khasnya besar sepertimana besarnya impak terhadap nelayan itu. Kita kena ambil kira dengan adanya satu kajian yang lebih halus di mana saya pun telah sebut bahawa

kajian *fishery impact assessment* itu kita mesti adakan terlebih dahulu bila kita masuk ke peringkat kita nak menentukan bayaran pampasan yang nak kita bayar kepada pihak nelayan. Dan saya juga ingin membawa soalan bahawa dalam pembinaan jambatan yang kedua ini semua pihak yang terlibat yang akan terjejas akan diambil kira dan ini telah merangkumi bukan sahaja nelayan laut, bukan sahaja penternak kerang, tetapi juga termasuk juga pengusaha ternakan ikan dalam sangkar. Kita juga dalam kajian *fishery impact* itu akan juga mengambil kira *social problem*(dengan izin), yang akan timbul bila kita membina jambatan yang kedua ini.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Tuan Tan Cheong Heng):

Saya ingin menarik satu isu kepada balik kepada banjir kilat sudah jauh. Tadi saya tertunggu-tunggu dekat Kampung Kolam, Koh Street saya tunggu-tunggu EXCO yang nak langkah-langkah apa untuk di situ untuk banjir kilat dan saya tak dengar apa-apa langkah kepada situ Kampung Koh Street, Padang Lalang. Adakah berapa

langkah akan dijalankan atau pun mengatasi masalah banjir kilat di situ?

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Tuan Law Choo Kiang):

Yang Berhormat Padang Lalang banjir di kawasan Kampung Koh Street itu kita akan juga selesai bila siapnya Rancangan Tebatan Banjir di Permatang Rawa, saya ingat dengan adanya projek Permatang Rawa itu dengan pelaksanaan projek itu masalah banjir di kawasan itu Kampung Koh Street yang berdekatan itu akan juga adanya satu kemajuan penyelesaian masalah banjir di sana.

YB. Tuan Speaker saya ingin pergi ke isu-isu dan soalan yang telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat iaitu mengenai insentif-insentif yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri dan Kementerian Pertanian terhadap Sektor Pertanian di Negeri Pulau Pinang ini. Insentif yang diberikan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut pertama, untuk Program Pembangunan Petani Pelapis, di bawah program ini sebanyak RM80 ribu telah diperuntukkan bagi tujuan untuk menunjukkan program melahirkan petani di kalangan belia.

Bantuan yang diberikan dalam bentuk kursus *hands-on* ... (dengan izin) dan bantuan galakan seperti bantuan infrastruktur dan *input* pertanian seperti baja. Yang kedua program kemajuan lain-lain Taman Ekonomi sebanyak RM150 000 telah diperuntukkan dalam program ini bertujuan untuk membangunkan tanaman-tanaman yang berpotensi seperti bunga-bunga, rempah ratus, herba dan lain-lain projek berpotensi seperti cacing harimau dan cendawan. Bantuan adalah berbentuk bantuan latihan dan bantuan permulaan. Juga kita mempunyai pembangunan industri tanaman makanan. Program ini bertujuan untuk memajukan projek tanaman padi, sayur-sayuran dan buah-buahan dengan pengamalan teknologi terkini dalam meningkatkan hasil pengeluaran ladang. Insentif yang diberikan merupakan khusus dalam bantuan input pertanian dan infrastruktur ladang yang diberikan adalah pada kadar berikut. Untuk padi RM1500 untuk sehektar, untuk sayur-sayuran RM8 ribu sehektar, buah-buahan RM6 ribu sehektar. Dalam pembangunan sumber manusia juga sebanyak RM200 ribu telah diperuntukkan untuk melaksanakan program latihan khusus petani, lawatan belajar dan

pusat *incubator* petani. Program latihan ini melibatkan perjanjian formal dan *informal* di Pusat Pertanian Rela.

Insentif yang disediakan melalui Kementerian Pertanian dan Asas Tani melalui Jabatan Pertanian adalah seperti berikut insentif pengeluaran dan penanaman dan sayur-sayuran, insentif ini bertujuan untuk meringankan beban petani berikutan dengan kenaikan kos pengeluaran dan menggalakkan peningkatan kos pengeluaran makanan ini adalah kos input pertanian adalah naik akibat kenaikan harga minyak dan telah memberi kesan kepada kos pengeluaran dan seterusnya pendapatan petani. Mahupun penternak dan nelayan kadar insentif tanaman adalah seperti berikut untuk sayur-sayuran RM81.00 akan diberikan untuk setiap metrik tan, buah-buahan RM78.00 akan diberikan untuk setiap metrik tan. Syarat-syarat kelayakan adalah seperti berikut yang pertama, mestilah warganegara Malaysia dan berdaftar di bawah Kementerian Pertanian dan mempunyai rekod ladang dan juga pengusaha di atas tanah sendiri, mahupun disewa atau dipajak atau status tanah yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa dan juga untuk syarat pengusaha individu dan syarikat atau pun institusi berkelayakan untuk membuat permohonan. Insentif peningkatan pengeluaran beras adalah seperti berikut, untuk meratakan tanah sebanyak RM1500 diberikan per hektar.

Untuk kesuburan tanah untuk mengembur tanah dan bertujuan meningkatkan ph tanah RM250 dibahagikan dan untuk kos upah RM100 per hektar akan diadakan untuk baja tambahan RM400 akan diberikan setiap per hektar. Kawalan perosak RM200 untuk per hektar. Harga minimum padi yang ditingkatkan daripada RM650 kepada RM750 bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri adalah merupakan bantuan galakan di bawah Program Pembangunan Industri Makanan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan. Saya dengar tadi semua insentif itu semua itu adalah dari Kementerian Pertanian. Saya dok tunggu apakah sumbangan Kerajaan Negeri dan Yang Amat Berhormat jawab sumbangan dari Kerajaan Negeri untuk beri galakan sahaja. Adakah lain-lain sumbangan untuk diberikan itu dan ini. Berapakah peruntukan dan adakah diberi galakan sahaja?

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Tuan Law Choo Kiang):

Yang Berhormat Penaga. Saya rasa soalan yang sama yang telah diutarakan semasa Yang Amat Berhormat membentangkan penggulangannya, saya rasa adalah baik kita berminat yang lebih luas dan jangan terlalu sempit di mana seperti yang kita tahu bahawa peruntukan mahupun dari Kerajaan Persekutuan mahupun dari bantuan daripada Kerajaan Negeri itu juga bahawa daripada semua duit rakyat, daripada pembayar cukai, tidaklah elok kita katakan bahawa kita guna pakai peruntukan dari Kerajaan Persekutuan maka ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri tidak memberi apa-apa bantuan, sekurang-kurangnya tanah itu adalah hak daripada pihak Kerajaan Negeri.

Adalah lebih baik jika kita melihatkan peruntukan kewangan itu dari satu skop yang lebih luas. Di mana kita tidak payahlah kita kira itu pun bukan duit daripada Kerajaan Persekutuan tapi itu duit rakyat. Itu pun bukan duit dari Barisan Nasional. Itu duit rakyat. Sekali lagi saya nak tegas sekali lagi maka kalau kita lihat duit rakyat itu tidaklah elok kita memperbezakan di mana peruntukan projek untuk membiayai mana-mana pihak juga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Yang Berhormat, Tuan Speaker minta laluan, Saya daripada tadi tidak berniat untuk berbahas saya tadi bertanya betul-betul soalan saya *straight forward* apa dia, ni Yang Berhormat pula mula dah kata Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kata...Saya tak tanya pun saya secara jujur apakah sumbangan daripada *State Government*. Cukai ka, ni dok merawit duit rakyat duit tu. Duit ni. Kata tak ada kata tak adalah. Cukuplah. Yang dok pusing-pusing itu buat apa? Berapa peruntukan? Tak ada, tak adalah. Yang dok melelong merata buat apa. Jangan dok ajar bahas saya pun cuba tak mahu bahas.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Tuan Law Choo Kiang):

YB. Penaga, kalau dulu ada sekarang ada. YB. Tuan Speaker saya mengambil kesempatan ini untuk membawa sedikit maklumat

tentang oleh YB. Sungai Aceh beliau telah menyoal dengan pembinaan jambatan kedua projek jambatan yang kedua maka kesan terhadap pendapatan penduduk khususnya kawasan Pulau Aman dan apa cadangan yang telah pun kita angkat boleh mengatasi masalah-masalah penduduk-penduduk di Pulau Aman. Kerajaan Negeri telah menyedari bahawa jika pembinaan jambatan kedua ini dilaksanakan segolongan rakyat akan terjejas dalam pendapatan khususnya di Pulau Aman dengan begitu dekatnya jajaran jambatan yang kedua ini, maka penduduk di Pulau Aman akan kurang dijejaskan pendapatan. Memandangkan Kerajaan Negeri sedang mempromosikan Pulau Aman sebagai satu destinasi eko-pelancongan, maka dengan bagi menambahkan lagi tarikan ke Pulau Aman ini untuk melawat ke Pulau Aman ini sedikit sebanyak juga dengan kehadiran pelancong-pelancong ke Pulau Aman ini akan juga membantu meningkatkan pendapatan penduduk-penduduk khususnya di Pulau Aman, dan Pulau Aman seperti yang sedia maklum mempunyai daya tarikan dia, khususnya dengan makanan laut, dengan makanan industri perikanan. Pulau Aman yang telah pun dalam rancangan sektor eko-pelancongan ini telah pun ada cadangan untuk membina hotel *five star* di pulau tersebut, tetapi setakat ini belum ada permohonan hotel *five star* di pulau tersebut, tetapi setakat ini belum ada permohonan secara rasmi.

Walau bagaimanapun garis panduan untuk daripada pihak berkuasa untuk tidak menjejaskan eko-sistem di Pulau Aman telah pun akan diperketatkan supaya dengan pembinaan segala permohonan pembinaan hotel *5 star* itu boleh menepati syarat-syarat yang kita letakkan. Misalannya, pembangunan di sana tidak boleh melebihi enam (6) unit kediaman dalam seekar. YB. Tuan Speaker, masalah pertanian dan...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Cuma ingin bertanya, sudahkah pihak Yang Berhormat berbincang dengan penduduk Pulau Aman sama ada mereka ini bersetuju berminat, pembinaan hotel di kawasan tersebut. Kerana kita mendapat aduan daripada penduduk Pulau Aman, mereka bimbang dengan wujudnya hotel-hotel nanti yang manfaatnya bukan penduduk Pulau Aman dan sudah semestinya kemungkinan besar yang akan menerima hasil besar adalah orang luar daripada Pulau

Aman. Pohonlah supaya Yang Berhormat dapat berbincang bersama dengan penduduk Pulau Aman dalam hal ini.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasih YB. Sungai Aceh, semua faktor akan diambil kira dan soalan daripada Sungai Aceh saya pun dimaklum dan akan diberi jawapan lebih mendalam bila sampainya penggulungan daripada YB. Timbalan Ketua Menteri. Yang Berhormat memang dalam keadaan bila krisis makanan telah pun ditubuhkan sektor pertanian telah pun sekali lagi menjadi satu (1) sektor tumpuan bagi negara-negara yang dianggapkan kekurangan makanan dan di Negeri Pulau Pinang walau pun sumbangan KDNK Pertanian adalah lebih kurang 1.5% tetapi sentiasa Negeri Pulau Pinang akan lebih mementingkan lagi sektor pertanian ini. Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat sektor pertanian di Negeri Pulau Pinang ini tidak kurang hebatnya kalau kita dapati sektor perikanan kita adalah antara terbesar di negara kita. Sektor ternakan juga adalah terbesar di negara ini. Mahupun sektor ikan hiasan dan kita melihat begitu mempunyai potensi yang begitu tinggi bahawa Negeri Pulau Pinang boleh menjadi juga satu (1) peranan yang penting untuk membekalkan makanan untuk memastikan bekalan negara kita adalah sentiasa dalam keadaan selamat.

Dan untuk jawapan-jawapan yang telah pun saya berikan, mungkin tidak terjawab semua soalan-soalan yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dan saya harap bila-bila masa saja soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat bolehlah menuju kepada saya dan saya akan sentiasa bagi segala bantuan untuk Yang Berhormat-Yang Berhormat. Maka dengan itu saya mohon menyokong.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Sebelum tu, boleh? Sebelum itu, terima kasih YB. Tuan Speaker. Tak apa Yang terhormat tak beri jawapan perkara yang saya bangkitkan itu ialah mengenai ternakan khinzir, adakah tertutup, *farming area*..tak dijawab tak apa, kita boleh bincang kemudian. Satu lagi perkara yang saya nak bangkitkan di sini ialah tentang dalam Ucapan TYT mengatakan usaha Kerajaan Negeri memajukan kawasan pertumbuhan pertanian baru. Ia ini TKPM, Taman Kekal

Pengeluaran Makanan di Juru dan di Ara Kuda. Sebenarnya dah lama, bukan baru. Hasilnya dah dapat. Gambar ini saya boleh bagi kat Yang Berhormat. Nanas ada, betik ada, *ladies finger* ada dan sebagainya. Benda ni dah 4 tahun, dah ambil hasil, dan makan dah. 5 ekar di beri kepada seorang pekebun sayur, dan dapat hasil jualannya ialah RM6 ribu sebulan. Benda ni dah jalan. Satu lagi Yang Berhormat tak sebut itu ialah (ZIA) Zon Industri Akuakultur yang termasuk dalam TKPM juga. Yang ini, Yang Berhormat boleh tumpukan kerana Pulau Pinang mempunyai kekuatan dalam Industri Akuakultur. Dan EU yang membatalkan pembelian kita punya *frozen sea food*. Tak apa, yang tu Yang Berhormat tak jawab tak apa, kita boleh bincang lain. Cari jalan macam mana nak majukan. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. Tuan Speaker:

Seterusnya kita jemput Ahli Kawasan Sungai Puyu...
(gangguan)

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Terima kasih YB. Tuan Speaker, saya ingin merakamkan terima kasih kepada semua ADUN yang telah mengambil perhatian terhadap bidang portfolio saya semasa perbahasan ke atas Ucapan

TYT Yang di-Pertua Negeri. Terlebih dahulu saya nak merakamkan saya bersyukur pada Tuhan, saya dapat duduk di sini sebagai seorang EXCO kerana pada masa yang dulu saya duduk sana sebagai ketua pembangkang dan saya ada kata saya memang berdoa pada tuhan kerana apa yang saya cakap sebagai seorang pembangkang semua tidak diambil kira. Dan hari ini saya memang dapat buat apa yang saya harap boleh untuk kebaikan negeri dan negara.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Saya belum ucap lagi.. (gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tuan EXCO, tuan EXCO. Saya hari ini....(gangguan)

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Saya tidak sentuh apa.... (gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya pun nak minta...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Duduk dulu....duduk dulu.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Kalau nak bagi, kalau tak bagi....saya keluar.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

You boleh keluar, itu *you* punya hal, duduk dulu, duduk dulu (gangguan). Sekarang boleh bangkit mai minta. Kalau kehendak laluan, sekarang boleh bangkit minta. Boleh...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya pun minta pada YB. Tuan Speaker tadi, seolah-olah macam *quotation* tu hebat sangat. Sekarang, dulu ketua pembangkang, sekarang jadi EXCO. Dulu pandai bangkang, sekarang buat kerja, rakyat nak tengok. Dulu bercakap, pam pam pam pam..lepas ini buat kerja, kita tengok rakyat menilaikan. Baru empat bulan, okay? Terima kasih YB. Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Ya terima kasih, ini, ini adalah satu (1) macam orang kata, *sole looser*, *sole looser* kerana ada sesi yang dahulu bila saya kata Tuhan Maha Kuasa, tuhan yang akan tentukan. Dia cakap, mimpilah, mimpi boleh jadi kerajaan, mimpilah hari ini, mimpi sudah jadi. ... (gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan YB. Tuan Speaker...(gangguan). Belum lagi buat kerja, sembang deras, belum lagi menunjukkan hasil, cakap punya kuat seperti macamlah *terror* sangat. Kita tunggu, baru empat (4) bulan. Lepas tu, *face* pulak kerajaan ini sebagai pilihan raya yang akan datang.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Baiklah terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Ya sama-sama...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Sekurang-kurang, empat bulan. Ada yang sejak 90-an, telur sebiji riuhih sekampung, kadang-kadang tak telur dalam itu sarang sahaja. Dan di sini, telah ada buat tuduhan-tuduhan kepada rakan saya ada apa-apa, senang saja, dulu ada, sekarang ada. Dulu tak ada, sekarang tak ada. Khasnya kepada peruntukan.

Baiklah YB. Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat Penaga dan Ahli Yang Berhormat Sungai Aceh, telah ada mempersoalkan cara pengedaran beras kepada penduduk-penduduk miskin di jauh-jauh dan di luar bandar. Pengedaran beras dibuat secara berpusat pada semua Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah pada 17 Mei 2008. penerima bantuan kebajikan telah dijemput untuk menerima bantuan beras. Bagaimana, mana penerima tidak mampu hadir, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah telah menguruskan penghantaran beras ke rumah. Bagi daerah SPU, sejumlah 1 ribu kampil beras telah dibuat penghantaran ke rumah oleh pihak Kebajikan Masyarakat Daerah dan jikalau ada sesiapa yang tidak menerima, Ahli Yang Berhormat dari Penaga boleh bawa mai jumpa saya, saya bawa pergi Pejabat Daerah edar, jikalau hatinya suci bahawa kehendak nak tolong menolong.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Laluan YB. Tuan Speaker..

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Boleh...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya kurang dengar, memang hantar ke rumah, ke maksudnya?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Kalau tak dengar, korek telingalah...(gangguan)

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Boleh saya pinjam alat daripada Yang Berhormat untuk korek telinga? Yang Berhormat dulu banyak korek telinga bukan?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Boleh...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Kalau boleh, bagi pinjam(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Lagi ada apa soalan tak?

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Kedua, oleh kerana berkait dengan beras juga, YB. Tuan Speaker, saya rujuk balik, saya ada bertanya dari segi bekalan beras ini, katanya proses melalui tender, atau pun dalam istilah lain sebut harga. Saya tak tau lah tender atau sebut harga terbuka. Cuma saya nak tanya kalau sebut harga, berapa sebut harga masuk, kalau

tender, berapa penender masuk bagi membekalkan beras ini...
(gangguan)

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

YB. Tuan Speaker, saya minta dia duduklah, orang belum sampai sana, dia sudah tanya sampai sana. Tak sabar, sabarlah, duduk dulu.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Tadi Yang Berhormat minta saya apa nak tanya lagi? betul tak YB. Tuan Speaker? Dia minta saya, apa nak tanya lagi? bukan Yang Berhormat hadkan apa jenis nak tanya. YB. Tuan Speaker jelas?

YB. Tuan Speaker:

Okay, jelas.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

YB. Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Okay? Lain kali jangan minta.

YB. Tuan Speaker:

Okay, dah habis?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Dah habis duduk, dah habis duduk, duduk, duduk....
(gangguan)

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Sahabat, sahabat, okay sahabat?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Duduk, duduk.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Hai, takkan EXCO senior nak kena bantuan depa? Saya orang baru ni. Okay, terima kasih YB. Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Duduk, duduk.

YB. Tuan Speaker:

Sila.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

YB. Tuan Speaker, saya belum sampai sana kerana saya satu demi satu. Saya ada catit bahawa siapa yang tanya soalan semua, semua ada catit. Dia jangan bimbang.

ADUN Pulau Betong ada mempersoalkan baki 60 kampil di pejabat. Sebenarnya sehingga kini, beras hanya berbaki 55 kampil dan ianya tidak dapat diserahkan sebab terdapat kes-kes yang telah meninggal dunia, dan ada dah pindah, dan ada juga sampai rumah dan mereka tak ada di dalam rumah. Itulah masalahnya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Penjelasan. Berapa lama nak pergi ke rumah tu jumpa orang? Sehari? Dua hari? Sejam? Dua jam? Kalau hari-hari pergi takkan tak jumpa kot? Kalau tak jumpa bermakna dia dah mati dah la. Soalan saya kalau boleh disegerakan saja, itu sahaja.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Ya. Jikalau sesiapa yang tidak dapat, jikalau nak benar tolong menolong, senaraikan nama dan mari sampai pejabat, saya boleh serah bagi. Jikalau betul suci tolong menolong. Duduk dulu, tak sampai anda. YB. Tuan Speaker, ADUN Pulau Betong juga ada mempersoalkan mutu beras. Beras yang dibekal oleh Kerajaan Negeri adalah Cap Telefon Super Tempatan 15% hancur. Beras ini

dibeli daripada sebuah syarikat, anak syarikat BERNAS. Mutu dan harga juga dikawal oleh BERNAS. Sehingga hari ini, pihak jabatan tidak menerima apa-apa rungutan daripada penerima bantuan beras berkaitan dengan kualiti beras tersebut. ADUN Permatang Berangan dan Sungai Acheh soalkan sama ada pembelian beras ini adalah melalui *open tender* ..sudah sampai. Pembelian secara belian terus dibuat *procedure* kewangan tetap dipatuhi. Di mana, kelulusan daripada YB. Pegawai Kewangan Negeri telah dipohon dan diperolehi pada 15 Mei 2008. Pembelian beras dibuat secara pengeluaran terus daripada syarikat Serba Wangi Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat Bernas. Sebagai makluman, Bernas ini merupakan satu syarikat tunggal yang memegang lesen pengimport beras dari Malaysia.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, BERNAS ini ada tujuh anak syarikat di Semenanjung Malaysia dan tersusun atur zon perniagaan masing-masing. Kelulusan yang diperolehi berdasarkan tawaran harga yang diberikan oleh syarikat Beras Wangi iaitu RM16.00 untuk sekampit di mana lebih murah dengan harga di pasaran iaitu sebanyak RM17.50. Kerajaan Negeri telah melakukan penjimatan sebanyak RM1.50 setiap kampakit. Harga beras diedarkan adalah barangan kawalan iaitu harga dan mutu juga dalam kawalan kementerian. Peraturan campuran juga dalam tetap oleh Bernas. Harga pasaran yang ditetapkan adalah RM17.50 akan tetapi Kerajaan Negeri hanya RM16.00 sekampit. Ada apa soalan? You tidak tanya, yang tanya Yang Berhormat Sungai Acheh.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Kenapa, adakah Yang Berhormat takutkah?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Duduk dahulu, saya tidak takut. Bila saya takut, bila masa pun boleh bahas tetapi kali ini duduk.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Bila takut beritahulah, saya pun boleh senang keluar.

YB. Tuan Speaker:

Yang Berhormat Sungai Puyu tidak beri laluan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Duduk dahulu, hendak keluar, keluarlah. Yang Berhormat Sungai Aceh, apa soalan kalau tiada saya pergi yang lain.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Penjelasan. Ini kawan saya lama.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Tidak terlibat anda kerana *you* tidak sentuh pada portfolio saya bila berucap. Tidak bersangkut *you* duduk (gangguan). Duduk, duduk jangan buang masa.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Hai, Yang Berhormat Sungai Puyu kenapa sekarang jadi penakut, dahulu berani sangat.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

YB. Tuan Speaker ...(dengan izin) peraturan-peraturan ... (dengan izin). Tidak boleh gunakan perkataan penakut dan ... (dengan izin), Peraturan 51, saya minta dia tarik balik, perkataan itu tidak sepatutnya digunakan dan kalau beliau berkelakuan tidak senonoh, dia sepatutnya diperintahkan keluar daripada Dewan.

YB. Tuan Speaker:

Terima kasih Yang Berhormat Seri Delima, kita hendak Yang Berhormat Sungai Aceh diberi laluan. Sila.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

YB. Tuan Speaker. ADUN Sungai Aceh.

YB. Tuan Speaker:

Yang Berhormat Sungai Puyu, tadi diberi laluan kepada yang Berhormat Sungai Aceh, bukan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Tadi dia sudah lepas tadi. Bila saya tanya berkenaan dengan *open tender*, dia tidak mahu jawab. Saya sekarang sudah pergi ... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria)

Bukan tanya lagi tadi.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Hendak tanya apa, berkenaan dengan *open tender*.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria)

Okay.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Boleh.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria)

Boleh, yang pertama yang beras itu, tahukah Yang Berhormat bahawa ada setengah beras memang tidak sampai di rumah tetapi sampai di rumah pemimpin tetapi pemimpin itu tidak mengenali penerima-penerima itu. Ada berlaku, ini aduan saya terima tetapi sekarang mungkin sudah sampai, tidak tahulah. Memang ada, jadi saya hendak beri senarai kepada Yang Berhormat pun tidak patutlah. Okay, Yang Berhormat, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

YB. Tuan Speaker, senarai yang saya menggunakan adalah daripada sehingga 29 Februari 2007 di mana senarai ini adalah senarai yang siap disediakan oleh Kerajaan Barisan Nasional. 29 bukan senarai baru. Jikalau ada apa-apa, kerajaan yang lepas itu Barisan Nasional mesti bertanggungjawab jikalau ada apa nama-nama yang tidak puas hati. Akan tetapi daripada tadi YB. Tuan Speaker, bila saya belum sampai *open tender*, dia pergi *open tender*. Bila saya pergi *open tender*, dia lari balik itu edaran beras. Itulah *standard nya*.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

YB. Tuan Speaker, saya minta laluan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Tidak terlibat, kalau hendak terlibat. Sekejap lagi kalau politik *you* terlibat. Sekarang(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Saya minta laluan untuk fasal beras ini.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Tidak terlibat kerana tadi semasa ucapan *you* tidak sentuh. Kalau tidak sentuh, tidak berhak untuk tanya kerana *you* tidak minat.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Mana boleh.

YB. Tuan Speaker:

Yang Berhormat Sungai Puyu tidak beri laluan sekarang ini.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

YB. Tuan Speaker, ada YB. Sungai Acheh telah menunjuk satu surat khabar bertarikh 11 Julai 2008 berceritakan tidak kisah tidur di mana-mana. Dia telah tunjuk bahawa seolah-olah kerajaan baru ini tidak ambil perhatian kepada pengemis.

Kerajaan Negeri melalui JKM Negeri Pulau Pinang telah mengambil tindakan secara jadual dan gempak bagi mengatasi masalah pengemis. Di antara tindakan ialah melalui operasi menyelamat kutu rayau dan pengemis. Operasi ini telah menjalankan

tiap-tiap bulan di tiap-tiap daerah di seluruh Negeri Pulau Pinang. Berikut adalah merupakan laporan statistik operasi yang telah dijalankan sepanjang Januari hingga Jun 2008:-

- (i) Bulan Januari, lelaki 21, perempuan 24, jumlah 25.
- (ii) Untuk Februari ada 8 lelaki, 5 perempuan, jumlah 13.
- (iii) Mac, 8 lelaki, 3 perempuan. jumlah 11.
- (iv) April, 9 lelaki, 6 perempuan, jumlah 15.
- (v) Untuk Mei ada 10 lelaki, 3 perempuan, jumlah 13.
- (vi) Jun ada 11 untuk lelaki, 7 perempuan, jumlah 18.

Bermaksud keseluruhannya ada 67 lelaki, 28 perempuan dan sejumlah 95. Maka pada bulan Julai operasi yang dijalankan adalah seperti berikut:-

- (i) 4 Julai 2008, operasi kawasan Komtar, Prangin Mall. 4 orang telah ditangkap 3 lelaki, 1 perempuan.
- (ii) Untuk 11 Julai 2008, Masjid Simpang Enam, 6 orang ditahan. 1 lelaki dewasa, 1 perempuan dewasa, 4 kanak-kanak. Rupanya adalah pendatang.
- (iii) Pada 18 Julai 2008, Masjid Simpang Enam, Komtar, Prangin Mall, Chowrasta Market, 18 orang ditahan. 10 kes ini hantar RSK, 8 dijamin oleh keluarga.

Operasi bersepadu yang melibatkan agensi-agensi kerajaan juga dijalankan di kawasan-kawasan yang dipercayai mempunyai

ramai kutu rayau dan pengemis sekurang-kurang sekali sebulan. Walau bagaimanapun, masalah ini sukar dibendung memandangkan kes-kes berulang banyak timbul disebabkan keengganan keluarga untuk menerima pengemis atau kutu rayau ini kembali walaupun sudah menjalankan pemulihan di Institut Pemulihan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Saya dengan sukacita saya maklumkan dan menjemput Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Acheh esok malam jikalau ada senang pukul 11.00 turun sama saya, saya boleh benarkan Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Acheh dalam satu operasi jikalau berminat. Saya percaya *you* tidak minat.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria)

Boleh, boleh.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Kalau boleh....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria)

Yang Berhormat kena beri surat rasmi kerana untuk dapat permit di rumah datang bersama Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Bukan di rumah saya. Kalau hendak keluar daripada rumah, apakah permit itu. Adakah permit untuk minta permit daripada keluarga atau isteri supaya boleh masuk jumpa saya untuk beroperasi itu. Kalau hendak surat rasmi, saya sudah biasa beri surat rasmi. Ada tidak, bila saya beri surat rasmi, surat rasmi itu ditolak. Ada ke tiada?

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria)

Yang saya sebut ini untuk operasi. Yang Berhormat ajak saya pergi operasi. YB. Tuan Speaker, dia ajak saya pergi operasi. Kenapa bincang fasal lain.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Ya, YB. Tuan Speaker, jemput operasi pun dia pun kena beri satu surat rasmi supaya dia boleh permit. Apabila saya beri satu surat rasmi minta dia ambil bahagian jadi Ahli MMK saya, dia pun tolak. Minat di mana, suci di mana. *Are you sincere* ...(dengan izin).

Tanya punya begitu banyak soalan, saya jemput secara rasmi (gangguan) supaya jadi ahli MMK saya. Yang Berhormat pun tolak. Itulah sikapnya tolak kerana kemungkinan, saya tidak fahamlah, tidak dibenar oleh UMNO supaya jangan beri kerjasama tetapi MMK saya kebajikan, kesihatan(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria)

YB. Tuan Speaker, laluan YB. Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Duduk dahulu, duduk dahulu.

YB. Tuan Speaker:

Tidak dibenarkan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

MMK saya ada atas kepentingan rakyat untuk mewujudkan satu masyarakat penyayang. Itu tanggungjawab semua orang tanpa ambil fikiran politik tetapi hanya hendak main politik bukan untuk jalankan tugas sebagai seorang wakil rakyat yang sentiasa membela untuk rakyat.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria)

Boleh, sekarang saya bangun. Okay, terima kasih. YB. Tuan Speaker, kalau sudah niat ikhlas hendak jemput, jemputlah tidak payah ungkit lama-lama. Kata kita CAT, bukan cara itu, CAT. Kemudian yang kedua ini pula dari segi khidmat ini, tidak payah kerana hendak pergi mesyuarat. Sedangkan kita datang ke Dewan

inipun, kita membantu bercakap. Ada pandangan kita yang berkaitan dengan kebajikan kita luah tadi, kita cerita. Dari mula kita bercakap, sehingga hari ini kita bercakap. Kena terima itu sebagai positif. Jangan kita bercakap masalah negatif yang seolah hendak menentang kerajaan. Kena terima walau pun pahit tetapi menjadi ubat untuk membantu kerajaan. Itulah yang dikatakan CAT tadi. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Balik pergi baca kamuslah kerana apabila kata orang yang bertanggungjawab. Bila orang jemput, mahu tidak mahu sahaja. Kerja tidak mahu cakap dia mahu(gangguan), duduk, duduk.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria)

Tadi saya mahu dia hendak jemputkan. Saya bercakap saya setuju itu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Duduk, duduk dahulu.

YB. Tuan Speaker:

Beri laluan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Yang Berhormat Sungai Aceh, ADUN Sungai Aceh, Ahli Yang Berhormat Seberang Jaya, Ahli Yang Berhormat Permatang Berangan, Ahli Yang Berhormat Batu Uban dan Ahli Yang Berhormat Seri Delima(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

YB. Tuan Speaker, saya hendak tanya ini. Kalau orang lain tanya soalan... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Duduk, duduk minta jalan dahulu.

YB. Tuan Speaker:

Minta laluan dahulu.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Kalau tidak boleh, sekarang Ahli Yang Berhormat daripada Barisan ini, kita tinggalkan Dewan ini, sekarang.

(Semua pembangkang keluar dari Dewan)

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

Kalau *you want walk out, you walk out*lah.

YB. Tuan Speaker:

Tadi beri laluan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):

You mahu *joint*, keluarlah ADUN Sungai Aceh. YB. Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkit masalah bantuan bencana. Bantuan bencana alam adalah di bawah peruntukan negeri dan siasatan akan dibuat pada kadar yang

segera. Bantuan segera jangka pendek yang disalurkan kepada mangsa bencana dalam bentuk keperluan asas seperti bantuan makanan, selimut dan tikar dan kegunaan harian peribadi. Selain daripada bantuan segera jangka pendek, jabatan juga membantu mangsa bencana dengan bantuan-bantuan jangka pendek dan dalam usaha pemulihan mangsa.

Antara bantuan yang disalur seperti perkhidmatan kaunseling kepada mangsa-mangsa trauma, bantuan sekolah, pakaian harian, bantuan keluarga, bantuan keperluan rumah dapur, bantuan membaiki rumah serta pemulihan perniagaan kecil. Jabatan mengambil tindakan untuk memproseskan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana selepas selesai siasatan dilakukan oleh pegawai kes. Bayaran bantuan kepada mangsa adalah melalui EFT (*Electronic Fund Transfer*) iaitu bayaran terus kepada akaun

mangsa dan tempoh bayaran itu dibuat bergantung kepada berdasar kepada jangka masa siasatan. Jadi kerosakan dan dokumen-dokumen sokongan yang diproses siasatan yang disediakan oleh mangsa. Selain daripada itu, bantuan segera boleh dipertimbangkan melalui Tabung TYT yang dikendali oleh pihak Pejabat Daerah.

Ahli Yang Berhormat ADUN Sungai Acheh telah bangkitkan bantuan bencana peruntukan jikalau ada merayu seluruh kepada ADUN juga kepada ADUN Barisan Nasional. Memang Kerajaan Negeri sedia ada bantuan bencana. Semua bantuan segera akan diurus oleh Pejabat Daerah dan JKM tertakluk kepada terma dan syarat-syarat tertentu yang mesti dipatuhi. Semua kelulusan bantuan bencana mesti mengikut terma dan syarat seperti laporan polis, laporan pegawai JKM, laporan pegawai Pejabat Daerah dan selepas itu Ahli Jawatankuasa Keselamatan Negara akan semak sebelum pertimbangan serta kelulusan dibuat. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah mencadangkan untuk memberi pertimbangan untuk memberi peruntukan kewangan yang lebih kepada setiap-tiap daerah.

Ahli Yang Berhormat daripada Batu Uban telah ada sentuh berkenaan dengan kebakaran dan saya percaya tadi YAB. Ketua Menteri telah menjawab sedikit sebanyak dan kerana masa yang tidak izinkan, saya akan serah laporan terus kepada Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan laporan kebakaran dan juga pampasan yang dibayar.

Ahli Yang Berhormat Paya Terubong telah persoalkan berkenaan dengan taska dan tadika. Memang Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah sentiasa dan selalu ada memantau keadaannya dan sehingga hari ini MPPP telah meluluskan 35 taska dan 28 tadika dan di bahagian seberang, MPSP telah meluluskan 37 taska dan 71 tadika. Sehingga hari ini masih terdapat banyak yang belum berdaftar diri dan berlesen daripada Pihak Berkuasa Tempatan. PBT sedang membuat bancian dan kesedaran yang dibuat berharap bahawa semua taska dan tadika yang belum didaftar dan belum dilesenkan, minta mereka berdaftar sebelum 31 Disember 2008 kerana selepas itu PBT dan semua lain-lain jabatan tidak akan teragak-agak untuk ambil tindakan penguatkuasaan kerana ia adalah penting daripada segi kesihatan.

YB. Tuan Speaker, ADUN Batu Uban telah bangkit perkara wang pampasan dan wang ehsan, memang di Negeri Pulau Pinang terdapat satu garis panduan yang dikenali sebagai garis panduan bayaran pampasan dan wang ehsan kepada penduduk-penduduk dan setinggian yang terlibat dengan projek kerajaan pada tahun 2003. Memang ada satu garis panduan dan saya boleh mengedarkan satu garis panduan kepada Ahli Yang Berhormat daripada Batu Uban.

YB. Tuan Speaker, saya ingat kerana pembangkang tidak minat, saya tidak payah jawab semua. Kalau mereka minat, boleh jumpa saya dan saya akan serah. Jangan buang masa-masa lain orang. YB. Tuan Speaker, saya memohon menyokong.

YB. Tuan Speaker:

Seterusnya penggulungan oleh Ahli Kawasan Batu Lancang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Tuan Law Heng Kiang):

YB. Tuan Speaker, saya mengambil bahagian dalam penggulungan dan juga menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Berhormat di dalam Dewan ini. Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang indah dan kaya dengan warisan unik serta daya tarikan yang tersendiri. Kerajaan Negeri memang mempunyai banyak strategi dan rancangan untuk membangunkan

pelancongan. Negeri ini juga merupakan antara negeri di mana pelancong gemar kunjungi kerana adanya makanan tempatan yang enak. Bangunan-bangunan pusaka dan kawasan alam semula jadi yang terpelihara dan terlindung dari pencemaran. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang menumpukan perhatian khususnya pada lapan (8) teras utama seperti berikut:-

- (i) Bangunan warisan dan bersejarah.
- (ii) Kebudayaan, kesenian dan perfilemen.
- (iii) Pelancongan eko dan keindahan semula jadi.
- (iv) Makanan enak.

- (v) Pusat konvensyen, pameran dan perdagangan.
- (vi) Pelancongan perubatan iaitu *Medical Tourism* ... (dengan izin).
- (vii) Pelancongan pendidikan.
- (viii) Ibu Pejabat Kawasan Wilayah.

YB. Tuan Speaker, oleh sebab baru-baru ini, George Town telah diiktiraf sebagai tapak warisan dunia oleh Pertubuhan Pendidikan Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau UNESCO pada 7 Julai 2008. Pada persidangan Jawatankuasa Warisan Dunia yang ke-32 yang berlangsung di Quebec City di Kanada, maka Kerajaan Negeri akan lebih fokus kepada kebudayaan warisan dan bersejarah. Pengiktirafan ini mampu menarik lebih ramai pelancong khususnya pelancong asing pada masa depan.

Justeru itu, hasil daripada meningkatkannya kedatangan pelancong pelancongan ia juga dapat membawa hasil juga dari segi ekonomi dari ekonomi bagi orang tempatan terutamanya kawasan sekeliling Lebuh Acheh. Lebuh Armenian dan kawasan sekelilingnya akan dijadikan pusat pelancongan kerana ada pelbagai sejarah serta menarik di sebalik reka bina bangunan-bangunan di sekeliling

kawasan tersebut. Pusat warisan Pulau Pinang di Lebuh Acheh juga memainkan peranan sebagai pusat maklumat pelancongan Pulau Pinang di mana pelancong boleh mendapatkan maklumat mengenai pelbagai tempat yang menarik yang boleh dikunjungi. Pusat maklumat pelancongan ini telah dijadikan tempat utama yang dikunjungi oleh pelancong tempatan dan juga luar negara. Setakat ini Kerajaan Negeri, ramai ahli perniagaan dan juga pelabur yang menunjukkan minat untuk melabur dalam bangunan-bangunan warisan di Pulau Pinang.

Di sini saya mengambil kesempatan untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Telok Bahang berkenaan dengan kawasan Telok Bahang. Negeri Pulau Pinang amat bertuah kerana mempunyai banyak warisan semula jadi seperti pantai, bukit dan

flora dan fauna yang terpelihara dan terlindung dari pencemaran. Antaranya adalah Taman Negara Pulau Pinang di Telok Bahang yang telah dirasmikan pada bulan Januari tahun ini. Hutan simpanan ini unik kerana ianya merupakan satu-satunya hutan Taman Negara yang dekat dengan kawasan bandar di dunia. Pelbagai kemudahan telah dibina seperti kaunter tiket, kedai kraf, surau, setor, tandas awam, landskap dan bilik pameran di pintu-pintu masuk ke Taman Negara Pulau Pinang. Di sana, pelancong boleh ke Pantai Keracut sama ada melalui trek hutan yang sedia ada atau menaiki bot. Di Pantai Keracut, pelancong dapat beristirehat di pantai yang bersih atau berenang. Di situ juga merupakan tempat di mana penyus menetas. Di sana juga terdapat satu tasik istimewa iaitu Tasik Merumetik. Sebuah tasik di mana lapisan air yang separa bercampur atau tidak bercampur sepenuhnya bergabung sumber air utama dan berlaku pada satu pusingan satu jangka masa. Tasik ini mempunyai keluasan 2.77 kilometer persegi. Punca air tasik ini adalah dari lima anak sungai serta air laut. Seramai 31,300 pelancong dalam dan luar negara telah mengunjungi Taman Negara Pulau Pinang pada tahun lepas dari bulan Januari sehingga bulan Mei tahun ini seramai 22,677 pelancong telah mengunjungi Taman Negara Pulau Pinang. Di sekitar Telok Bahang merupakan *tourism belt* ... (dengan izin) atau lingkaran pelancongan kerana terdapat pelbagai tempat menarik seperti Musium Perhutanan, Taman Rama-rama Pulau Pinang, *Tropical Spice Garden*... (dengan izin) dan juga terdapat *home stay* selain daripada pelbagai hotel-hotel yang bertaraf antarabangsa.

Tidak ketinggalan juga kita mempunyai Empangan Telok Bahang dan tempat inilah akan digunakan untuk perlumbaan Perahu Naga Antarabangsa yang akan berlangsung mulai 31 Julai hingga 3 Ogos ini. Pertandingan Perahu Naga Antarabangsa telah menarik seramai 3,500 peserta dari luar negara. Ini tidak termasuk peserta dari Malaysia. Kita jangka setiap hari perlumbaan tersebut akan menarik 8,000 penonton di sana.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Kerajaan Negeri juga menjemput semua wakil rakyat untuk turut hadir menyaksikan acara antarabangsa ini. Di Seberang Perai pula terdapat Taman Burung Pulau Pinang yang hanya 15 minit perjalanan dengan kereta dari Jambatan Pulau Pinang. Manakala empangan terbesar di Pulau Pinang iaitu Empangan Mengkuang di Bukit Mertajam juga masih

gemar dikunjungi pelancong. Antara tempat menarik lain di Seberang Perai yang akan lebih giat dipromosikan adalah seperti di kawasan perkampungan orang Melayu dan beberapa rumah kampung yang telah dijadikan *homestay* ...(dengan izin), seperti Kampung Mengkuang Titi. Tempat pelancongan lain adalah seperti Pulau Aman, Ceruk Tok Kun di Bukit Mertajam, Taman Hutan Rimba Bukit Panchor di Nibong Tebal, Rumah Berhala, *Night Emperor God* (dengan izin) di Raja Uda Butterworth dan *St. Anne Church* (dengan izin) di Bukit Mertajam. Selain itu, terdapat juga makanan laut yang enak di sekitar Bukit Tambun dan Batu Kawan. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Juru *Auto City* telah menjadikan tempat penarikan bukan sahaja dapat menarik pelancong tempatan tetapi juga dapat menarik pelancong dari luar negara.

Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Tanjung Tokong, Ahli Yang Berhormat Tanjung Bunga dan juga Ahli Yang Berhormat Seberang Jaya dan juga Ahli Yang Berhormat Permatang Pasir. Kerajaan Negeri sememangnya sedar mengenai cadangan bagi menetapkan kampung Tanjung Tokong sebagai kawasan warisan. Kerajaan Negeri sememangnya sedar mengenai perkara ini dan kepentingan memulihara warisan. Kerajaan Negeri akan mengkaji dan melihat kepada warisan yang wujud di Tanjung Tokong dan juga Balik Pulau dan Seberang Perai. Kerajaan negeri percaya kampung Tanjung Tokong sememangnya kaya dengan warisan terutamanya kebudayaan Melayu.

Kajian terperinci akan dibuat mengenai kawasan tersebut dan langkah-langkah perlu akan diambil oleh kerajaan termasuk berbincang dengan UDA iaitu *Urban Development Authority*. Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Tanjung Bunga cadangan bagi pembinaan *skylator* di Bukit Bendera haruslah dikaji dengan teliti. Perancangan yang teliti adalah perlu bagi memastikan semua projek yang dilaksanakan memberi impak positif kepada sektor pelancongan di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri telah mempunyai peancangan bagi terus memajukan Bukit Bendera sebagai destinasi pelancong dan langkah-langkah perlu sedang diambil ke arah itu. Buat masa sekarang, tiada pelabur yang bercadang untuk membina *skylator* di Bukit Bendera.

Untuk soalan daripada Ahli Yang Berhormat Pulau Betong berkenaan dengan rumah *Suffolk* dan juga berkenaan dengan penyertaan kerajaan di Pameran *Arabian Travel Mark*, saya

akan memberikan jawapan yang bertulis dengan terperinci. Oleh sebab itu, saya tidak perlu memanjangkan masa ini dan di sini saya mohon untuk menyokong. Terima kasih.

Untuk soalan daripada Ahli Yang Berhormat Pulau Betong, berkenaan dengan rumah *Suffolk*, dan juga berkenaan dengan penyertaan kerajaan di pameran *Arabian Travel Mark*. Saya akan memberikan jawapan yang terperinci, sebab itu saya tidak perlu untuk memanjangkan masa ini. Di sini saya menyokong untuk menyokong. Terima kasih.

YB. Tuan Speaker:

Ya, Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Tuan Lim Hock Seng):

Terima kasih YB. Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Penaga, Telok Bahang, Seberang Jaya, Seri Delima, Jawi, Bertam, Padang Lalang, Paya Terubong yang telah mengambil bahagian perbahasan perkara-perkara di bawah portfolio saya, sebahagiannya telah di jawab oleh YAB. Ketua Menteri sebentar tadi.

YB. Telok Bahang, dalam perbahasannya, berkenaan projek menaik taraf jalan persekutuan, iaitu pakej 2B iaitu dari Telok Kumbar ke Pekan Genting, ingin saya memberi sedikit maklumat berkenaan projek ini. Projek ini bermula pada April 2005 dan sepatutnya disiapkan pada September 2008. Kos projek ini adalah RM57 juta. Nama kontraktor untuk projek ini adalah Bulkera Cooperation Sdn. Bhd., dari Pulau Pinang. Skop kerja pula melibatkan pembinaan jalan sepanjang 3.3 kilometer dan pembinaan 6 buah jambatan. Kemajuan kerja setakat Julai 2008 adalah 76%, berbanding dengan jadual 95%. Sejak lagi bulan Feb 2008 iaitu selepas Hari Raya Cina kerja-kerja telah lambat dan kini telah berhenti. JKR Pulau Pinang telah menulis surat kepada JKR Pusat, berkenaan dengan perkembangan di tapak untuk tindakan sewajarnya. Saya bersama-sama pegawai JKR telah melawat ke

tapak pada April 2008 dan YAB. Ketua Menteri sangat prihatin akan projek ini dan telah membuat lawatan pada 18 Julai 2008.

Saya meminta Yang Berhormat Telok Bahang tolong menyampaikan perkembangan projek ini kepada rakan sahabat Yang Berhormat, yang ada di Kerajaan Pusat supaya kita sama-sama menyelamatkan projek ini demi keselesaan dan keselamatan seluruh rakyat Pulau Pinang.

YB. Tuan Speaker:

Bukan Telok Kumbar, tapi Telok Bahang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Tuan Lim Hock Seng):

Telok Bahang, maaf. YB. Tuan Speaker, YB. Seri Delima dalam ucapan beliau telah menyoal tentang lorong keutamaan di Pengkalan Feri dan ini telah dicelah oleh YB. Seberang Jaya. YB. Tuan Speaker, di Seberang Perai, pengguna lorong keutamaan boleh menggunakan lorong di penghujung kanan, iaitu *ticket booth*, di lorong untuk kenderaan lori masuk ke tempat menunggu sebelum menaiki feri. Di bahagian Pulau jalan masuk ini adalah sesak kerana kehadiran bas Rapid Penang dalam kawasan Pengkalan Raja Tun Uda yang telah menyebabkan kesesakan pengguna feri di mana ruang menunggu terbuka, yang dahulu mengandungi 12 lorong, kini hanya tinggal 6 lorong sahaja dan ekor dari itu pengguna

kenderaan yang ingin menggunakan perkhidmatan feri tidak mempunyai alternatif lain, kecuali menunggu di sepanjang jalan raya. Bagi mengurangkan masalah ini pengurusan PPSP sebagai pihak yang bertanggungjawab telah mengarahkan Unit Keselamatan bagi mengawal trafik di luar kawasan pengkalan. Walau pun bidang kuasa Unit Keselamatan PPSP adalah terhad di dalam mengawal trafik, iaitu di kawasan *prime area* dan ianya juga akan menimbulkan pelbagai permasalahan dari segi kesesakan aliran trafik di sepanjang jalan menuju ke pengkalan pada waktu puncak. Ini ditambah lagi dengan faktor jalan yang sempit. Kehadiran teksi-teksi, bas-bas awam yang menunggu penumpang di perhentian bas termasuk bas-bas pelancong yang di letak berhadapan tempat pendaratan sementara pelancong dari kapal-kapal pelancong di Tanjong City Marina yang menyumbang kepada keadaan ini. Oleh yang demikian

kerjasama dari pihak Polis DiRaja Malaysia dan Unit Trafik adalah sangat diharapkan bagi mengawal keadaan ini.

YB. Tuan Speaker dari Bertam ada bertanya berkenaan dengan mutu air paip yang keruh. Untuk maklumat Yang Berhormat, kekeruhan air paip adalah disebabkan oleh *sediment* ... (dengan izin) di saluran paip khas *galvanized pipe* atau tangki air, *sediment* adalah *iron deposit, fine soil* dan *clay partical*. Di Pulau Pinang ada 1,500 kilometer *main pipe* dan *key pipe lines* telah usang dan mudah pecah. PBAPP dari masa ke semasa menukar paip-paip yang pecah ini. Sebaik siap penukaran paip tekanan air atau *water pressure* ... (dengan izin), akan berbeza dan ini tercetus *sediment* saluran yang ada dalam saluran paip dan ini akan menjadikan air tersebut keruh. Ini boleh dibersihkan dengan cara *scouring*. Kekeruhan air juga boleh di sebabkan sistem saluran paip dalam rumah khas rumah-rumah yang dibina sebelum 1990 yang banyak menggunakan *galvanized pipe*. *Galvanized pipe* ini mula karat selepas 10 hingga 15 tahun. Tangki-tangki air juga satu antara sebabnya yang menjadi air keruh ini, sekiranya pengguna-pengguna air ingin meminta pertolongan PBAPP untuk mengadu mutu air boleh menelefon telefon 50196509.

YB. Tuan Speaker, Yang Berhormat Permatang Berangan, semasa mencelah ucapan dari YB. Bagan Dalam, telah menyanya mengenai bantuan RM100 kepada orang miskin melalui bil air PBA dan ini telah dijawab oleh Yang Berhormat dan ingin saya tambah

sedikit, iaitu bantuan kredit RM100 diberi kepada golongan miskin di Negeri Pulau Pinang bagi meringankan sedikit beban yang ditanggung oleh rakyat akibat kenaikan harga minyak baru-baru ini.

Lima kategori penerima layak mendapat faedah adalah seperti berikut:-

- 1) Penghuni rumah kos rendah dan kos sederhana rendah.
- 2) Mereka yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

- 3) Senarai Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT).
- 4) Pendapatan seisi rumah berjumlah kurang dari RM1,500
- 5) Pengguna air secara meter pukal, RM100 akan dikredit dalam akaun bil PBA mereka yang dikenal pasti itu. Penerimaan dari kategori, A, B, C dan E akan dikenal pasti melalui senarai daripada sumber-sumber PBA PP JKM dan SUK, ini diberikan secara Automatik, tidak perlu memohon Yang diPertua.

Bagi kategori A, D, mereka yang layak haruslah memohon dengan menghantar borang permohonan kepada PBAPP, permohonan akan dimajukan kepada Jawatankuasa Khas Bantuan Wang Ehsan RM100 yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri untuk diluluskan. Manakala kategori E akan dikenal pasti melalui rekod PBAPP dan senarai tersebut akan dimajukan kepada Jawatankuasa Khas Bantuan Wang Ehsan RM100 untuk kelulusan.

Setelah penelitian dilakukan dan permohonan yang memenuhi kriteria yang ditetapkan wang bantuan RM100 akan dikreditkan terus ke dalam akaun mereka.

YB. Tuan Speaker, YB. Padang Lalang dan juga YB. Jawi telah bertanya mengenai *traffic volume* sebelum dan selepas kenaikan harga minyak iaitu 5 Jun 2008. Untuk maklumat Yang Berhormat, 3 minggu sebelum kenaikan harga minyak, iaitu dari 15 Mei 2008 hingga 4 Jun 2008 jumlah bilangan kenderaan yang menggunakan Jambatan Pulau Pinang ialah sebanyak RM1,587,199 buah manakala tiga minggu selepas itu iaitu dari 5 Jun 2008 hingga 25 Jun 2008 jumlah kenderaan yang menggunakan jambatan adalah RM1,348,944 buah. Ini bermakna ada kekurangan sebanyak 238,250 buah kenderaan dan kadar penurunan sebanyak 15% selepas kenaikan harga minyak. Sehingga sekarang kiraan secara kasar kadar penurunan adalah sebanyak 5.5%, kalau dibandingkan bulan

Mei dengan Jun 2008, justeru itu keadaan kesesakan lalu lintas adalah lega dan kurang sedikit berbanding dengan sebelum ini.

YB. Tuan Speaker, berkenaan dengan perkara kedua yang dibangkitkan iaitu pertukaran kabel di *mid span* Jambatan Pulau Pinang dan untuk makluman Yang terhormat, Jambatan Pulau Pinang dibuka untuk kegunaan pada 14 September 1985. Jambatan ini sentiasa diawasi keselamatannya melalui *sound print system* iaitu satu jenis dari *ADITAM, vinci, monitor system*. Sistem ini telah mengesan adanya sedikit kecacatan pada *cable stay*, tetapi kecacatan ini bukannya keseluruhan dan tidak serius. Sistem asal adalah dengan menggunakan besi keluli *high tensile bar* dengan *diameter* 32mm atau 36mm dan disambung-sambungkan dengan sejenis *coupling* dengan 7 - 10 batang *steel bar cable* ini, ianya disarungkan dalam *steel sleeve* dan dibuat *grouting*. *Cable stay* ini memainkan peranan sebagai satu kabel yang menggantung dari *pylon*, iaitu satu *tower* di tengah-tengah jambatan ini *girder of deck*. Kecacatan yang dikesan adalah *coupling* yang digunakan untuk menyambung 2 batang besi keluli ini. Di Jambatan Pulau Pinang ada sebanyak 117 batang kabel, *cable stay* dengan berbeza ukuran panjangnya. Pihak LLM telah memutuskan menggantikan *cable stay* ini dengan sejenis *cable wirestrand*. Jenis kabel ini tiada sambungan dan terus boleh mengelak dari kecacatan. Kerja-kerja dijangka siap menjelang Ogos tahun hadapan.

YB. Tuan Speaker:

Yang Berhormat Bagan Jermal. Kita ada masa 1 minit sahaja.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Tuan Lim Hock Seng):

YB. Tuan Speaker, saya tidak ada panjang sangat, saya minta supaya dapat dihabiskan.

YB. Tuan Speaker:

Boleh, teruskan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Tuan Lim Hock Seng):

Terima kasih. YB. Paya Terubong ada bertanya. Apakah cara atau pun sistem penyelesaian masalah terhadap kesesakan

jalan raya di kawasan Paya Terubong yang diambil tindakan oleh pihak JKR. Memandang permasalahan ini berlanjutan dari masa ke semasa.

YB. Tuan Speaker, JKR telah memohon projek pembinaan jalan dua lorong sehalu di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, tetapi tidak diluluskan. Walau bagaimanapun untuk mengurangkan kesesakan di jalan tersebut JKR akan menggunakan program penyenggaraan tahunan untuk melebarkan jalan di kawasan bahu jalan yang luas. JKR akan memasukan lagi projek membina dua lorong sehalu ini di dalam RMK yang akan datang.

Tuan Yang diPertua, YB. Seberang Jaya semasa mencelah ucapan YB. Paya Terubong juga menyanya bilakah *parallel road* to Paya Terubong akan dibina untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas? Tuan yang DiPertua JKR memang mempunyai cadangan membina jalan parerall, jalan selari di Paya Terubong melalui kawasan *Wayton, Majestic Height* dan *Data Stream* terus ke Bukit Jambul. Sebahagian jalan tersebut telah pun siap dibina oleh pemaju. JKR akan mensyaratkan kepada pemaju yang memajukan kawasan tersebut untuk membina jalan bagi menyambungkan keseluruhan jalan itu. Ini pembinaan jalan akan melibatkan pengambilan balik tanah yang banyak jika JKR membina jalan tersebut.

621

Tuan Yang DiPertua, itulah sahaja jawapan saya dan sekiranya ada apa-apa yang tertinggal yang tidak sempat saya menjawab, pegawai di bawah portfolio saya pasti telah mencatatkan dan akan memberikan pertimbangan sewajarnya. Terima kasih. Saya memohon menyokong.

YB. Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, penggulungan untuk hari ini tamat pada masa sekarang. Dewan akan bersidang semula jam 9.30 pagi 29 Julai 2008 esok.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.35 petang.